



LAPORAN TAHUNAN

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Kandungan

4	1.0 Maklumat Korporat		2.0 Latar Belakang	
6	1.1 Sejarah Penubuhan	»	2.1 Canselor	12
7	1.2 Visi, Misi, Kualiti Objektif		2.2 Pro Canselor	14
7	1.3 Matlamat Pendidikan		2.3 Lembaga Pengarah Universiti	16
7	1.4 Piagam Pelanggan		2.4 Pengurusan Universiti	18
8	1.5 Pelan Strategik UTeM 2012-2020		2.5 Senat Universiti	20
9	1.6 Data Ringkas		2.6 Jawatankuasa Audit Dalam	23
			2.7 Struktur Organisasi	24
25	3.0 Laporan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	«	4.0 Pencapaian Berimpak UTeM 2019	33
29	Laporan Naib Canselor			
40	5.0 Petunjuk Prestasi Utama dan Bidang Keberhasilan Utama (KPI)	»	6.0 Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal	43
61	7.0 Merintis Teknologi Masa Hadapan	«	8.0 Memacu Potensi Industri dan Masyarakat	77
87	9.0 Pembangunan Fizikal & Pengurusan Prasarana	»	10.0 Gedung Ilmu dan Institusi Repositori	93
97	11.0 Pengurusan Infrastruktur dan Infostruktur ICT	«	12.0 Kecemerlangan Mahasiswa & Pemerkasaan Holistik	105
120	13.0 Pengurusan Bakat	»	14.0 Prestasi dan Laporan Kewangan	131

1.0 MAKLUMAT KORPORAT



- 1.1 Sejarah Penubuhan
- 1.2 Visi, Misi, Kualiti Objektif
- 1.3 Matlamat Pendidikan
- 1.4 Piagam Pelanggan
- 1.5 Pelan Strategik UTeM 2012-2020
- 1.6 Data Ringkas





Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada awalnya dikenali dengan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000 di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

UTeM terletak di Negeri Melaka, Bandaraya Bersejarah yang mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai World Heritage Site. Penjenamaan semula UTeM telah dilaksanakan pada 1 Februari 2007, dan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) ditukar kepada **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**.

UTeM merupakan sebuah universiti teknikal awam yang **pertama** ditubuhkan di Malaysia dan dikategorikan sebagai **Universiti Berfokus** yang memperkasakan bidang-bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi, pengurusan teknologi dan teknologi kejuruteraan.

Asas penubuhan UTeM adalah berpandukan model '*fachhochschule*' (FH) di Jerman dan sistem universiti politeknik di Hong Kong yang menekankan pendekatan 'practical-oriented'. Pendekatan pembelajaran, pengambilan pelajar dan penglibatan industri menjadikan UTeM sebuah universiti teknikal yang unik berbanding IPTA lain.

Maklumat Korporat

1.1 Sejarah Penubuhan

UTeM bermula dengan 3 buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Seramai 343 orang pelajar perintis mengikuti 5 program awal yang ditawarkan oleh fakulti-fakulti yang berkenaan.

Operasi UTeM bermula di kampus sementara di Taman Tasek Utama, Ayer Keroh sehingga tahun 2006 sebelum berpindah ke Kampus Industri, Ayer Keroh. Pada tahun 2008, Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal telah mula beroperasi secara berperingkat dan kini menempatkan 4 buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)

Pada masa yang sama, dua buah kampus cawangan UTeM telah ditubuhkan iaitu Kampus Bandar yang terletak di Jalan Hang Tuah yang menempatkan sebuah fakulti iaitu Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) pada tahun 2007.

Manakala, Kampus Teknologi (dahulu dikenali Kampus Industri) di Ayer Keroh telah ditubuhkan pada tahun 2011 dan menempatkan dua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).

Penubuhan FTK pada tarikh 11 April 2011, telah mencatatkan sejarah tersendiri bagi UTeM sebagai universiti awam pertama yang menawarkan program-program teknologi kejuruteraan di Malaysia selaras dengan tagline UTeM iaitu "Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui".

Pada tahun 2014, UTeM mencipta sejarah sekali lagi apabila menjadi universiti teknikal pertama di negara ini yang menerima status autonomi sepenuhnya daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.





1.2 Visi, Misi Objektif

VISI

**Menjadi Universiti
Teknikal yang
kreatif dan inovatif
terkemuka di dunia**

MISI

UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada kesejahteraan negara dan dunia dengan:

- i. Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan keserjanaan teknikal yang inovatif
- ii. Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional
- iii. Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti

OBJEKTIF

- i. Mengendalikan program akademik dan profesional berasaskan aplikasi yang sesuai dengan industri untuk melahirkan graduan dengan pengetahuan berkaitan, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah.
- ii. Membangunkan staf yang kompeten dan profesional berilmu (K-profesional).
- iii. Memacu aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan industri strategik untuk menjana kekayaan nasional.
- iv. Menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar.
- v. Memperkasa kepimpinan dan pentadbiran yang berkesan.
- vi. Memperkukuh kerjasama dan usaha sama dengan organisasi dan institusi antarabangsa.
- vii. Mempergiat aktiviti menjana pendapatan untuk mengurang kebergantungan kewangan.
- viii. Menawarkan program berasaskan pengetahuan, profesional dan akademik ke arah pembudayaan pembelajaran berterusan.



1.3 Matlamat Pendidikan

- i. Mengendalikan program akademik dan profesional berlandaskan kepada keperluan industri
- ii. Melahirkan graduan dengan pengetahuan relevan, kompetensi dalam kemahiran teknikal, kemahiran insaniah dan peka kepada tanggungjawab sosial
- iii. Menyemai dikalangan graduan kaedah saintifik, berfikiran kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan
- iv. Menggalakkan pembangunan penyelidikan dan aktiviti dengan kerjasama industri demi menjana kemakmuran negara
- v. Melengkapkan graduan dengan nilai-nilai kepimpinan, komunikasi dan pembelajaran berterusan
- vi. Melahirkan graduan berkemahiran teknousahawan dan pengurusan
- vii. Melahirkan graduan yang menghargai sastera dan budaya serta menyedari kepentingan budaya hidup sihat.

1.4 Piagam Pelanggan

Kami Komited Untuk Memberikan Perkhidmatan Terbaik Kepada Pelanggan Berdasarkan Piagam:

- i. Calon yang berjaya akan mendapat keputusan permohonan melalui portal UTeM selepas pengumuman rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia;
- ii. Keputusan permohonan cuti belajar dimaklumkan kepada calon selewat-lewatnya 7 hari bekerja selepas kelulusan diperolehi daripada Panel Cuti Belajar UTeM dan Bahagian Biasiswa Kementerian;
- iii. Keputusan pengesahan dalam jawatan staf dimaklumkan kepada staf 7 hari bekerja selepas Mesyuarat Panel Pengesahan dan Peperiksaan Staf bersidang;
- iv. Membayar semua tuntutan staf/pembekal selewat-lewatnya dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen yang lengkap diterima.
- v. Tempoh bayaran biasiswa 12 hari dari tarikh terima tajaan/penganjur sehingga dibayar kepada pelajar.
- vi. Bahan-bahan rujukan sedia dipinjam oleh pengguna dalam tempoh 4 bulan selepas penerimaan.
- vii. Menyediakan perkhidmatan rangkaian dan sistem aplikasi dalaman yang efisien, selamat dan boleh harap kepada semua pelanggan dengan melebihi 95% masa capaian.



- viii. Menyelesaikan 80% aduan kerosakan dan penambahbaikan dalam tempoh 2 minggu;
- ix. Menyediakan perkhidmatan yang mesra, cekap dan adil kepada pelajar;
- x. Tempoh proses pembayaran penyelidikan (tuntutan perjalanan, pembelian, dan sebagainya) selepas permohonan lengkap diterima adalah selama 14 hari;
- xi. Purata masa menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan kaunter di Pusat Pengajian Siswazah adalah kurang daripada 30 minit;
- xii. Mengedarkan surat pemakluman Latihan Industri kepada pihak industri selewat-lewatnya 1 bulan sebelum tarikh mula Latihan Industri tersebut; Peserta mendapat surat jemputan menghadiri kursus;
- xiii. Memaklumkan kepada fakulti keputusan akreditasi program yang diperolehi dalam tempoh 2 hari bekerja;
- xiv. Menjalankan siasatan berkaitan kemalangan/kejadian berbahaya/penyakit pekerjaan dan aduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam tempoh 3 hari selepas menerima notis; Memaklumkan kepada peserta tentang pengesahan penyertaan program yang disertai dalam tempoh 10 hari bekerja; dan Perpustakaan menyediakan perkhidmatan
- xvii. Repositori Institusi (ePrint) bagi bahan terbitan UTeM.

1.5 Nilai Teras

- i. Tekad untuk mencipta perubahan
- ii. Daya juang yang tinggi
- iii. Kesetiaan
- iv. Integriti
- v. Profesionalisme

1.6 Pelan Strategik UTeM 2012-2020

Pelan Strategik UTeM 2012 – 2020 merupakan usaha hasilan komprehensif melalui perundingan menyeluruh terhadap visi dan misi universiti serta perancangan masa hadapan. Halatuju universiti mengambilkira beberapa faktor seperti tren globalisasi masa kini, mobiliti, kolaborasi antarabangsa, evolusi dalam pengajaran dan pembelajaran, penggunaan teknologi yang optimum, amalan kerja terbaik, ciri keusahawanan dan perdampingan komuniti bagi mencorak masa hadapan yang gemilang.

UTeM komited dalam mengoptimumkan sumber sedia ada bagi melangsungkan perubahan dan penghasilan teknologi baru ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Perkembangan haluan strategik ini bermula dengan penajajaran set minda yang seterusnya diperkukuhkan melalui percambahan fikiran dan cetusan idea.

Haluan Strategik ini dipacu oleh 6 tema strategik utama yang menjadi asas kepada rangka kerja transformasi universiti. Tema-tema ini dipilih berdasarkan input yang diperolehi melalui siri bengkel dan dialog antara pasukan tema strategik yang menggunakan asas Strategi Lautan Biru dan *Futures Scenario Planning* yang dihasilkan oleh Profesor Sohail Inayatullah.

Enam tema tersebut adalah:

- i. Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal
- ii. Merintis Teknologi Masa Hadapan
- iii. Membentuk Pemimpin Berciri Keusahawanan
- iv. Memacu Potensi Komuniti dan Industri
- v. Pengurusan Bakat
- vi. Kelestarian Kewangan

Pelan ini akan menjadi panduan dalam perancangan dan pelaksanaan sama ada di peringkat individu mahupun Pusat Tanggungjawab serta menjadi rujukan dalam usaha mencapai visi, misi universiti bagi melonjakkan sektor pengajian tinggi ke puncak kecemerlangan serta mampu melahirkan modal insan berinovatif, kreatif dan terlatih demi pembangunan masa hadapan.



1.7 Data Ringkas

Nama Institusi Pengajian Tinggi (HEP):
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Tarikh Penubuhan:
1 Disember 2000

No. Rujukan Akta Penubuhan:
**Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
[P.U. (A) 45/2007]**

Nama, Gelaran dan Jawatan Ketua Pegawai Eksekutif:
**Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib (16/6/2014 - 16/6/2019)
Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim (16/6/2019 - sehingga kini)
Naib Canselor**

Alamat:
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal
Melaka Bandaraya Bersejarah
Malaysia**

No. Telefon :
+606 270 1000

No. Faks:
+606 270 1022


Alamat emel :
vc_utm@utm.edu.my

Laman web:
http://www.utm.edu.my

Nama dan Alamat Fakulti /Sekolah/Jabatan/Pusat (**Luar Kampus Induk**)

Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh





Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pusat Kecemerlangan & Kesarjanaan Akademik

Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal
Melaka Bandaraya Bersejarah
Malaysia

Pusat Pembangunan Perusahaan dan Teknousahawanan (CREATE)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh, Melaka, Malaysia

Pusat Kelestarian Alam Sekitar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia

Pejabat Penasihat Undang – Undang


Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Kampus Teknologi
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka, Malaysia





2.0
**LATAR
BELAKANG**





2.1 Canselor

Tuan Yang Terutama
Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil Bin Yaakob
Yang di-Pertua Negeri Melaka

S.M.N., D.U.N.M., S.U.M.Z., S.J.M.K., S.S.A.P., P.S.M.,
S.I.M.P., S.P.D.K., D.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P., G.C.O.M. (GER).



2.2 Pro Canselor



**Allahyarham Tan Sri Datuk
Dr. Hadenan Bin A. Jalil**

A.M.N., K.M.N., D.M.S.M.,
J.M.N., S.I.M.P., P.M.S., P.N.B.S.

15 Julai 2015 – 14 Julai 2018


15 Julai 2018 – 31 Ogos 2019



Datuk Dr. Sabirin Bin Ja'afar

D.M.S.M.

15 Nov 2019 – 14 Nov 2022





Datuk Wira Ismail Bin Saleh

D.C.S.M., D.S.M., K.M.N.

1 Okt 2013 – 30 Sept 2016

1 Okt 2016 – 30 Sept 2018

1 Okt 2018 – 30 Sept 2020



2.3

Lembaga Pengarah Universiti



Pengerusi

Academician Tan Sri
Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc



Ahli

Prof. Datuk Ts.
Dr. Shahrin Bin Sahib FASc.
16 Jun 2014
16 Jun 2019
(Tamat)



Ahli

Profesor Datuk Wira
Dr. Raha Abdul Rahim
16 Jun 2019
Hingga kini



Ahli

Dato' Profesor Ts.
Dr. Mohd Ismail Bin Abd Aziz
1 Mac 2018
28 April 2019
(Tamat)



Ahli

Profesor Dr. Rahmah
Binti Ahmad H. Osman



Ahli

Zulkhairil Amar
Bin Mohamad



Ahli

YB Datuk Seri
Dr. Hasim Bin Hasan



Ahli

YB Datuk Seri
Roslan Bin Ibrahim
1 Mac 2018
31 Jan 2019
(Tamat)



Ahli

Profesor Dr. Mohd Ridzuan
Bin Nordin
01 April 2018
31 Disember 2019
(Tamat)



Ahli

Datuk Nik Airina
Binti Nik Jaffar



Ahli

Datuk Omar Shariff
Bin Mydeen
1 Feb 2017
31 Jan 2019
(Tamat)



Ahli

Ir. Haji Ahmad
Bin Tamby Kadir



Ahli

Mohd Nazri Bin Md. Shariff
15 Julai 2016
14 Julai 2019
(Tamat)



Ahli
Dato' Roslina
Binti Zainal



Ahli
Datuk Dr. Haji Zahazan
Bin Mohamed



Ahli
Azrul Bin Aziz
15 Julai 2017
14 Julai 2019
(Tamat)



Ahli
Profesor Madya Dr.
Zuraidah Binti Abd Manaf



Setiausaha
Masdzarif Bin Mahat



2.4

Pengurusan Tertinggi Universiti



Naib Canselor
Profesor. Datuk Ts.
Dr. Shahrin Bin Sahib
16 Jun 2014
16 Jun 2019
(Tamat)



Naib Canselor
Profesor. Datuk Wira
Dr. Raha Abdul Rahim
16 Jun 2019
Hingga kini



**Timbalan
Naib Canselor**
(Akademik & Antarabangsa)
Profesor Datuk Ts.
Dr. Mohd Razali Bin Muhamad



**Timbalan
Naib Canselor**
(Penyelidikan & Inovasi)
Profesor Dr. Zulkifilie
Bin Ibrahim



**Timbalan
Naib Canselor**
(Hal Ehwal Pelajar)
Profesor Madya Dr. Nurulfajar
Bin Abd Manap



**Penolong
Naib Canselor**
(Jaringan Industri dan Masyarakat)
Profesor Ts.
Dr. Goh Ong Sing



Ketua Pegawai Operasi
Masdzarif Bin Mahat



Bendahari
Khairul Bin Taib



**Ketua
Pegawai Maklumat**
Mohd Isa Bin Mohd Dom



**Penasihat
Undang-undang**
Datuk Azhar Bin Mohamed

Pegawai Kanan Universiti



**Dekan
Pusat Pengajian
Siswazah**
Profesor Ts. Dr. Noreffendy
Bin Tamaldin



**Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Elektrik**
Profesor Madya Ir.
Dr. Md Nazri Bin Othman



**Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Elektronik dan
Kejuruteraan
Komputer**
Profesor Madya Dr. Mohd Shakir
Bin Md Saat



**Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal**
Dr. Ruztamreen Bin Jenal



**Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Pembuatan**
Profesor Dr. Zamberi
Bin Jamaludin



**Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Pembuatan**
Gs. Dr. Othman Bin Mohd



**Dekan
Fakulti Pengurusan
Teknologi dan
Teknousahawan**
Profesor Madya Dr. Juhaini
Binti Jabar



**Dekan
Fakulti Teknologi
Kejuruteraan Elektrik dan
Elektronik**
Ts. Dr. Rostam Affendi
Bin Hamzah



**Dekan
Fakulti Teknologi
Kejuruteraan Mekanikal
dan Pembuatan**
Profesor Madya Ts.
Dr. Umar Al-Amani
Bin Haji Azlan



**Dekan
Pusat Bahasa
dan Pembangunan
Insan**
Dr. Zawiah Binti Mat



**Dekan
Institut Pengurusan
Teknologi dan
Keusahawanan**
Profesor Madya Dr. Safiah
Binti Sidek



2.5 Senat Universiti

Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim
Pengerusi - Naib Canselor

Profesor Datuk Ts. Dr. Mohd Razali Bin Muhamad
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Profesor Dr. Zulkifilie Bin Ibrahim
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Profesor Madya Dr. Nurulfajar Bin Abd Manap
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Profesor Dr. Ts. Noreffendy Bin Tamaldin
Dekan Pusat Pengajian Siswazah

Profesor Madya Ir. Dr. Md Nazri Bin Othman
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Profesor Madya Dr. Mohd Shakir Bin Md Saat
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Dr. Ruztamreen Bin Jenal
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Profesor Dr. Zamberi Bin Jamaludin
Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Gs. Dr. Othman Bin Mohd
Dekan Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Madya Dr. Juhaini Binti Jabar
Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahwanan

Ts. Dr. Rostam Affendi Bin Hamzah
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Profesor Madya Ts. Dr. Umar Al-Amani Bin Haji Azlan
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan

Dr. Zawiah Binti Mat
Dekan Pusat Bahasa Pembangunan Insan

Profesor Madya Dr. Safiah Binti Sidek
Dekan Institut Pengurusan Teknologi dan Teknousahwanan



Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin Bin Ab. Ghani

Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Profesor Ir. Dr. Marizan Bin Sulaiman

Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Profesor Dr. Abdul Rani Bin Othman

Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Dr. Zulkalnain Bin Mohd Yussof

Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Ir. Dr. Kenneth A/L Sundaraj

Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Profesor Dr. Ghazali Bin Omar

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Profesor Dato' Dr. Abu Bin Abdullah

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Profesor Ir. Ts. Dr. Sivarao Subramonian

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Profesor Dr. Azizah Binti Shaaban

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Profesor Dr. Mohammad Ishak Bin Desa

Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Ts. Dr. Faaizah Binti Shahbodin

Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Dr. Mohd Khanapi Bin Abd Ghani

Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Ts. Dr. Sazilah Binti Salam

Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Dr. Rabiah Binti Ahmad

Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Profesor Dr. Mohd Ridzuan Bin Nordin

Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan

Profesor Ts. Dr. Goh Ong Sing

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)



Profesor Madya Ts. Mohd Rahimi Bin Yusoff
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Profesor Madya Ts. Dr. Muhammad Fahmi Bin Miskon
Pengarah Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik

Masdzarif Bin Mahat
Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi

Khairul Bin Taib
Bendahari

Mohd Isa Bin Mohd Dom
Ketua Pegawai Maklumat

Datuk Azhar Bin Mohamed
Penasihat Undang-undang



2.6

Jawatankuasa Audit 2018



Pengerusi

YB Datuk Seri
Dr. Hasim Bin Hasan



Ahli

Datuk Nik Airina
Binti Nik Jaffar



Ahli

Datuk Dr. Haji Zahazan
Bin Mohamed



Ahli

Zulkhairil Amar
Bin Mohamad



3.0 LAPORAN PENGERUSI

Lembaga Pengarah
Universiti





Laporan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Bismilahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dan syabas kepada seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) atas komitmen dan iltizam dalam memastikan segala pelan tindakan dan agenda bagi tahun 2019 berjaya dilaksanakan.

Tahun 2019 telah menyaksikan pelbagai kejayaan yang telah dikecapi dan sejarah yang telah dicipta oleh UTeM dalam pelbagai aspek. Sesungguhnya kejayaan ini adalah hasil kerjasama yang padu serta semangat kerja berpasukan yang hebat dari pelbagai pihak, khususnya para pemegang taruh UTeM yang merangkumi Ahli Lembaga Pengarah, pihak Pengurusan Universiti, rakan strategik industri dan agensi, barisan staf Akademik, staf Pengurusan dan Profesional, staf sokongan dan pelajar.

Bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah UTeM, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah atas pelantikan Naib Canselor UTeM ke-lima iaitu YBhg. Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim pada 16 Jun 2019. Lembaga Pengarah Universiti mengalu-alukan perantikan ini dan juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada mantan Naib Canselor UTeM, YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib atas perkhidmatan dan sumbangan beliau sebelum ini sebagai Naib Canselor dan ahli Lembaga Pengarah Universiti.

Bersama Ahli Lembaga Pengarah dan seluruh warga Universiti, saya juga menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada YBhg. Datuk Dr. Sabirin bin Ja'afar atas pelantikan sebagai Pro-Canselor, UTeM



mulai 15 November 2019. Pelantikan ini adalah bagi menggantikan Allahyarham Tan Sri Datuk Dr. Hadenan bin A. Jalil yang telah kembali ke Rahmatullah pada 18 September 2019.

Universiti turut merakamkan ucapan tahniah atas pelantikan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang baharu sepanjang tahun 2019 iaitu YBhg. Prof. Dr. Rahmah binti Ahmad H. Osman (wakil Kementerian Pendidikan Malaysia), YBrs. Encik Zulkhairil Amar bin Mohamad (wakil Kementerian Kewangan), YB. Datuk Seri Hasim bin Hasan (wakil masyarakat setempat), YBhg. Dato' Roslina binti Zainal (wakil Swasta) dan YBrs. Ir. Haji Ahmad bin Tamby Kadir (wakil swasta).

Universiti juga merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada mantan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang telah tamat tempoh pada tahun semasa iaitu YBhg. Dato' Dr. Mohd Ismail bin Abd Aziz, YBhg. Datuk Wira Roslan bin Ibrahim, YBhg. Datuk Omar Shariff bin Mydeen, YBrs. Tuan Haji Mohd Nazri bin Shariff dan YBrs. Encik Azrul bin Aziz.



Tahun 2019 menyaksikan UTeM mengorak langkah ke arah yang lebih membanggakan melalui penawaran program-program baharu sejajar dengan dasar kerajaan yang memberi penumpuan kepada bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). Enrolmen pelajar prasiswazah dan pascasiswazah mencatatkan peningkatan sejajar dengan pengenalan program baharu yang menepati keperluan industri masa kini dan masa hadapan.

Bagi mengiktiraf sumbangan serta hubungan erat universiti-industri, Majlis Konvokesyen ke-15 UTeM pada tahun 2019 telah menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Kejuruteraan kepada YBhg. Datuk (Dr.) Syed Hussain Al Junid, Pengerusi Kumpulan Western Digital dan Media Prima. Beliau yang mempunyai pengalaman serta kepakaran industri selama lebih 30 tahun juga merupakan CEO@Faculty UTeM dan Profesor Adjung UTeM sejak tahun 2018.

Program *Retreat* Canselor 2019 telah diadakan bagi membincangkan hala tuju universiti dalam tempoh 5 tahun akan datang. Barisan peserta yang terlibat terdiri daripada Tuan Yang Terutama Tun Canselor, Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan Pengurusan Tertinggi Universiti. Inisiatif ini juga telah memberi ruang kepada pihak universiti dalam menyediakan Pelan Strategik Universiti yang komprehensif bagi merealisasikan impian dan hasrat semua pihak terutamanya dari Tuan Yang Terutama Canselor UTeM sendiri.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Menteri Pendidikan Tinggi, YBhg Pro Canselor, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor, Ahli-Ahli Senat Universiti, Pegawai-Pegawai Kanan, staf Akademik, staf Pengurusan dan Profesional serta mahasiswa/mahasiswi UTeM atas segala komitmen dan kerjasama yang diberikan secara berterusan dalam perkembangan dan kemajuan universiti sepanjang tahun 2019.






Academician Tan Sri
Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc.
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Saya mendoakan agar kesepakatan dan semangat kebersamaan di UTeM terus dipegang erat dan disemat kukuh di sanubari semua warga demi merealisasikan kelangsungan serta kejayaan visi dan misi universiti. Semoga segala usaha dan ikhtiar kita mendapat keberkatan dan keredhaan daripada Allah S.W.T.

□○+○+ □○□○+○+○□○ +○+○□○
○+ □□+□+○+ □□+□+○+ □□+



LAPORAN
NAIB CANSOLOR



Laporan Naib Canselor

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah atas segala kejayaan dan kecemerlangan yang dicapai pada tahun 2019, yang memperkasa legasi UTeM sebagai sebuah universiti teknikal yang terkemuka di Malaysia dan persada global. Bersesuaian dengan hasrat tersebut, tema tahun 2019 iaitu Dominasi TVET Pelengkap Teknologi Tinggi menjadi tuntutan kepada seluruh warga UTeM untuk sentiasa keterhadapan merintis perubahan dan membudayakan kecemerlangan yang relevan dengan persekitaran semasa dan masa hadapan. Hasrat ini amat selari dengan tagline UTeM sendiri iaitu *Always a Pioneer, Always Ahead* (Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui).

Pelbagai kcemerlangan yang telah dikecapi begitu juga tidak kurang cabaran yang hadir sebagai pelengkap kepada satu keperkasaan legasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang telah melayari bahtera pendidikan tinggi TVET buat tahun ke-19. Dalam proses kematangan sebagai institusi ilmunan, UTeM telah memperkenalkan konsep T.U.N.A.I atau *Technology @ University Advancing Industry and Society*. Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang bertujahkan bidang Pembuatan Termaju dan Teknologi Komputer, penubuhan UTeM amatlah bertepatan bagi melahirkan teknologis berkemahiran tinggi yang berupaya memperkasakan inovasi sedia ada. Dalam merealisasikan konsep ini, kaedah dan pendekatan Cendiakawan Teknologi atau *Technology Scholar* telah diperkenalkan, khususnya dalam menyemarakkan lagi semangat warga Universiti dalam membudayakan pelbagai dimensi teknologi sehingga mampu menjadi penyumbang solusi atau *technology provider* terhadap ekosistem persekitaran khususnya terhadap akademia, industri dan masyarakat setempat.

Sebagai Universiti di bawah Jaringan Universiti Teknikal Malaysia atau MTUN, UTeM menuntut kebersamaan seluruh warga Universiti untuk

bersama-sama mengibarkan agenda pendidikan tinggi teknikal. Berpaksikan semangat *Let's RISE Together*, seluruh warga Universiti diajak untuk terus mencipta dan menjulang kecemerlangan tanpa mengetepikan sifat kerendahan diri menerusi sikap kebertanggungjawaban (*responsible*) yang tinggi, di samping integriti (*integrity*), kelestarian (*sustainable*) dan empati (*empathy*) yang menjadi keutamaan.

Alhamdulillah, saya berasa amat bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya, bersama semangat dan iltizam yang ada pada warga UTeM, Universiti tercinta ini telah mencapai pelbagai pencapaian membanggakan sama ada diperingkat lokal mahupun global. Selaku Naib Canselor, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas usaha dan komitmen semua pihak yang telah bekerja keras untuk memastikan UTeM terus menyumbang kepada masyarakat setempat, negeri, negara dan dunia.

UTeM sentiasa memastikan ekosistem universiti kekal bercitra intelektual. Dalam usaha untuk terus terkehadapan sebagai penyedia pendidikan tinggi TVET utama di negara ini, UTeM telah menawarkan enam program sarjana muda teknologi yang baharu dan telah mendapat kelulusan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Program-program tersebut adalah:

- i. Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Keujian;
- ii. Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dengan Keujian;
- iii. Sarjana Muda Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara dengan Keujian;
- iv. Sarjana Muda Teknologi Automotif dengan Keujian;
- v. Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektronik dengan Keujian; dan
- vi. Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri dengan Keujian.



UTeM juga merupakan Universiti Awam pertama pelopori pelaksanaan program Pensijilan Profesional Microsoft Sains Data 2019. Pelaksanaan program ini ternyata dapat meningkatkan lagi kualiti dan kebolehpasaran graduan yang mana lebih 50% graduan program ini telah berjaya mendapat pekerjaan di syarikat ternama seperti IBM, MIMOS, Malaysia Airport Berhad dan lain-lain lagi.

Aktiviti penyelidikan masih terus menjadi keutamaan dalam agenda UTeM. Kesungguhan penyelidik UTeM terus diberi pengiktirafan peringkat dunia. Dr. Mohd Riduan Ahmad, Pensyarah Kanan dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) telah terpilih bagi menjalankan kajian lanjut berhubung fenomena kilat di Semenanjung Antartika menerusi Skim Fellowship Sains Polar Asia 2019 di bawah tajaan Institut Penyelidikan Polar Korea (KOPRI) di bawah naungan kerajaan Korea Selatan. Kajian beliau dengan kerjasama Saintis Penyelidikan KOPRI iaitu Dr. Sang-jong Park terhadap penemuan baru berkaitan jenis-jenis kilat yang berlaku di Semenanjung Antartika (Kutub Selatan) berupaya merungkai permasalahan tentang senario pemanasan global dan perubahan iklim yang sedang dihadapi di planet bumi.

UTeM turut mencipta kegemilangan melalui penerimaan beberapa geran penyelidikan antarabangsa bernilai lebih daripada RM2 juta selain aktif bekerjasama dengan beberapa institusi dan agensi luar negara seperti China, Austria, United Kingdom, Belanda, Thailand, Indonesia.

Mahasiswa UTeM juga tidak kurang hebatnya. Proses pembelajaran dan pengajaran yang diamalkan di UTeM telah berjaya membina mahasiswa dan graduan yang berpengetahuan, berminda entrepreneurial dan berciri holistik yang mempunyai daya saing tinggi di persada global. Pertama kali dalam sejarah Asia, sembilan mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer UTeM telah menerima pengiktirafan berprestij *Radio Frequency* dan *Microwave Industry-Ready Student*. Kejayaan ini turut meletakkan UTeM sebaris dengan 40 universiti elit dari seluruh dunia yang telah menyertai program ini termasuklah Cardiff University, the University of Manchester, Columbia University dan Ohio State University.

Kejayaan lain yang diperolehi mahasiswa UTeM adalah seperti menggungguli Anugerah Kepimpinan Tertinggi ULDP 2019 anjuran Axiata Group Berhad, menjuarai pertandingan inovasi peringkat kebangsaan – UNIMAKER 2019, menjuarai XPAX Kejohanan e-Sukan Kampus 2019 Zon Selatan, selain turut mewakili Malaysia dalam Sukan Universiti Dunia (Universade) di Napoli, Itali dengan meraih pingat gangsa dalam acara Taekwando, pingat emas dan perak dalam Kejohanan *13th Classic International Taewando Championship 2019*.

Selain daripada itu, seorang Alumni UTeM iaitu Ahmad Zakuan Ahmad Dahalan yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) dengan kepujian telah terpilih bagi berkongsi kepakarannya menjalankan tugas sebagai *Technical Energy Expert di United Nations Industrial Development Organization (UNIDO)*, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi penghasilan polisi tenaga yang lebih cekap dan efektif untuk pihak kerajaan dan industri terutamanya dalam bidang *Thermal Energy Efficiency*.

Alhamdulillah, pencapaian cemerlang mahasiswa ini adalah kerana usaha padu dan inisiatif murni yang dirancang sebaik-baiknya terutamanya oleh pihak Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM. Mahasiswa UTeM telah disemai dengan sifat keihisan dan daya juang tinggi yang bercirikan T.U.A.H iaitu tangkas fizikal dan mental, unggul keperibadian, adaptif terhadap segala perubahan, dan holistik. Bagi menghargai dan mengiktiraf pelajar yang dikenalpasti mempunyai kesemua atribut definisi TUAH, UTeM telah memperkenalkan Anugerah Khas TUAH sempena Konvokesyen Ke 15.

UTeM dan komuniti adalah seperti irama dan lagu yang saling melengkapi. UTeM sentiasa memastikan sumbangan daripada penghasilan projek-projek penyelidikan adalah mesra komuniti dan boleh dimanfaatkan untuk kesejahteraan kehidupan dan persekitaran. Inisiatif Melaka Smart River dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri Melaka telah berjaya memulihara Sungai Melaka sebagai kawasan tumpuan utama pelancongan di negeri ini. Kepakaran penyelidik UTeM dalam penggunaan teknologi *Internet of Things (IoT)* telah berupaya menyelesaikan masalah kebersihan Sungai Melaka dengan berkesan. Dalam



menyokong sektor pelancongan di Negeri Melaka, UTeM turut menubuhkan Pusat Edu-Pelancongan sekaligus menjadikan universiti ini sebagai hab pelancongan di negeri ini.

Secara keseluruhannya, pada tahun 2019, daripada pelbagai lagi pencapaian cemerlang Universiti, saya hanya menyentuh sebahagian aspek sahaja dari sudut akademik, penyelidikan, pembangunan siswa dan jaringan masyarakat. Sesungguhnya, semua pencapaian yang dinikmati di sepanjang tahun ini adalah hasil komitmen dan kesungguhan seluruh warga UTeM. Semoga kejayaan ini akan terus memperoleh keberkatan dan limpah rahmat yang berkekalan dari Yang Maha Esa. Tidak dilupakan juga, buat rakan seperjuangan, sahabat handai dan ahli keluarga UTeM yang telah meninggalkan kita, sama-samalah kita

hadiahkan al-Fatihah dan mendoakan segala khidmat bakti mereka diterima sebagai amal jariah yang berkekalan. Semoga tahun baru 2020, memberikan semangat dan motivasi untuk UTeM terus meningkat maju mencipta lebih kejayaan, kecemerlangan dan kegemilangan di peringkat nasional dan antarabangsa, seiring dengan usia Universiti ini yang bakal mencapai dua dekad penubuhannya.

Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka





4.0
PENCAPAIAN BERIMPAK
UTeM 2019





PENCAPAIAN BERIMPAK UTeM 2019

UTeM Universiti Awam Pertama Pelopori Pelaksanaan Program Pensijilan Profesional Microsoft Sains Data 2019

UTeM merupakan universiti awam pertama dalam negara ini yang melaksanakan Program Pensijilan Profesional Microsoft Sains Data dan pelaksanaan program ini berupaya memberi peluang yang lebih luas kepada para graduan untuk mendapatkan pekerjaan yang bertepatan dengan bidang pengajian masing-masing.

Bidang sains data ini merupakan antara bidang yang menjadi tumpuan utama dan mendapat permintaan tinggi oleh kebanyakan organisasi di dalam mahupun luar negara.

lanya sangat penting ekoran atas dasar kepentingan pekerjaan saintis data telah dilabelkan sebagai pekerjaan masa hadapan kerana permintaan kerjaya terhadap profesion bidang ini meningkat dengan drastik dari tahun ke tahun.

Produk Inovasi dan Penyelidikan 2019

UTeM telah berjaya menyerlahkan produk inovasi dan penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan mencapai 100% kemenangan bagi setiap produk yang menyertai melalui kutipan sejumlah 35 pingat keseluruhannya yang mana 26 pingat menerusi *30th International Invention & Innovation Exhibition (ITEX) 2019* dan Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2019 manakala 9 pingat lagi di Seoul International Invention Fair (SIIF) 2019.

Penyelidik UTeM Ketua Kajian Penyelidikan Fenomena Kilat Di Antartika (Kutub Selatan)

Penyelidik UTeM yang merupakan Pensyarah Kanan dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) Dr Mohd Riduan Ahmad terpilih bagi menjalankan kajian lanjut berhubung fenomena kilat di Semenanjung Antartika menerusi Skim Fellowship Sains Polar Asia 2019 di bawah tajaan Institut Penyelidikan Polar Korea (KOPRI) di bawah naungan kerajaan Korea Selatan.

Kajian beliau dengan kerjasama Saintis Penyelidikan KOPRI iaitu Dr. Sang-jong Park bagi mendapatkan satu penemuan baru berkaitan jenis-jenis kilat yang berlaku di Semenanjung Antartika (Kutub Selatan). Penemuan baru ini dapat memberikan panduan yang dinantikan oleh kumpulan saintis dunia bagi merungkai permasalahan tentang senario pemanasan global dan perubahan iklim yang sedang dihadapi di planet bumi.

Pertama Kali Dalam Sejarah Asia: Mahasiswa UTeM Terima Pengiktirafan Berprestij Radio Frequency dan Microwave

Sembilan mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), UTeM telah diiktiraf menerima Persijilan *Radio Frequency (RF) and Microwave (MW) Industry-Ready Student* pertama di rantau Asia Pasifik.

Pengiktirafan ini sekaligus mengangkat UTeM sebagai universiti pertama di rantau Asia Pasifik yang diterima menyertai program *RF/MW Industry-Ready Student Certification*.

Kejayaan ini turut meletakkan UTeM sebaris dengan 40 universiti elit dari seluruh dunia yang telah menyertai program ini termasuklah *Cardiff University, the University of Manchester, Columbia University* dan *Ohio State University*.

Pengiktirafan yang diberikan adalah menerusi penilaian daripada panel industri iaitu dari Keysight Technologies dan Tekmark Sdn Bhd yang mana kedua-dua rakan industri tersebut merupakan rakan strategik UTeM menerusi bidang elektronik seperti wireless dan bidang Komunikasi 5G.

UTeM Pusat Edu-Pelancongan di Melaka

Tahun 2019 melakar sejarah tersendiri dalam konteks penyemarakan sektor pelancongan di negeri Melaka apabila UTeM telah melaksanakan inisiatif menubuhkan Pusat Edu-Pelancongan sekaligus menjadikan universiti ini sebagai hab pelancongan pembelajaran di negeri ini.

Antara impaknya adalah menterjemahkan hasil penyelidikan UTeM berasaskan pakej pelancongan yang dapat memberi manfaat umum di samping membuka peluang penjana ekonomi serta mempromosikan universiti ini secara langsung di peringkat nasional dan global.

Meraih Anugerah Buku Negara 2019

Pensyarah Kanan UTeM, Dr Norliah Kudus telah berjaya merangkul Anugerah Buku Negara 2019 bagi kategori Buku Umum Terbaik (Pengurusan) dengan tajuk buku berjudul "Organisasi Pembelajaran Memacu Kecemerlangan Universiti".

Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM Terima Pingat Kebesaran dari Kerajaan Jepun

Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc telah menerima pingat kebesaran daripada Kerajaan Jepun iaitu *The Order of the Rising Sun, Gold Rays with Neck Ribbon* daripada Duta Besar Jepun ke Malaysia, TYT Dr. Makio Miyagawa. Anugerah yang disampaikan bertempat di kediaman Duta tersebut di Kuala Lumpur itu telah dianugerahkan kepada beliau hasil dari sumbangan beliau dalam menggalakkan kerjasama ekonomi antara Jepun dan Malaysia.

Graduan UTeM Sumbang Kepakaran Kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

Alumni UTeM Ahmad Zakuan Ahmad Dahalan yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) dengan kepujian pada majlis konvokesyen UTeM ke-8 pada tahun 2012 telah terpilih bagi berkongsi kepakarannya menjalankan tugas sebagai *Technical Energy Expert* di United Nations Industrial Development Organization (UNIDO), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Tugasnya membantu kerajaan dan industri masa kini bagi memudahkan penghasilan polisi tenaga yang lebih cekap dan efektif untuk pihak kerajaan di samping memberi konsultasi kepada pihak industri terutamanya dalam bidang *Thermal Energy Efficiency*.

UTeM Perkenal Anugerah TUAH Hargai Pelajar

Buat pertama kalinya UTeM memperkenalkan Anugerah Khas TUAH sempena Konvokesyen Ke 15 yang berlangsung pada 2 dan 3 Disember 2019 yang lalu. Ianya merupakan anugerah yang cukup istimewa diwujudkan bagi menghargai dan mengiktiraf pelajar yang dikenalpasti mempunyai kesemua atribut definisi TUAH iaitu Tangkas, Unggul, Adaptif dan Holistik. Penerima tunggal anugerah tersebut menerima sijil, pingat dan cek bernilai RM 2,000.00.

UTeM Raih 4 Emas di *International University Carnival On e-Learning* (IUCEL2019)

Barisan penyelidik dan ahli akademik UTeM menyerlah di *International University Carnival on e-Learning* (IUCEL2019) pada 21 dan 22 Ogos 2019 bertempat di UNIMAS yang mengumpulkan para ahli, akademik, saintis, penyelidik dan sarjana terkemuka untuk bertukar dan berkongsi pengalaman dan hasil penyelidikan mereka dalam semua aspek e-pembelajaran.

Penyertaan UTeM telah berjaya merangkul 2 anugerah iaitu *Best e-Learning Management System Award (G-MOOC Platform to Enhance Students' Motivation)* dan *Primary School e-Learning Awards* oleh Nor Azmidy Ismail. UTeM turut mencipta kejayaan cemerlang dengan meraih 4 pingat emas, 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa.

UTeM Sedia Bantu dan Terima Pelajar OKU

Tahun 2019 UTeM menerima seramai 7 orang pelajar berstatus Orang Kelainan Upaya (OKU) selari dengan aspirasi inklusiviti nasional dan Kementerian Pendidikan Malaysia sekaligus membuka peluang kepada golongan tersebut yang mempunyai kelayakan akademik dan benar-benar layak menyambung pengajian di universiti awam teknikal berprestij ini. Selari dengan itu UTeM turut telah menjalankan beberapa inisiatif untuk membantu pelajar OKU antaranya dengan menubuhkan 1 Unit Servis Khas di bawah pentadbiran dan seliaan Pejabat Pendaftar, UTeM.

UTeM Lancar Kempen Kampus Tanpa Tunai

Bagi menyemarakkan kampus berpesekitaran tanpa tunai maka UTeM terus giat melancarkan kempen pelaksanaan tanpa tunai bagi semua transaksi perkhidmatan atau pembelian. Usaha ini adalah selari ke arah menyokong hasrat kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan transaksi pembayaran secara tunai menjelang tahun 2020.

Menerusi pelaksanaan kempen ini, kad matrik pelajar dan staf berasaskan kad bank atau kad debit untuk kegunaan AT atau *paywave* telah diperkenalkan yang mana kad ini turut berfungsi sebagai kad ID, akses pintu pejabat dan akses perkhidmatan perpustakaan di samping pembayaran yuran pengajian pada setiap semester.

UTeM Terima Geran Penyelidikan Antarabangsa Lebih RM 2 Juta

UTeM terus diiktiraf di peringkat dunia apabila telah menerima geran penyelidikan antarabangsa sebanyak RM 2.2 juta melibatkan sepuluh projek penyelidikan pada tahun 2019. Jumlah geran penyelidikan antarabangsa terbesar telah diperolehi menerusi syarikat dari Hong Kong yang bertapak di Malaysia iaitu Xinyi Solar Sdn Bhd. Dana sebanyak RM1 juta iaitu RM800,000 untuk Geran Penyelidikan UTeM dan RM200,000 disumbangkan ke dalam Tabung Sumbangan Industri yang bertujuan untuk kebajikan pelajar universiti.

UTeM turut berbangga apabila menjadi universiti pertama di negara ini yang berjaya memperolehi Geran Penyelidikan Antarabangsa ERASMUS+ CBHE on Automotive Engineering bersama FH JOANNEUM University of Applied Sciences, Graz, Austria. Projek penyelidikan ini berjumlah RM412,000.00 akan dijayakan bagi tempoh 36 bulan.

Antara lain turut menerima projek *Techno-Economic Framework For Resilient and Sustainable Electrification* bernilai RM729,306.00 dengan kerjasama University of Manchester United tajaan *The Engineering And Physical Sciences Research Council* (EPSRC), United Kingdom. Satu lagi geran sebanyak RM100,000.00 daripada Maqo Technologies (M) Sdn Bhd (MAQO) iaitu syarikat antarabangsa yang terlibat di dalam industri tenaga boleh diperbaharui.

UTeM juga telah berjaya menerima Geran Padanan penyelidikan bersama universiti luar negara dari Thailand dan Indonesia dengan jumlah projek RM120 ribu di samping turut berjaya memperolehi geran penyelidikan antarabangsa *ASEAN NCAP Collaborative Holistic Research* (ANCHOR) dari pihak *New Car Assessment Program for Southeast Asian Countries* (ASEAN NCAP) masing-masing bernilai RM30,000.00 dan RM18,800.00.

Dua orang pensyarah UTeM turut mencipta kejayaan tersendiri mengharumkan nama negara di Netherlands apabila projek tesis pengajian peringkat PhD mereka *Fundamental study of early vehicle's trajectory information on occupants inside an autonomous vehicle* telah mendapat pengiktirafan daripada *Department of Industrial Design, Eindhoven University of Technology* (TU/e), Netherlands. Dana penyelidikan yang diperolehi oleh mereka berdua masing-masing berjumlah RM40,000.00.

Peratusan Kebolehpasaran Graduan UTeM Antara Tertinggi

UTeM mencatatkan kadar peratusan kebolehpasaran graduan antara tertinggi dalam kalangan universiti awam dalam negara ini sekaligus meletakkan UTeM berjaya melepasi purata sasaran di peringkat nasional iaitu 80%.

Bantu OKU Penyelidik UTeM Terima Anugerah Antarabangsa

Penyelidik UTeM Prof. Dr Faaizah Shahbodin telah berjaya mengharumkan nama universiti ini di peringkat antarabangsa menerusi kejayaan memenangi anugerah *SEAMEO-Jasper Research Award*. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik sempena Majlis Makan Malam *50th SEAMEO Council Conference* di Kuala Lumpur.

Pemeriksaan Harta Intelek

Tahun 2019 menzahirkan usaha dan kesungguhan pihak UTeM dalam aspek pemeriksaan Harta Intelek serta pengkomersilan apabila berjaya membuahkan hasil memberangsangkan dengan pencapaian sebanyak 40 *Copyright*, 4 *Patent Filing*, 7 *Trademark* dan 3 *Patent Granted*.

Penawaran Program-Program Baharu

UTeM telah berjaya menawarkan program-program Sarjana Muda Teknologi yang baharu dan telah mendapat kelulusan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Program-program tersebut adalah terdiri daripada 10 program sarjana muda teknologi yang ditawarkan di MTUN dan 6 daripada program tersebut telah ditawarkan di UTeM. Program-program tersebut adalah:

- i. Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Keupujian;
- ii. Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dengan Keupujian;
- iii. Sarjana Muda Teknologi Penyjukan dan Penyamanan Udara dengan Keupujian;
- iv. Sarjana Muda Teknologi Automotif dengan Keupujian;
- v. Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektronik dengan Keupujian; dan
- vi. Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri dengan Keupujian.



Atlet UTeM Menyerlah di Pentas Nasional dan Global

Lembaran 2019 telah mencatatkan kejayaan cemerlang barisan atlet UTeM yang telah berjaya mengharumkan nama UTeM termasuklah nama negara di pentas aksi dunia. Antara kejayaannya adalah memenangi pingat gangsa yang menjadi pingat pertama bagi kontingen Pasukan Taekwondo Malaysia untuk acara *team sparring*, Sukan Universiti Dunia. Seterusnya terus mengorak langkah kejayaan dengan menempa kemenangan 3 pingat emas menerusi kategori *poomsae individual*, 18 hingga 30 tahun (*black belt*), kategori *poomsae team*, 18 hingga 30 tahun (*black belt*) dan kategori *kyorugi* individu, *welter weight* 74 hingga 80 kilogram manakala 2 pingat gangsa diraih menerusi kategori *poomsae Individu* di kejohanan *9th Tirak Taekwondo International Championship 2019* di Bangkok, Thailand.

Pasukan Taekwondo UTeM juga telah berjaya menggondol pingat emas bagi acara *poomsae* untuk kedua-dua kategori lelaki dan wanita berpasukan serta pingat perak bagi acara *poomsae* campuran dan acara *poomsae* individu di *13th CK Classic International Taekwondo Championship 2019*. Sementara itu 2 orang pelajar UTeM yang mewakili Malaysia sebagai atlet Perahu Naga Persatuan Kanu Malaysia dan telah berjaya memenangi pingat gangsa dalam *Dongguan - Guangzhao International Dragon Boat Invitational Tournament 2019* di Taman Negara China.

UTeM Guna Kepakaran Jayakan Program *Melaka Smart River 2019*

UTeM telah melaksanakan program *Melaka Smart River* (MSR) sebagai inisiatif usaha pemuliharaan Sungai Melaka sekaligus meningkatkan kadar pelancongan di negeri di samping ianya juga memantau kualiti air dan udara di Sungai Melaka. Ianya dilaksanakan dengan menggunakan teknologi *Internet of Things* (IoT) dan beberapa pengisian program berkaitan seperti *Melaka Smart River Challenge* yang bertujuan untuk menguji kreativiti dan kebijaksanaan peserta dalam menyelesaikan masalah kebersihan Sungai Melaka.

International Conference on Smart Community and Industry (ICSCI) 2019

International Conference on Smart Community and Industry (ICSCI) 2019 telah diadakan pada 16 hingga 18 Oktober 2019 di sebuah hotel terkemuka di Bandaraya Melaka menyaksikan lebih 20 syarikat multinasional serta industri kecil sederhana melibatkan diri secara langsung termasuk penyertaan 200 orang ahli akademik, pihak industri dan agensi berkaitan. ICSCI 2019 dengan tema *Bridging The Gap between Academic and Industry in Accelerating Industry 4.0 and Smart City* merupakan persidangan antarabangsa yang julung kali dianjurkan dengan kolaborasi antara universiti, industri, agensi, komuniti dan institusi antarabangsa.

Ianya melibatkan industri yang giat dengan pembangunan Revolusi Industri 4.0 seperti Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd., STMicroelectronics (M) Sdn. Bhd., Muehlbauer Technologies (M) Sdn. Bhd. dan Siemens Malaysia Sdn. Bhd. Persidangan ini juga akan dapat sokongan daripada agensi kerajaan, iaitu *Melaka Smart City Advisory Council*, *Malaysia Investment Development Authority* (MIDA), *Malaysia Productivity Corporation* (MPC), *Malaysian Communications and Multimedia Commission* (MCMC) dan *Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute* (MARii).

Samsung SDIEM *Engineering Upskilling Training*

Program perundingan ini merupakan jalinan kerjasama strategik antara UTeM dan Samsung SDIEM yang menyumbangkan kepakaran serta fasiliti bagi memberikan latihan serta meningkatkan kemahiran kepada 300 orang jurutera dari Samsung SDIEM.


Sehingga Disember 2019, 3 kumpulan telah berjaya menamatkan latihan mereka dengan jayanya manakala kumpulan keempat pula dijangka akan memulakan kursus mereka pada Januari 2020. Program *Upskilling* ini

memberikan impak yang besar kerana berjaya menjana pendapatan universiti dengan caj perundingan melebihi RM100 ribu setahun.

Western Digital Campus Connect Programme

Aktiviti yang melibatkan kerjasama dengan industri yang telah lama terjalin ialah Program Campus Connect KPT-WD yang mana UTeM telah diberi kepercayaan sebagai sekretariat. Program ini telah terlaksana sejak tahun 2013 dan berjaya melatih 118 pelajar Program Ijazah Sarjana Muda (GrIP) dan 234 orang pelajar Diploma (INDEP). Melalui program ini juga turut memberi peluang kepada 66 orang pelajar UTeM untuk menjalani Latihan Industri selama 2 bulan di WD Thailand pada tahun 2016, 2017 dan 2018.

Melalui kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia pada 2019, sebanyak RM428,400 telah diperuntukkan untuk kesinambungan program ini di bawah nama *Graduate Ramp and Launch Employability Programme In Advanced Technology Industry (GREAT)* yang menyasarkan seramai 100 orang pelajar dihantar bagi menjalani latihan industri berstruktur di Western Digital / Sandisk.



**5.0 Petunjuk Prestasi
Utama dan Bidang
Keberhasilan Utama
(KPI)**





PETUNJUK PRESTASI UTAMA DAN BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (KPI)

Petunjuk Prestasi Utama dan Pencapaian UTeM Bagi Tahun 2019

BIL.	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	PENCAPAIAN
1.	Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan, pada tahun konvokesyen.	80%	93.7%
2.	Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti.	2.00	1.49
3.	Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti.	7.055	12.99
4.	Jumlah penjanaan pendapatan sendiri berbanding jumlah perbelanjaan mengurus yang telah ditetapkan.	15%	20.1%
5.	Peratus keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di universiti: (i) Sarjana Muda (ii) Sarjana (iii) PhD	$\leq 5\%$ $\leq 3\%$ $\leq 2\%$	2.2% 2% 2%
6.	Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGoT) di universiti: (i) Sarjana Muda (ii) Sarjana (iii) PhD	85% 70% 40%	87% 65% 32%
7.	EPP 12: Menjuarai sebagai jenama pendidikan Malaysia di peringkat antarabangsa: (i) bilangan pelajar antarabangsa; dan (ii) bilangan pelajar antarabangsa pascasiswazah.	150 230	189 608



6.0
Melonjak Kecemerlangan
Pendidikan Teknikal





MELONJAK KECEMERLANGAN PENDIDIKAN TEKNIKAL

Program Akademik

Pada tahun 2019 UTeM telah menawarkan sebanyak 5 program diperingkat Diploma dan 38 program di peringkat Ijazah Sarjana Muda termasuk 4 program yang akan mula ditawarkan pada tahun 2020. Senarai program yang ditawarkan mengikut fakulti adalah seperti berikut:

Jadual 1 Penawaran Program di UTeM

Fakulti	Kod Program	Nama Program	
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)	BEKG	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian	
	BEKM	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik Dengan Kepujian	
	DEK	Diploma Kejuruteraan Elektrik	
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)	BENG	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian	
	BENR	Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer Dengan Kepujian	
	DEN	Diploma Kejuruteraan Elektronik	
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	BMCG	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian	
	DMC	Diploma Kejuruteraan Mekanikal	
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	BMFG	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan Dengan Kepujian	
	BMCK	Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif Dengan Kepujian	
	DMF	Diploma Kejuruteraan Pembuatan	
Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (FTMK)	BITC	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) Dengan Kepujian	
	BITD	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pengurusan Pangkalan Data) Dengan Kepujian	
	BITI	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan) Dengan Kepujian	
	BITM	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) Dengan Kepujian	
	BITS	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) Dengan Kepujian	
	BITZ	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Komputer) Dengan Kepujian	
	BITE	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Permainan) Dengan Kepujian	
	DIT	Diploma Teknologi Maklumat & Komunikasi	

Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Teknousahawanan (FPTT)	BTEC	Ijazah Sarjana Muda Teknousahawanan Dengan Kepujian
	BTMI	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Inovasi Teknologi)
	BTMM	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Pemasaran Teknologi Tinggi)
	BTMS	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengurusan Rantaian Bekalan Dan Logistik) Dengan Kepujian
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik (FTKEE)	BEEI	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Dengan Kepujian
	BEEA	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi Industri & Robotik) Dengan Kepujian
	BEET	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) Dengan Kepujian
	BEEE	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) Dengan Kepujian
	BEEC	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) Dengan Kepujian
	BEEY	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian
	BEEZ	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian
	BTEA*	Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri Dengan Kepujian
	BTEM*	Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik Dengan Kepujian
	BMMA	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) Dengan Kepujian
	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan (FTKMP)	BMMH
BMMM		Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Penyelenggaraan) Dengan Kepujian
BMMP		Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Proses Dan Teknologi) Dengan Kepujian
BMMD		Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Produk) Dengan Kepujian
BMMV		Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian
BMMW		Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan Dengan Kepujian
BMMK		Sarjana Muda Teknologi Kimpalan Dengan Kepujian
BMMI		Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri Dengan Kepujian
BMMF*		Sarjana Muda Teknologi Automotif Dengan Kepujian
BMMS*		Sarjana Muda Teknologi Penyejukan Dan Penyaman Udara Dengan Kepujian

**Kursus yang telah diluluskan oleh MQA tetapi belum ditawarkan dan kursus tersebut akan mula ditawarkan pada tahun 2020.*



Pengambilan dan Enrolmen Pelajar Prasiswazah 2019

Statistik pendaftaran pelajar baharu bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

Jadual 2 Pengambilan Pelajar Baharu UTeM 2019

Fakulti	ISM Tempatan (Ambilan Februari @ Sem II 2018/2019)	ISM Antarabangsa (Ambilan Februari @ Sem II 2018/2019)	ISM Tempatan (Ambilan September @ Sem I 2019/2020)	ISM Antarabangsa (Ambilan September @ Sem I 2019/2020)	Diploma (Ambilan Jun @ Sem 0 2019/2020)	Jumlah
FKE	41	2	224	9	120	396
FKEKK	63	1	176	1	63	304
FKM	60	3	220	2	94	379
FKP	85	-	85	2	44	216
FTMK	81	6	430	17	192	726
FPTT	-	-	423	4	-	427
FTKEE	-	-	397	2	-	399
FTKMP	-	1	419	1	-	421
Jumlah	330	13	2374	38	513	3268

Setakat 31 Disember 2019, enrolmen pelajar prasiswazah yang mengikuti pengajian prasiswazah ialah seramai 11,388 orang pelajar. Jadual di bawah menunjukkan enrolmen pelajar dari 2010 hingga 2019 mengikut peringkat pengajian:

Jadual 3 Enrolmen Pelajar Prasiswazah UTeM 2019

Tahun	Program		Jumlah
	Diploma	Ijazah Sarjana Muda	
2010	1001	5778	6779
2011	1277	7075	8352
2012	1173	7795	8968
2013	1110	8964	10074
2014	853	9366	10219
2015	928	9348	10276
2016	1119	9439	10558
2017	1394	9306	10700
2018	1548	9530	11078
2019	1542	9846	11388

Merujuk kepada jadual di atas, sepanjang tempoh dari tahun 2010 hingga 2019 berlaku peningkatan enrolmen setiap tahun kerana faktor-faktor berikut:-

- i) Pertambahan program-program baru
- ii) Dasar kerajaan mengambil pelajar aliran Teknologi dan Vokasional (TVET) terutama kepada Malaysian Technical University Network (MTUN)
- iii) UTeM semakin dikenali dikalangan para pelajar dan menjadi antara pilihan utama kemasukan ke universiti awam

Graduate on Time

Pada tahun 2019 *Graduate On Time* (GOT) UTeM menunjukkan pencapaian yang cemerlang dengan mencatatkan sebanyak 87.0% pelajar program Ijazah Sarjana Muda yang bergraduasi pada tempoh masa yang ditetapkan iaitu 1,865 orang pelajar berbanding jumlah pengambilan seramai 2143 orang pelajar (kohort 2015/2016). Manakala bagi pelajar program Diploma pula mencatatkan sebanyak 96.9% pelajar yang bergraduasi pada tempoh ditetapkan iaitu 474 orang pelajar berbanding jumlah pengambilan seramai 489 orang pelajar (kohort 2016/2017).

Jadual 4 Perbandingan Jumlah Kemasukan Pelajar bagi 2015/2016 dan GOT

Ijazah Sarjana Muda Kohort Kemasukan 2015/2016

Fakulti	Jumlah Pelajar	Jumlah Pelajar GOT	% GOT
FKE	242	194	80.2%
FKEKK	181	147	81.2%
FKM	221	181	81.9%
FKP	191	149	78.0%
FTMK	297	246	82.8%
FPTT	291	272	93.5%
FTKEE	375	350	93.3%
FTKMP	345	326	94.5%
KESELURUHAN	2143	1865	87.0%

Jadual 5 Perbandingan Jumlah Kemasukan Pelajar bagi 2016/2017 dan GOT

Diploma Kohort Kemasukan 2016/2017

Fakulti	Jumlah Pelajar	Jumlah Pelajar GOT	% GOT
FKE	90	87	96.7%
FKEKK	75	71	94.7%
FKM	90	88	97.8%
FKP	108	104	96.3%
FTMK	126	124	98.4%
KESELURUHAN	489	474	96.9%

Konvokesyen 2019

Majlis Konvokesyen ke-15 telah diadakan pada 2 & 3 Disember 2019 bertempat di Dewan Canselor UTeM. Seramai 2993 orang graduan telah dianugerahkan dengan Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Doktor Kejuruteraan, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma masing-masing yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Sri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob, Canselor UTeM. Statistik jumlah graduan UTeM mengikut fakulti dan peringkat kelayakan bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:




Jadual 6 Bilangan Graduan Majlis Konvokesyen ke-15 UTeM

Fakulti	Peringkat Kelayakan	Jumlah
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)	Ijazah Kedoktoran	2
	Ijazah Sarjana	21
	Ijazah Sarjana Muda	237
	Diploma	88
Fakulti Kejuruteraan Elektronik Dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)	Ijazah Kedoktoran	5
	Ijazah Sarjana	27
	Ijazah Sarjana Muda	194
	Diploma	74
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Ijazah Kedoktoran	2
	Ijazah Sarjana	41
	Ijazah Sarjana Muda	251
	Diploma	90
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	Ijazah Kedoktoran	5
	Ijazah Doktor Kejuruteraan	1
	Ijazah Sarjana	70
	Ijazah Sarjana Muda	221
Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (FTMK)	Diploma	106
	Ijazah Kedoktoran	7
	Ijazah Sarjana	54
	Ijazah Sarjana Muda	349
Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Teknousahawanan (FPTT)	Diploma	128
	Ijazah Kedoktoran	0
	Ijazah Sarjana	26
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik (FTKEE)	Ijazah Sarjana Muda	284
	Ijazah Sarjana Muda	372
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan (FTKMP)	Ijazah Sarjana Muda	337
Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK)	Ijazah Sarjana	1
Jumlah		2993

Pengambilan dan Enrolmen Pelajar Pascasiswazah


Pusat Pengajian Siswazah (PPS) melaksanakan pengambilan pelajar pascasiswazah 2 kali setahun iaitu pada Februari dan September. Statistik pengambilan pelajar pascasiswazah sejak dari penubuhan PPS sehingga tahun berakhir 2019 adalah seperti di bawah:



Rajah 1 Statistik Pengambilan Pelajar Pascasiswazah di UTeM

Sepertimana kita sedia maklum, program pembiayaan MyBrain15 di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang merupakan dorongan utama dan penyumbang kepada peningkatan pengambilan pelajar pengajian pascasiswazah masih lagi tertangguh sehingga tahun 2019. Walau bagaimanapun, UTeM masih mencapai paras pengambilan pelajar pascasiswazah yang konsisten sehingga tahun berakhir 2019 berdasarkan faktor seperti pemerkasaan program promosi, penawaran program pengajian yang komprehensif, pembiayaan Skim Zamalah UTeM bagi program penyelidikan, geran penyelidikan dan faktor-faktor lain yang berhubungkait dengan aspirasi untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan pengantarabangsaan.


Pengambilan pelajar setiap tahun juga memberi kesan kepada peningkatan enrolmen semasa (Aktif dan Tangguh Pengajian) pelajar pascasiswazah. Pola enrolmen pascasiswazah setiap tahun adalah seperti di bawah:



Rajah 2 Statistik Enrolmen Pelajar Pascasiswazah di UTeM

Graduan Pascasiswazah

Graduan pascasiswazah yang dihasilkan pada konvokesyen 2019 adalah seramai 262 orang. Statistik jumlah graduan pascasiswazah yang telah dihasilkan dari tahun 2006 sehingga tahun 2019 adalah seperti yang digambarkan dalam rajah di bawah:




Rajah 4 Statistik Graduan Pascasiswazah Sehingga 2019

Graduate On Time Pascasiswazah

Untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan pencapaian KPI tamat pengajian dalam tempoh ditetapkan *Graduate On Time (GOT)*), PPS telah melantik beberapa orang profesor dari universiti penyelidikan untuk memberi kursus pendek kepada pelajar PhD dan Sarjana Penyelidikan yang dilaksanakan pada setiap sesi pengajian seperti kaedah penyelidikan, penulisan tesis yang berkualiti, kaedah menulis kajian lepas, alat penyelidikan dan pengurusan *citation*, menganalisa data dan penerbitan jurnal berimpak tinggi.

Untuk rekod pencapaian, peratusan GOT masih dilihat turun naik dan ianya bergantung kepada bilangan pelajar yang mencapai GOT pada sesuatu tahun berbanding dengan jumlah graduan pada tahun tersebut. Peratusan GOT pelajar pascasiswazah dari tahun 2010 – 2019 adalah seperti di bawah:



Rajah 5 GOT Pascasiswazah UTeM Sehingga 2019

Penawaran Program-Program Baharu

UTeM telah berjaya menawarkan program-program sarjana muda teknologi yang baharu dan telah mendapat kelulusan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Program-program tersebut adalah terdiri daripada 10 program Sarjana Muda Teknologi yang ditawarkan di MTUN dan 6 daripada program tersebut telah ditawarkan di UTeM. Program-program tersebut adalah:

- vii. Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Keupujian;
- viii. Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dengan Keupujian;
- ix. Sarjana Muda Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara dengan Keupujian;
- x. Sarjana Muda Teknologi Automotif dengan Keupujian;
- xi. Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektronik dengan Keupujian; dan
- xii. Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri dengan Keupujian.

Kesemua program ini telah mula ditawarkan di UTeM pada sesi akademik 2019-2020. Program-program ini ditawarkan khusus kepada lepasan graduan yang memiliki Diploma Vokasional Malaysia (DVM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Latihan Kemahiran Malaysia (DLKM) yang umumnya lahir daripada institusi-institusi kemahiran seperti Kolej Vokasional, ADTEC, Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan sebagainya.

Penubuhan Kilang Pengajaran (Teaching Factory)

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka Bilangan 6/2019 yang bersidang pada 18 Disember 2019 telah memutuskan penubuhan Kilang Pengajaran (Teaching Factory) sebagai Pihak Berkuasa Universiti (PBU). *Teaching Factory* ini akan diketuai oleh seorang Pengurus Besar, seorang Pengurus Bahagian Operasi dan seorang Pengurus Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan.

Bagi tujuan itu, UTeM telah menerima dana berjumlah RM1.48 juta daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tujuan pemerkasaan Revolusi Industri 4.0 untuk kilang pengajaran dan bagi tujuan latihan berkaitan.


Program Pemetaan Noss dan Jerayawara MTUN

Selaras dengan pembangunan akademik, UTeM telah dilantik sebagai penganjur bersama bagi Program Pemetaan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) tahap 4 dan 5 ke peringkat Sarjana Muda Teknologi dan MTUN telah menerima dana dari Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia sebanyak RM100,000.00 untuk menjayakan program ini. Dana ini telah diagihkan secara bersama dengan MTUN yang lain untuk mempromosikan program-program baharu yang telah diluluskan oleh MQA.


Sebanyak 7 program telah dilaksanakan iaitu 6 program jerayawara artikulasi TVET dan satu bengkel pemetaan NOSS kepada program teknologi. Sebanyak 89% peruntukan telah digunakan dan berbaki 11% pada tarikh 31 Disember 2019. Program jerayawara ini telah meliputi pelbagai zon berbeza iaitu utara, timur, tengah, selatan dan Borneo (Sabah dan Sarawak).

Enrolmen Pelajar Antarabangsa

Enrolmen pelajar antarabangsa pada tahun 2019 ialah seramai 820 orang pelajar dari 30 buah negara berbanding dengan tahun 2018 iaitu seramai 667 orang dari 32 buah negara.



Rajah 6 Enrolmen Pelajar Antarabangsa Mengikut Pecahan Pengajian pada tahun 2018 dan 2019



Rajah 7 Pecahan Pelajar Antarabangsa Mengikut Negara pada tahun 2019

Kerjasama Antarabangsa

Bagi tahun 2019 mencatatkan sebanyak 8 Memorandum Persefahaman (MoU) dan 1 Memorandum Perjanjian (MoA) telah ditandatangani antara UTeM dan institusi luar negara. Senarai MoU dan MoA yang telah ditandatangani adalah seperti berikut:

Jadual 8 Senarai Kerjasama MoU dan MoA Antarabangsa UTeM

Bil.	Jenis	Institusi	Tempoh	Fakulti
1	MoU	Obuda University, Hungary	1 Januari 2019 – 31 Disember 2024 (5 Tahun)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
2	MoU	Corporacion Universitaria Americana, Colombia	26 Mac 2019 – 25 Mac 2022 (3 Tahun)	Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan
3	MoU	Universitas Islam Indonesia	10 April 2019 – 9 April 2024 (5 Tahun)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
4	MoU	National Chung Cheng University, Chiayi, Taiwan	22 April 2019 – 21 April 2022 (3 Tahun)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
5	MoU	Universitas Merdeka Malang, Indonesia	15 Julai 2019 – 14 Julai 2024 (5 Tahun)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
6	MoU	Universitas Negeri Malang, Indonesia	29 Julai 2019 – 28 Julai 2024 (5 Tahun)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
7	MoA	Prince Songkla University, Thailand	20 September 2019 – 19 September 2021 (2 Tahun)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
8	MoU	Universitas Brawijaya, Indonesia	6 November 2019 – 5 November 2024 (5 Tahun)	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
9	MoU	Universitas Semarang, Indonesia	27 Disember 2019 – 26 Disember 2024 (5 Tahun)	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan

Mobiliti Pelajar

Jadual 9 Perbandingan Mobiliti Pelajar *Inbound* dan *Outbound*

<i>Inbound</i>		<i>Outbound</i>	
Berkredit	Tanpa Kredit	Berkredit	Tanpa Kredit
77 orang pelajar	184 orang pelajar	95 orang pelajar	53 orang pelajar

Lawatan Dari Luar Negara

UTeM terus dikenali di persada dunia dengan gerbang antarabangsa terbuka luas sebagai medan rujukan serta jalinan strategik secara berterusan. Pada tahun 2019 sebanyak 27 lawatan dari luar negara telah di terima dengan jumlah delegasi seramai 398 orang dari negara Indonesia, China, Singapura, Palestin, Yemen, United Kingdom, Jerman, Korea Selatan dan Hungary.

Flying Program 2019: Leadership and Innovation Summer Camp

Program yang berlangsung dari 28 Julai – 10 Ogos 2019 ini telah disertai oleh 20 orang pelajar berserta 2 orang pegawai pengiring dan Shenzhen Polytechnic. Para pelajar didedahkan dengan program syarahan, perbincangan dalam kumpulan, kajian kes berkenaan kepimpinan, isu-isu global, perniagaan dan teknologi. Para peserta juga dibawa melawat ke industri dan menginap di desa serta lawatan ke bandar Melaka yang sememangnya terkenal dengan sejarahnya.

UTeM Edutainment Exchange Program 2019

Program selama 1 minggu ini adalah dirancang untuk menarik minat pelajar dari negara membangun untuk datang ke UTeM dan merasai sendiri proses pembelajaran, pendedahan budaya dan cara hidup masyarakat Malaysia serta Melaka. Program ini telah berlangsung dari 18-25 Ogos 2019 dan telah disertai oleh 14 orang pelajar dari Politeknik Malang, Indonesia dan 7 orang pelajar dari Ho Chi Minh *University of Technology and Education*, Vietnam.

Karnival & Persidangan e-Pembelajaran Antarabangsa UTeM 2019 (eLCC2019)

Pada 26 Jun 2019, Karnival & Persidangan e-Pembelajaran Antarabangsa UTeM 2019 (atau ringkasnya eLCC2019) telah diadakan di Kampus Teknologi, UTeM. Karnival ini merupakan program tahunan yang dianjurkan buat kali ketiga oleh Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran (PSTP) dan telah berjaya mendapat 61 penyertaan dari UTeM dan Institusi Pengajian Tinggi luar yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan inovasi melalui pertandingan dan pembentangan poster mengikut kategori masing-masing yang menawarkan hadiah wang tunai, sijil dan pingat.

UTeM Raih 4 Emas di *International University Carnival On e-Learning (IUCEL2019)*

Pusat e-Pembelajaran Malaysia (MyCeL) dengan kerjasama Majlis Ketua-Ketua e-Pembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menganjurkan *International University Carnival on e-Learning (IUCEL2019)* pada 21 dan 22 Ogos 2019 bertempat di UNIMAS yang mengumpulkan para ahli, akademik, saintis, penyelidik dan sarjana terkemuka untuk bertukar dan berkongsi pengalaman dan hasil penyelidikan mereka dalam semua aspek e-pembelajaran.

Penyertaan UTeM telah berjaya merangkul 2 anugerah iaitu *Best e-Learning Management System Award (G-MOOC Platform to Enhance Students' Motivation)* dan *Primary School e-Learning Awards* oleh Nor Azmidy Ismail. UTeM turut mencipta kejayaan cemerlang dengan meraih 4 pingat emas, 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa.



Enrolmen MOOC: 14,001 (2015-2019)

UTeM telah berjaya membangunkan 15 kursus secara *Massive Open Online Courses* (MOOC) semenjak tahun 2015 hingga 2019 dan pada kebiasaannya pada setiap tahun Kementerian Pendidikan Malaysia mengkehendaki setiap universiti awam membangunkan 3 kursus secara MOOC.

Pada 27 Oktober 2017, Senat UTeM telah meluluskan Prosedur Pindah Kredit MOOC Tanpa Gred UTeM yang membenarkan pelajar dan bakal pelajar UTeM mengambil kursus MOOC UTeM dan memohon pindah kredit pada semester berikutnya atau semasa pendaftaran masuk ke UTeM. Permohonan pindah kredit ini telah bermula pada semester 2 sesi 2017/2018 sehingga semester 1 sesi 2019/ 2020. Seramai 487 pelajar telah mengambil ujian kompetensi untuk kursus secara MOOC Mandarin 1. Berikut adalah maklumat mengenai bilangan pelajar mengikut semester:

i) Semester II Sesi 2017/ 2018

Ujian Kompetensi MOOC bagi kursus MOOC Mandarin 1 telah dijalankan pada 3 Jun 2018 bagi Semester II Sesi 2017/2018 melibatkan sejumlah 116 pelajar FTMK dan FPTT. Seramai 116 orang pelajar telah mengambil Ujian Kompetensi MOOC bagi kursus MOOC Mandarin 1 pada Semester II Sesi 2017/2018:

Jadual 10 Bilangan Pelajar Mengikuti Kursus MOOC Mandarin 1 Sem II Sesi 2017/2018

No.	Fakulti	Kaedah Pelaksanaan	Bilangan Pelajar
1.	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi & Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan	Pengajaran & Pembelajaran (100% MOOC) Ujian Kompetensi MOOC	116

ii) Semester I Sesi 2018/ 2019

Ujian Kompetensi MOOC bagi kursus MOOC Mandarin 1 telah dijalankan pada 3 Januari 2019 bagi Semester I Sesi 2018/2019 melibatkan sejumlah 52 pelajar FTMK. Seramai 52 orang pelajar telah mengambil Ujian Kompetensi MOOC bagi kursus MOOC Mandarin 1 pada Semester I Sesi 2018/2019.

Jadual 11 Bilangan Pelajar Mengikuti Kursus MOOC Mandarin 1 Semester I Sesi 2018/2019

No.	Fakulti	Kaedah Pelaksanaan	Bilangan Pelajar
1.	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	P&P (100% MOOC) Ujian Kompetensi MOOC	52

iii) Semester I Sesi 2019/ 2020

Ujian Kompetensi MOOC bagi kursus MOOC Mandarin 1 telah dijalankan pada 6 Januari 2019 bagi Semester I Sesi 2019/ 2020 melibatkan sejumlah 319 pelajar UTeM. Seramai 319 orang pelajar telah mengambil Ujian Kompetensi MOOC bagi kursus MOOC Mandarin 1 pada Semester I Sesi Sesi 2019/ 2020:

Jadual 12 Bilangan Pelajar Mengikuti Kursus MOOC Mandarin 1 Semester I Sesi 2019/2020

No.	Fakulti	Kaedah Pelaksanaan	Bilangan Pelajar
1.	FKE, FKEKK, FKM, FKP, FTKEE, FTKMP & FTMK	P&P (100% MOOC) Ujian Kompetensi MOOC	319

Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik (CAES)

Bicara Minda Sasterawan Negara

Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik (CIAST) telah menganjurkan program Bicara Minda Sasterawan Negara Profoser Emeritus Muhammad Haji Salleh pada 1 April 2019 di Auditorium PPS, UTeM Kampus Induk. Ianya berkisar perkongsian cetusan pemikiran beliau tentang pendekatan pendidikan *STEM* (*Science, Technology, Engineering and Mathematic*), *STEAM* (*Science, Technology, Engineering, Art and Mathematic*) dan *STREAM* (*Science, Technology, Reading, Engineering Art and Mathematic*) dalam sistem pendidikan negara.

Majlis Diskusi Bersama Profesor Ulung

Majlis Diskusi Bersama Profesor Datuk Dr. Harith Ahmad telah berlangsung dengan jayanya pada 18 Julai 2019 dengan tajuk "Strategi Mencapai Kesarjanaan Akademik Ulung: Satu Cabaran". Ianya untuk memberi pendedahan dan perkongsian pengalaman Profesor Datuk Dr. Harith bin Ahmad yang telah dilantik sebagai Profesor Ulung kepada staf akademik di UTeM.

Hari Akademia UTeM

Hari Akademia 2019 adalah bertemakan 'Akademia Bersama Masyarakat' anjuran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah diadakan pada 5 Oktober 2019 bagi menyokong aspirasi YB Menteri Pendidikan Malaysia dalam menjayakan Program Hari Akademia 2019 peringkat Universiti.

Program Promosi dan Outreach

Sepanjang tahun 2019, Unit Promosi dan Pemasaran Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa telah terlibat dalam hampir 50 program aktiviti promosi dan pameran. Turut diadakan adalah program *outreach* telah dilaksanakan di lokasi seperti Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor, Pulau Langkawi, Mersing dan beberapa lokasi lain.



Jadual 13 Program Promosi dan *Outreach* UTeM 2019

Bil	Program/ Aktiviti	Tarikh
Januari		
1	Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor - Pontian	10-11 Januari 2019
2	Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi (KPM) Johor - Tangkak	11-12 Januari 2019
3	Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi (KPM) Melaka - Londang	18-19 Januari 2019
4	Program Get To Know Sempena Sambutan 10 Tahun Alumni KMPk - Kolej Matrikulasi Perak	25 Januari 2019
5	Program Guru-Guru Kaunselor Sekolah Menengah Negeri Melaka di Auditorium Seri Negeri - Melaka	28 Januari 2019
Februari		
6	Bengkel Sesi "Coaching" bersama Pempamer UTeM - Dewan Seminar 1, FTMK	12 Februari 2019
7	Program Outreach - Lawatan Sambil Belajar Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah ke UTeM - Dewan Kampus Teknologi	15 Februari 2019
8	Career Day Kolej Matrikulasi Pahang 2019 - Kolej Matrikulasi Pahang	15-16 Februari 2019
Mac		
9	Jom Masuk IPT 2019 - Padang Kawad, Parit Raja , Batu Pahat, Johor (UTHM)	02-03 Mac 2019
10	Pameran Robotik Humanoid Sempena Karnival Stem Sekolah Rendah Peringkat Daerah Muar di Dewan Sri Keroma, SK Parit Keroma Darat	4-Mac-2019
11	Jom Masuk IPT 2019 - Kota Kinabalu, Sabah	09-10 Mac 2019
12	Jom Masuk IPT 2019 - Padang Kawad, Parit Raja , Kampus Pulau Pinang (UMS)	09-10 Mac 2019
13	Pameran "Jom Masuk U" Sempena Hari Pengumuman Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2019 di SMJK Katolik Melaka (FTMK)	14 Mac 2019
14	Pameran & Bimbingan Kerjaya Sempena Hari Pengumuman Keputusan SPM 2018 di Dewan AKSES, SMK Ayer Keroh	14 Mac 2019
15	Program Jejak "Huffaz" Sempena Hari Keputusan SPM 2019, SM Tahfiz Al-Quran (JAIM) Jasin, Melaka di Dewan Hamid Abdul, SMK Tahfiz Al-Quran	14 Mac 2019
16	Lawatan Penanda Aras Pelajar Kolej Matrikulasi Kedah ke UTeM	15 Mac 2019
17	Jom Masuk IPT 2019 - Bachok Kota Bharu, Kelantan	16-17 Mac 2019
18	Jom Masuk IPT 2019 - UNIMAS, Kuching Sarawak	23-24 Mac 2019
19	Jom Masuk IPT 2019 - MAEPS Serdang, Selangor	30-31 Mac 2019
20	Program Outreach 2019 Bersama Kaunselor Matrikulasi & Pelajar Kolej Matrikulasi Johor	2 Mac 2019
April		
21	Karnival Pendidikan Rakyat Dun Teluk Mas di SMK Padang Temu	5-7 April 2019
22	Star Education Fair 2019 - Sunway Convention Centre, Kuala Lumpur	6-7 April 2019
23	Pameran di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Pulau Sebang, Tampin	11 April 2019
24	Pameran Sempena Hari Informasi Pendidikan & Kerjaya SMK Cochrane Tahun 2019 di Dewan Terbuka SMK Cochrane	23 April 2019
25	Pameran Kerjaya Sempena Karnival Kerjaya Politeknik Kota Bharu 2019 di Dewa Jubli Perak, Politeknik Kota Bharu	28-29 April 2019
26	Karnival Kerjaya: Internship & Career Excellence Day 5.0 (IcarE) Politeknik Merlimau, Melaka di Dewan Platinum	30 Apr 2019

	Jun	
27	Program Motivasi dan Jelajah Kerjaya Pendidikan Negeri Melaka 2019 Untuk Murid Asrama @ SMK Munshi Abdullah	18 Jun 2019
	Julai	
28	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019 di Dewan Masyarakat Semporna, Sabah	10-12 Julai 2019
29	Pameran Sempena Karnival Keusahawanan di SMK Dato Sri Amar Diraja, Muar	7 Julai 19
30	Pameran Pendidikan IPTS & IPTA kali ke-12 di SMK Seremban 2	11 Julai 2019
31	Pameran Pendidikan dan Kerjaya @ SMK Dato Abdul Rahman Andak	16 Julai 2019
32	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019 di Kolej Tingkatan 6, Hulu Terengganu	24-26 Julai 2019
	Ogos	
33	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019 di SMK Tinggi Sarikei Sarawak	31 Julai -2 Ogos 2019
34	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019 di Limbang, Sarawak	19-21 Ogos 2019
35	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019 di Perkampungan Orang Asli, Pahang	21-23 Ogos 2019
36	Program Sentuhan Kasih @JPT 2019 di Sekolah Sukan Malaysia Bukit Jalil	27-28 Ogos 2019
37	Program Outreach Genius 4.0 @Langkawi	26 Ogos 2019
	September	
38	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019 di Ranau, Sabah	4-6 September2019
39	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019 di Mersing, Johor	18-19 September2019
40	Program Sentuhan Kasih @ JPT 2019 di MRSM Trolak, Perak	25-26 September2019
41	Karnival Pendidikan Kerjaya Program Matrikulasi 2019 - kolej matrikulasi negeri sembilan	13-14 September 2019
42	Karnival Pendidikan Kerjaya Program Matrikulasi 2019 - Kolej Matrikulasi Kedah	27-28 September 2019
	Oktober	
43	Karnival Inovasi UTeMEx 2019, Dewan Canselori UTeM	9 Oktober 2019
44	Karnival Pendidikan RI 4.0 (EduCa) Tahun 2019 IPG Kampus Perempuan Melayu (IPGK PM) Peringkat Kebangsaan	15 - 17 Oktober 2019
45	Karnival Pendidikan Kerjaya Program Matrikulasi 2019 - Kolej Matrikulasi Pulau Pinang	3-4 Oktober 2019
46	karnival Pendidikan Kerjaya Program Matrikulasi 2019 - Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah (Pendang)	2-3 Oktober 2019
47	Pameran Pendidikan Kerjaya SMK Durian Tunggal 2019 di Dewan Ilmu, SMK Durian Tunggal	31 Oktober 2019
48	Kanival Pendidikan RI 4.0 (EduCa) tahun 2019 IPG Kampus Perempuan Melayu Peringkat Kebangsaan	15-17 Oktober 2019
49	Pameran Pendidikan Sempena Hari Anugerah KOHEM Peringkat Sekolah SMKA Sultan Muhammad 2019	7 Oktober 2019
	November	
50	Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi Johor, Tangkak	7 - 8 November 2019
51	Karnival Informasi Pendidikan Iklanika di Premiere Hotel, Kuala Lumpur	16 -17 November 2019
52	Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi Perak	22 - 23 November 2019
53	Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej Matrikulasi Perlis	23 - 24 November 2019
	Disember	
54	The Star Education Fair di Spice Convention Centre, Pulau Pinang	14 - 15 Disember 2019



Program *Outreach Genius* IR 4.0: UTeM Bersama Murid Sekolah dan Guru Kaunselor Langkawi

Program *Outreach Genius* IR 4.0 2019 telah dianjurkan bersama murid sekolah dan guru bimbingan dan kaunseling di Pulau Mahsuri, Langkawi pada 26 Ogos 2019 bertempat di Dewan Kolej Vokasional. Program ini menasarkankan 500 orang murid terdiri dari 10 buah sekolah sekitar Langkawi termasuk Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan komuniti Langkawi yang berminat untuk mendapatkan informasi tentang UTeM dan syarat kemasukan.

Program *Outreach* Kolej Matrikulasi Kejuruteraan

UTeM telah menganjurkan Program *Outreach* Kolej Matrikulasi Johor (Pontian) yang melibatkan hampir 360 orang pelajar. Program yang sama turut dianjurkan di Kolej Matrikulasi Kujuruteraan Kedah (Pendang) pada tahun 2018. Hasil daripada penganjuran program berjaya meningkatkan kemasukan pelajar dari 2 Kolej Matrikulasi Kejuruteraan tersebut dan konsep program *outreach* yang sama juga akan diperluaskan di beberapa lokasi yang lain.

Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat: Hari Pendaftaran Pelajar Separa Masa Semester 1 Sesi 2019/2020

Pada 12 September 2019 bertempat di Bilik Samsung IOT, Kampus Teknologi UTeM, seramai 24 orang pelajar telah mendaftar secara rasminya sebagai pelajar baharu UTeM pada 12 September 2019 yang lalu. Dua program menjadi pilihan pelajar bagi meneruskan pengajian mereka iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian (BEKG) dan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian (BMCG).

Komuniti Menjana Kemahiran Melalui Kursus Pendek UTeM

PPSH dan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) telah diadakan bersama 28 orang tenaga pengajar CIAST di Geno Hotel, Shah Alam, Selangor. Kursus *Education In The 21st Century Course For Technical Education* ini diadakan selama 4 hari bermula 3 hingga 6 September 2019.



7.0
Merintis Teknologi
Masa Hadapan





MERINTIS TEKNOLOGI MASA HADAPAN

Pemilikan Geran Penyelidikan


Pemilikan Geran Penyelidikan di UTeM dikategorikan berdasarkan beberapa jenis geran iaitu geran nasional, geran swasta dan industri, antarabangsa dan universiti.

Tahun 2019 menyaksikan UTeM telah berjaya mencatatkan peningkatan sebanyak 83% terhadap pemilikan geran swasta dan industri iaitu sebanyak RM 3,475,805.07 berbanding tahun 2018 yang hanya sebanyak RM598,200.00 bagi keseluruhan pemilikan geran di UTeM.

Jadual 14 Pemilikan Geran Penyelidikan UTeM Tahun 2019

Geran	Nasional	Swasta & Industri	Antarabangsa	Universiti
RM	356,304.00	3,475,805.07	3,400,055.30	318,800.00

Jumlah keseluruhan: **RM 7,550,964.37**



Rajah 8 Taburan Pemilikan Geran Penyelidikan UTeM 2019

Jadual 15 Senarai Penerima Geran Penyelidikan 2019

Bil	Nama Industri	Fakulti / CoE	Nama Ketua Penyelidik	Tajuk Projek	Nilai Projek
1	Integrasi Pintar Sdn Bhd	FTMK /C- ACT	Prof. Ts. Dr. Faaizah Binti Shahbodin	<i>Education 4.0: A Framework to Transform Maktab Rendah Sains Mara to Digital Classroom</i>	RM115,000.00
2	PLUS Malaysia Berhad	Pusat Pembuatan Termaju (AMC)	Ts. Dr. Mohd Azli Bin Salim	<i>Development of a Semi-Automatic Cone Laying and Picking Machine for Maintenance and Emergency Use</i>	RM350,002.92
3	Saanen Utama Sdn Bhd	FKP / CoSSID	Prof. Madya Ir. Dr. Hambali Bin Arep@Ariff	<i>Manufacturing of Seaweed Powder Processing for Soap, Food & Cosmetic Industries</i>	RM800,000.00
4	AdvanLED Vision Sdn Bhd	FKEKK	Prof. Madya Dr. Lim Kim Chuan	<i>AI Traffic Melaka - Fourth Industrial Revolution Approach in Optimizing Traffic Light Controller</i>	RM300,000.00
5	Impressive Edge Sdn. Bhd.	FKEKK	Prof. Madya Dr. Kok Swee Leong	<i>Unmanned Vehicle Based Precision Monitoring and Growth Rate Classification for High Yield Horticulture Melon Plantation</i>	RM100,000.00
6	AURO Technologies PLT	FKE/ PEJ. TNC(PI)	Ir. Dr. Anuar Bin Mohamed Kassim	<i>Design and Development of Autonomous Pesticide Sprayer for Chili Fertigation Farm</i>	RM30,000.00
7	Aerospace Malaysia Innovation Centre, MIGHT Partnership Hub	FKM	Dr. Nadlene Binti Razali	<i>Experimental Evaluation on the Mechanical and Thermal Properties of Thermoplastics Composites for Aerospace Applications</i>	RM100,000.00
8	Xinyi Solar Sdn Bhd	FTMK	Prof. Ts Dr. Goh Ong Sing	Pusat Solar UTeM-Xinyi (RM 800,000) Tabung Sumbangan Industri untuk Pelajar-pelajar B40 (RM 200,000)	RM1,000,000.00
9	ERASMUS+ CBHE on Automotive Engineering	FKM	Pror. Ir. Dr. Noreffendy Binti Tamaldin	<i>Engineering Knowledge Transfer Units to Increase Student's Employability and Regional Development</i>	RM412,000.00
10	University of Manchester tajaan The Engineering And Physical Sciences Research Council (EPSRC), United Kingdom.	FKE/AMC	Prof. Dr. Gan Chin Kim	<i>Techno-Economic Framework For Resilient and Sustainable Electrification</i>	RM729,306.00
11	Maqo Technologies (M) Sdn Bhd (MAQO)	FKE/AMC	Prof. Dr. Gan Chin Kim	<i>Development Of Grid-Connected Solar Photovoltaic System With Battery Energy Storage</i>	RM100,000.00



Bil	Nama Industri	Fakulti / CoE	Nama Ketua Penyelidik	Tajuk Projek	Nilai Projek
12	ASEAN NCAP Collaborative Holistic Research (ANCHOR)	FKM	Dr. Muhd Ridzuan Bin Mansor	<i>Comprehensive Assessment on Advanced Driver-Assistance Systems (ADAS) Vehicle Safety Assist Technology Based on South-East Asia Environment and Road Conditions: Lane Departure Warning (LDW) and Lane Keep Assist (LKA)</i>	RM30,000.00
13	ASEAN NCAP Collaborative Holistic Research (ANCHOR)	FTKMP	Ts. Dr. Norfariza Ab Wahab	<i>Development of Smart Vehicle Blind Spot Detection System</i>	RM18,800.00
14	Department of Industrial Design, Eindhoven University of Technology (TU/e), Netherlands.	FKM	Dr. Nizamuddin Md Yusof	<i>Fundamental study of early vehicle's trajectory information on occupants inside an autonomous vehicle</i>	RM20,509.65
15	Department of Industrial Design, Eindhoven University of Technology (TU/e), Netherlands.	FKM	Dr. Juffrizal Karjanto	<i>The Study of Autonomous Vehicle's Driving Behaviour on Future Human Users Using On-Road Experiments</i>	RM20,509.65
16	Nano Malaysia Berhad (NMB)	Pusat Pembuatan Termaju (AMC)	Ts. Dr. Mohd Azli Bin Salim	<i>Development of Die Attach Material to Meet High Thermal Conductivity Exceeding 300w/mk</i>	RM308,000.00
17	PLUS Berhad : Docking System	Pusat Pembuatan Termaju (AMC)	Ts. Dr. Mohd Azli Bin Salim	<i>Design and Develop a Low-Cost Solution using Telemetry Internet of Things (IOT) for Drone Docking System (DDS)</i>	RM150,000.00
18	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	FKM	Pror. Ir. Dr. Noreffendy Binti Tamaldin	<i>Palm Oil Based Biodiesel (B20) on Emission Evaluation, Material Compatibility, Tribology Study and Injector Performance</i>	RM314,930.00
19	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM)	FTKMP	Ts. Mohd Idain Fahmy Bin Rosley	<i>River Trash Collector System Mark III HHO Kit untuk bot Melaka River Cruise</i>	RM55,000.00
20	PLUS Malaysia Berhad	Pusat Pembuatan Termaju (AMC)	Ts. Dr. Mohd Azli Bin Salim	<i>Design and Development of Semi Autonomous Mobile Inspector for Bridge Lower Arm Inspection</i>	RM825,000.00
21	Genexis Group Sdn Bhd	FTMK	Prof. Madya Dr. Burhanuddin Bin Mohd Aboobaidar	<i>Development Of Low Cost Digital Printing Machine For Customized Textile Fabric Design</i>	RM150,000.00
22	PLUS Malaysia Berhad	Pusat Pembuatan Termaju (AMC)	Ts. Dr. Mohd Azli Bin Salim	<i>Design And Development Of Low Cost Solution And Telemetry IoT For Docking System</i>	RM300,802.15
23	PERKESO	Pusat Pembuatan Termaju (AMC)	Prof. Madya Dr. Mohd Juzaila Bin Abd Latif	<i>Development Of 3D Printed Prosthetic Socket For Lower Limb Amputees At PERKESO Rehabilitation Center</i>	RM200,000.00

Bil	Nama Industri	Fakulti / CoE	Nama Ketua Penyelidik	Tajuk Projek	Nilai Projek
24	Inspire World Sdn Bhd	FKEKK	Dr. Mohd Riduan Bin Ahmad	<i>IoT-Based Real Time Lightning Monitoring And Alert System</i>	RM100,000.00
25	Yayasan Perguruan Tinggi Islam Batik Surakarta (YAPERTIB)	FPTT	Prof. Madya Dr. Juhaini Bin Jabar	<i>Antecedents And Successful Technopreneurial Factors In High-Technology Based Construction Industry: Developing A Techno-Sme Model</i>	RM20,000.00
26	RS Advanced Technology Sdn Bhd	FKP	Prof. Madya Dr. Md Nizam Bin Abd rahman	<i>Hole Making, Slotting And Parting Of Alumina Using Laser Machining Capability Development</i>	RM30,000.00
27	Kenako Event & Management Sdn Bhd	FKM	Prof. Madya Ir. Dr. TS Abdul Talib Bin Din	<i>Inspection on Safety and Health for Rejuvenation of Kiddie Park Amusement Equipment for DOSH Approval</i>	RM30,000.00
28	AURO Technologies PLT	FKE	Ir. Dr. Anuar Bin Mohamed Kassim	<i>Design And Development Of Farm Automation System With Iot For Fertilizer Optimization In Fertigation Based Farm</i>	RM30,000.00
29	Legasi Selatan Sdn Bhd	FTKMP	Mohamad Afiq Amiruddin Bin Parnon	<i>Design And Fabrication Of Pressure Relief Valve Test Rig Enhanced With Iot Technology For Performance Improvement</i>	RM30,000.00
30	Kementerian Tenaga Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTEC)	FTKMP	Mohd Azlan Bin Mohamed	Bantuan Origami Corner Chair kepada Kanak-kanak Cerebral Palsy	RM 61,204.00
31	Yayasan Perguruan Tinggi Islam Batik Surakarta (YAPERTIB)	FTMK	Prof. Madya Dr. Massila Kamalrudin	<i>IOT Based Model for creating Successful Batik Enterpreneur</i>	RM 20,000.00
32	Kementerian Tenaga Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTEC)	FTKMP	Prof. Madya Ts Juhari Bin Ab Razak	MySI 19240 Sistem Hidro Berskala Kecil di Pos Titom	RM264,800.00
33	Prince Songkla University (PSU)	FKP	Dr. Zaleha Binti Mustafa	<i>Study of wood polymer composite for sustainability application</i>	RM60,000.00
34	Universitas Sriwijaya (UNSRI)	FKEKK	Dr. Mohd Riduan Bin Ahmad	<i>Real-Time Flash Flood Warning System Using Electromagnetic Sensor (EMS)</i>	RM60,000.00
35	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	FKM	Dr. Suhaimi Bin Misha	<i>Solar assisted dehumidification for tropical fruits and food products</i>	RM 28,800.00
36	BOC Venture Sdn Bhd	FTKEE	Ts Shahrizal Bin Saat	<i>Embedded Controller For Fleet Management System With Iot Features</i>	RM35,000.00
37	TESTHUB Sdn. Bhd	FTKEE	Ts. Madiha Binti Zahari	Penambahbaikan Proses Pengujian Litar Bersepadu Bersama Testhub Sdn. Bhd	RM35,000.00



Bil	Nama Industri	Fakulti / CoE	Nama Ketua Penyelidik	Tajuk Projek	Nilai Projek
38	Yayasan Perguruan Tinggi Islam Batik Surakarta (YAPERTIB)	FKP	Prof. Madya Dr. Zuhriah Ebrahim	<i>Development of Ergonomic Canting Workstation for Hand-Written Batik Industry</i>	RM20,000.00
Pelbagai program kebolehpasaran graduan telah dilaksanakan oleh Pejabat PNC-JIM sepanjang tahun 2019 bagi meningkatkan kebolehpasaran para pelajar UTeM sama ada untuk *soft skill* ataupun kemahiran yang berkaitan. Berikut adalah antara program atau aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019.

Jadual 27 Program-program Menyuntik Kebolehpasaran Graduan UTeM Tahun 2019
Program Gathering Alumni Towards Employability (GATE@UTeM)

Bil	Program	Tarikh	Impak
1.	Lawatan Karnival Kerjaya MMU	15 January 2019	5 Staff telah melakukan lawatan dan menjadikan hala tuju untuk program Gate@UTeM 2019
2.	Lawatan Karnival Kerjaya UTM	16 April 2019	5 Staff telah melakukan lawatan dan menjadikan hala tuju untuk program Gate@UTeM 2019
3.	Lawatan Karnival Kerjaya UTC	15 January 2019	5 Staff telah melakukan lawatan dan menjadikan hala tuju untuk program Gate@UTeM 2019
4.	Lawatan Karnival Kerjaya UTHM	13 November 2019	5 Staff telah melakukan lawatan dan menjadikan hala tuju untuk program 2020
5.	Career Talk Texas instrument	20 February 2019	93 pelajar terlibat
6.	Career Talk and Interview Texas instrument	20 November 2019	41 pelajar terlibat 8 berjaya interview
7.	Career Talk Central Cable	18 September 2019	26 pelajar terlibat
8.	Career Talk Infineon	25 April - 26hb April 2019	15 Pelajar dan 4 berjaya
9.	Gate@UTeM 2019	18 September 2019	458 Peserta 391 interview 10 pelajar terus mendapat pekerjaan
10.	Fun Run Melaka Smart River 2019	23 November 2019	500 Peserta

Pemeriksaan Alumni

Program Kepimpinan : From Zero To Hero Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Temu telah diadakan pada 16 Mac 2019 bertempat di Kampus Induk UTeM telah dihadiri oleh 120 orang pelajar sekolah terbabit. Program ini memberi pendedahan kepada gambaran sebenar kehidupan di universiti berdasarkan pengalaman yang dimiliki oleh mahasiswa untuk persediaan kepada para peserta sebelum menjejakkan kaki ke menara gading.


Program AUTeM Towards IR4.0 Challenges And Future Of Employment Opportunities Against Youth Empowerment diadakan dengan kerjasama National Aspiration & Leadership Summit (NALS) pada 30 April 2019 bertempat di Dewan UTeM 1, Kampus Teknologi UTeM, Ayer Keroh. Program ini menyasarkan pelajar sekolah yang berhampiran UTeM yang melibatkan seramai 250 orang peserta. Objektif program adalah untuk memupuk semangat ingin tahu dan ingin menguasai kemahiran yang wujud dalam IR4.0 dikalangan pelajar sekolah, meningkatkan kesedaran dan kepentingan dalam mengikuti teknologi masa kini dengan lebih cepat dan efisien serta membangunkan mental dan fizikal peserta dalam menangani cabaran masa kini berasaskan kaedah penyelesaian yang mampan.

Program Sahur Pitstop AUTeM Sharing Beyond Generation diadakan pada 11 dan 18 Mei 2019 bertempat di Kampus Induk, UTeM. Program ini melibatkan hampir 300 orang mahasiswa yang menerima sumbangan berbentuk juadah sahur. Objektif program adalah membantu mahasiswa UTeM melalui sumbangan AUTeM berbentuk juadah sahur, membudayakan penglibatan sumbangan alumni dalam ekosistem pentadbiran universiti ke arah yang lebih mampan sama ada secara virtual ataupun hadir bersama.

Bengkel Pemantapan Organisasi AUTeM 2019/2021 dan Mesyuarat Agung AUTeM diadakan pada 14 Disember 2019 bertempat di Dewan UTeM 1 (Kampus Teknologi) dihadiri seramai 100 peserta yang terdiri daripada Alumni UTeM. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan sumbangan tenaga dan buah fikiran Alumni, membudayakan peningkatan penglibatan alumni dalam ekosistem pentadbiran universiti, bangsa dan negara serta membina jaringan pemindahan informasi organisasi dengan lebih tersusun kepada jawatankuasa AUTeM yang baru.

Program Kursus Pemantapan Sahsiah : Cuti Berkualiti Bersama AUTeM diadakan pada setiap hari Isnin pada bulan Disember 2019 bertempat di Surau Al Munawwarah, Gangsa, Melaka. Program ini melibatkan 30 peserta yang terdiri daripada anak-anak qariah setempat.

Tracer Study
- Perbandingan tahun-tahun 2015-2019



Rajah 14 Peratusan Kebolehpasaran Graduan UTeM 2015 – 2019
(Data daripada SKPG 1 Konvo UTeM 2019)

Manakala pada Jadual 28 menyaksikan *trend* status pekerjaan dan kebolehpasaran graduan UTeM dari tahun 2015 sehingga tahun 2019. Bilangan yang bergraduasi meningkat dari setahun ke setahun tetapi tren status yang mendapat pekerjaan meningkat pada tahun 2016 dan tahun 2018 seterusnya turut mencatatkan peratusan yang baik bagi tahun 2019.

**Jadual 28** Tren Status Pekerjaan Graduan UTeM 2015 - 2019

Status Pekerjaan	Tahun Konvo									
	2015		2016		2017		2018		2019	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Bekerja	1072	42.73	1539	57.79	1717	57.02	1568	58.66	1604	55.18
Melanjutkan pengajian	398	15.86	339	12.73	314	10.43	328	12.27	464	15.96
Meningkatkan kemahiran	81	3.23	86	3.23	103	3.42	67	2.51	32	1.10
Menunggu penempatan pekerjaan	111	4.42	69	2.59	120	3.99	129	4.83	143	4.92
Belum bekerja	847	33.76	630	23.66	757	25.14	581	21.74	664	22.84
Jumlah	2509	100	2663	100	3011	100	2673	100	2907	100

Jenis pekerjaan utama graduan UTeM 2019 adalah sebagai pekerja swasta (Termasuk NGO) iaitu (80.86%) diikuti dengan pekerja kerajaan (5.61%) serta selebihnya adalah pecahan daripada perusahaan sendiri iaitu bekerja sendiri, majikan, *freelance*, bekerja dengan keluarga (upah/tiada upah) seperti di Jadual 29 di bawah.

Jadual 29 Taraf Pekerjaan, UTeM 2019

Taraf Pekerjaan	Bil	%
Bekerja sendiri	66	4.11
Majikan	66	4.11
Pekerja kerajaan	90	5.61
Pekerja swasta (termasuk NGO)	1,297	80.86
Freelance	26	1.62
Bekerja dengan keluarga (upah/gaji)	50	3.12
Bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)	9	0.56
Jumlah	1,604	100



9.0 Pembangunan Fisikal dan Pengurusan Prasarana





PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN PENGURUSAN PRASARANA

Pembangunan Kampus Induk UTeM

Tahun 2019 menyaksikan gerak kerja pembangunan kampus induk UTeM terus berjalan dengan lancar selari merealisasikan konsep pembangunan dan kemodenan kondusif fizikal dan prasarana universiti ini bagi memberikan keselesaan kepada seluruharganya.

Pembangunan Projek Fizikal Menggunakan Peruntukan Pembangunan Pusat

Rolling Plan 1 Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK11;RP1)

Pelaksanaan projek bawah RMK11;RP1 telah bermula pada tahun 2016 yang melibatkan 3 komponen projek. Kesemua projek adalah bawah pelaksanaan UTeM dan berjalan sepertimana yang telah dirancang.

i. Membina dan Menyiapkan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Kaedah Pelaksanaan	:	Reka dan Bina
Kontraktor	:	Muar Usaha Bakti Sdn. Bhd.
Kos Projek	:	RM 55,586,930.00
Tarikh Mula	:	23 Oktober 2017
Tarikh Siap Asal	:	23 Ogos 2019
Tarikh Siap Semasa	:	8 Februari 2020
Kemajuan Sehingga 31 Disember 2019	:	
Kemajuan Rancang	:	90%
Kemajuan Sebenar (Tapak)	:	90% (Ikut Jadual)

Status:

- Kerja-kerja fizikal siap sepenuhnya.
- Di peringkat pembekalan dan pemasangan perabot.

Perkembangan Semasa di Tapak Bina



ii. Membina dan Menyiapkan Kompleks Dewan Kuliah

Kaedah Pelaksanaan	:	Konvensional
Perunding	:	Saada Architect
	:	Perunding Kejuruteraan Mahir
	:	Synergy Tech Consult Sdn. Bhd.
	:	Menara Teknik
Kontraktor	:	Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad
Kos Projek	:	RM 13,187,762.00
Tarikh Mula	:	17 Jun 2019
Tarikh Siap Asal	:	16 Disember 2020
Kemajuan Sehingga 31 Disember 2019		
Kemajuan Rancang	:	10.15%
Kemajuan Sebenar	:	8.97% (Lewat Jadual)
		(Tapak)

Status:

- Di peringkat pembinaan substruktur bangunan.

Perkembangan Semasa di Tapak Bina



iii. Membina dan Menyiapkan Sambungan Infrastruktur Jalan 2 Lorong


Kaedah Pelaksanaan	:	Konvensional
Perunding	:	Iras Perunding
Kontraktor	:	Metra Angkasa
Tarikh Mula	:	29 April 2019
Tarikh Siap Asal	:	24 November 2019
Tarikh Siap Semasa	:	12 November 2020
Kemajuan Sehingga 31 Disember 2019		
Kemajuan Rancang	:	90%
Kemajuan Sebenar	:	90%
		(Tapak)

Status:

- Di peringkat pelaksanaan kerja-kerja landskap yang melibatkan penanaman pokok dan rumput di sekitar jajaran jalan.



Perkembangan Semasa di Tapak Bina



Rolling Plan 4 Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK11;RP4)

Terdapat 2 projek UTeM telah diperaku dan diluluskan untuk pelaksanaan dengan kos berjumlah RM24 juta. Projek yang diluluskan pelaksanaan hanya melibatkan projek berdasarkan naik taraf peralatan dan kemudahan sedia ada di kampus induk UTeM. Dengan pelaksanaan projek ini, prestasi perkhidmatan yang ditawarkan kepada semua warga UTeM dapat ditingkatkan seterusnya menyokong UTeM ke arah Universiti Teknikal terkemuka di dunia.

i. Penggantian Sistem dan Peralatan Automasi Bangunan Sedia Ada di Kampus Induk.

Kontraktor	:	Keltrik Engineering Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	:	23 Oktober 2017
Tarikh Siap Asal	:	11 November 2019
Tarikh Siap Semasa	:	10 November 2020

Skop bagi pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

- Building Automation System (BAS)
- JAVA Application Control Engine (JACE)
- Direct Digital Control (DDC)

Status sehingga 31 Disember 2019:

- Di peringkat penyediaan kerja-kerja awalan.

ii. Perolehan Peralatan Aktif Rangkaian dan Infrastruktur Pengkomputeran

Kontraktor	:	Keltrik Engineering Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	:	23 Oktober 2017
Tarikh Siap Asal	:	11 November 2019
Tarikh Siap Semasa	:	10 November 2020

Skop bagi pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

- Big Data & Learning Analytics*
- Knowledge Management System*
- Document Management System*
- Lecture Capture & Hall Equipment*
- Unified Communication*
- Web Application Firewall & Web Security*
- Network Device Refresh*
- Secondary Datacentre Business Continuity Management (BCM)*

Status sehingga 31 Disember 2019:

- Di peringkat penyediaan kerja-kerja awalan.

Pembangunan Projek Fizikal Menggunakan Peruntukan Mengurus

Bagi memantapkan tahap perkhidmatan kepada warga UTeM khususnya pelajar, UTeM komited untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan sokongan di UTeM. Bagi tujuan ini UTeM turut memperuntukan sumber kewangan dalaman di samping peruntukan pembangunan yang diterima daripada Kerajaan Pusat.

Mengemaskini dan Menyiapkan Pelan Induk Pembangunan Kampus Induk UTeM Bagi Tujuan Kelulusan Kebenaran Merancang

Kampus Induk UTeM telah mula dibina pada tahun 2000 dan kini usia Kampus Induk UTeM telah mencecah 20 tahun. Berdasarkan kepada pembangunan yang telah dilaksanakan sehingga tahun 2020, keperluan untuk mengemaskini Pelan Kampus Induk UTeM dilihat amat kritikal. Ini bagi memastikan segala perancangan projek fizikal memenuhi keperluan semasa Kerajaan Melaka.

Perunding	:	Planners M Consult Sdn. Bhd.
Kos perkhidmatan	:	RM 494,126.70
Tarikh Mula	:	11 September 2019
Tarikh Siap Asal	:	10 Mac 2020

Status sehingga 31 Disember 2019:

- Di peringkat penyediaan kerja-kerja awalan
- Deraf Pelan Kampus Induk UTeM telah disediakan.

Kerja Menyediakan Kemudahan Untuk Markas PALAPES Serta Kerja Berkaitan


UTeM komited untuk meningkatkan kemudahan yang disediakan terutama melibatkan aktiviti badan beruniform pelajar. Terkini, UTeM

Kontraktor	:	SAFF Permata Enterprise
Tarikh Mula	:	23 Oktober 2017
Tarikh Siap Asal	:	11 November 2019
Tarikh Siap Semasa	:	16 Januari 2020
Kemajuan Sehingga 31 Disember 2019	:	
Kemajuan Rancang	:	90%
Kemajuan Sebenar	:	96%
		(Tapak)

Status:

- Kerja-kerja fizikal siap sepenuhnya.
- Di peringkat pembekalan perabot dan rak senjata

Perkembangan Semasa di Tapak Bina





Penjimatan Kos Operasi Bagi Kerja Penyelenggaraan

Bagi menyahut dan menyokong hasrat Kerajaan ke arah perbelanjaan berhemah, Pejabat Pembangunan UTeM telah menjalankan inisiatif bagi mengoptimalkan kos operasi untuk pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan. Berdasarkan perancangan awal, penjimatan kos operasi dirancang berjumlah RM100,000.00 bagi tahun 2019.


Bagi memenuhi perancangan yang telah dibuat, Pejabat Pembangunan telah melaksanakan beberapa kerja penyelenggaraan seperti berikut:

- i. Pembaikan secara dalaman (awam, elektrik, mekanikal)
- ii. Penghasilan secara dalaman (kerja besi, kayu, dll.)
- iii. Perkhidmatan secara dalaman (mesin rumput dan pembersihan kawasan)

Hasil perancangan ini amat memberangsangkan yang mana penjimatan operasi keseluruhan melalui pelaksanaan kerja secara dalaman adalah dianggarkan sebanyak **RM167,267.00** untuk tahun 2019 sepertimana pecahan berikut:

- i. Penghasilan dan pembaikan secara dalaman di bengkel untuk kerja besi dan kayu dengan kos RM31,433.00. Anggaran penjimatan adalah sebanyak **RM124,267.00** berbanding pembelian baru.
- ii. Kerja-kerja pembaikan awam yang dilaksanakan secara dalaman menggunakan kos perolehan bahan dengan anggaran RM6,500.00. Anggaran penjimatan berbanding perolehan kerja kontraktor adalah sebanyak **RM43,000.00**.

Dengan penjimatan kos operasi ini, Pejabat Pembangunan telah menunjukkan komitmen yang baik dan telah memenuhi sasaran kos penjimatan operasi bagi tahun 2019.



10.0
Gedung Ilmu dan
Institusi Repositori





GEDUNG ILMU DAN INSTITUSI REPOSITORI

Perpustakaan Laman Hikmah UTeM telah melalui fasa perkembangan dan pembaharuan yang pesat selaras dengan kemajuan pendidikan tinggi di Malaysia. Ini telah memberi impak yang besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran di UTeM khususnya dan negara amnya.

Perpustakaan Laman Hikmah mempunyai koleksi yang mantap dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi serta berperanan sebagai penyebar maklumat untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran kepada pengguna. Pembangunan perpustakaan amat menggalakkan dengan perkembangan koleksi, perkhidmatan dan ruang fizikal.

Sehingga Disember 2019, koleksi perpustakaan telah melebihi 129, 332 judul bahan yang merangkumi buku, jurnal, majalah, audio visual dan media elektronik manakala perkhidmatan dan operasi perpustakaan disokong oleh sistem berkomputer perpustakaan.

Maklumat bagi koleksi perpustakaan turut boleh dicapai melalui katalog atas talian menerusi portal perpustakaan. Perpustakaan Laman Hikmah sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengikuti perkembangan dalam bidang teknologi, komunikasi dan maklumat selaras dengan misi perpustakaan iaitu menyediakan sumber maklumat dan rujukan yang terbaik serta perkhidmatan berkualiti melalui penggunaan teknologi terkini dalam menyokong visi dan misi UTeM.

Anugerah Hijau Peringkat Negeri Melaka 2019

Perpustakaan Laman Hikmah UTeM telah berjaya memenangi pingat perak bagi kategori Inovasi Hijau menerusi program Anugerah Hijau Negeri Melaka 2019 yang telah dianjurkan oleh Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM).

Antara objektif anugerah ini diadakan adalah memberikan pengiktirafan kepada agensi awam/swasta, institusi awam/swasta, industri dan komuniti yang melaksanakan amalan teknologi hijau, menggalakkan lebih banyak penglibatan agensi awam/swasta, institusi awam/swasta, industri dan komuniti dalam pelaksanaan amalan teknologi hijau, membudayakan amalan teknologi hijau kepada semua peringkat usia dan mempromosikan pelaksanaan teknologi hijau di Negeri Melaka.

Sebagai sebuah jabatan yang menyokong pelaksanaan amalan hijau dan pengurusan tenaga yang cekap di UTeM, Perpustakaan Laman Hikmah telah mengambil peluang ini untuk mempertandingkan salah satu inisiatif yang telah dibangunkan di perpustakaan iaitu *Auto Shut Down System* di bawah kategori Inovasi Hijau.

Sistem Pengurusan Tenaga UTeM (MaPTeP 2019)

Perpustakaan Laman Hikmah sekali lagi menerima pengiktirafan dalam melaksanakan polisi tenaga di pusat tanggungjawab (PTj) berdasarkan Sistem Pengurusan Tenaga UTeM (MaPTeP) bagi tahun 2019 dan telah menerima penarafan 2 bintang berbanding tahun 2018 iaitu satu 1 bintang.

Pengiktirafan ini bertujuan untuk mengekalkan momentum pelaksanaan polisi tenaga dan sebagai salah satu cara bagi memastikan kelangsungan pengurusan tenaga yang berkesan di PTj yang terlibat berdasarkan 6 elemen yang ditetapkan di dalam MaPTeP untuk pengurusan tenaga yang lestari.

Penarafan 5 Bintang Laman Sesawang PTj UTeM

Laman Sesawang Perpustakaan Laman Hikmah sekali lagi telah diiktiraf sebagai laman web PTj yang mendapat 5 bintang dari UTeM dalam Mesyuarat Penyelaras Laman Web PTj UTeM Bil.2/2019 pada 23 Disember 2019. Sebelum ini Perpustakaan Laman Hikmah telah meraih 5 bintang pada tahun 2017.

Perpustakaan Laman Hikmah melaksanakan penambahbaikan portal secara berterusan untuk memastikan paparan yang lebih interaktif, grafik yang menarik, diterokai ramai dan mewujudkan pautan pantas bagi capaian utama kepada pengguna.

Ruang Operasi 24 Jam Perpustakaan Laman Hikmah

Perpustakaan Laman Hikmah mengorak langkah maju ke hadapan bagi penyediaan pekhidmatan yang lebih efektif dan efisien lagi apabila secara rasminya telah memulakan Ruang Operasi 24 Jam di Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal. Ruang operasi 24 jam berkenaan dibuka kepada para mahasiswa UTeM sebagai salah satu langkah untuk bersaing dan menerokai pembaharuan bagi memastikan evolusi perkhidmatan yang dinamik selari dengan keperluan dan penzahiran Revolusi Industri (IR) 4.0.

Pelancaran Read@Uni UTeM

Pada 24 Oktober 2019, Perpustakaan Laman Hikmah telah mengadakan Majlis Pelancaran Read@Uni sebagai inisiatif bagi menyokong Program Read@Uni Peringkat IPT yang telah dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, YB. Dr. Maszlee Malik pada 29 November 2018 bersempena Kempen Dekad Membaca Kebangsaan. Program ini merupakan inisiatif bagi mewujudkan negara membaca pada tahun 2030 dan akan dilaksanakan melalui perpustakaan di semua universiti awam dan swasta.

Bagi menyokong aspirasi ini, pelbagai aktiviti telah diadakan oleh Perpustakaan Laman Hikmah bermula dari Oktober 2018 untuk mewujudkan kesedaran dan kepentingan dalam pembacaan serta lebih penting bertujuan untuk memastikan program menggiatkan budaya membaca yang terancang dan berterusan dapat dilaksanakan di UTeM.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc., Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM (LPU). Turut hadir ialah YBhg. Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim, Naib Canselor UTeM. Kemuncak kepada majlis tersebut adalah sesi perkongsian pengalaman Pengerusi LPU dalam slot *"My Golden Experience"*. Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali berkongsi pengalaman beliau sewaktu mengambil bidang Kejuruteraan Mekanikal di *King College London*.

Dalam masa yang sama, pengurusan tertinggi universiti turut menyumbangkan buku koleksi peribadi kepada Perpustakaan Laman Hikmah untuk pembangunan koleksi perpustakaan bagi dimanfaatkan kepada seluruh warga universiti.

Perpustakaan Laman Hikmah Endah@Komuniti

Perpustakaan Laman Hikmah telah menganjurkan program khidmat masyarakat di Pusat Sumber Mini, Pertubuhan Kebajikan Anak - Anak Yatim Islam Daerah Jasin, Melaka (PKAYIDJ) pada 19 November 2019. Seramai 30 orang staf Perpustakaan Laman Hikmah yang terlibat dalam program khidmat bakti 'Perpustakaan Laman Hikmah Endah@Komuniti' ini.

Program ini bertujuan untuk menambahbaik persekitaran pusat sumber dengan mengadakan aktiviti mengecat, mengubahsuai ruang, menyusun atur rak-rak buku dan menyusun buku mengikut tajuk perkara dan kategori. Perubahan ini, sedikit sebanyak dapat menarik minat anak-anak yatim untuk datang ke pusat sumber sekaligus mempuyai minat membaca dan cintakan ilmu pengetahuan.

Selain itu, program ini juga dapat mendekatkan warga Perpustakaan Laman Hikmah bersama komuniti sekitar di samping kesedaran keperluan tanggungjawab sosial ke atas komuniti setempat, memupuk semangat bertimbang rasa dan merapatkan hubungan silaturrahim antara masyarakat universiti dengan komuniti.



Reference Open House

Penganjuran program *Reference Open House* (ROH) atau lebih dikenali sebagai Hari Bersama Pelanggan adalah salah satu inisiatif perpustakaan mendekati warga UTeM bagi meningkatkan perkhidmatan yang lebih efektif dan efisien. Program ROH yang telah dianjurkan pada 3 April 2019 bertempat di Ruang Santai, Perpustakaan Laman Hikmah adalah salah satu wadah untuk berinteraksi secara langsung dan mengambil respon pengguna bagi mengenalpasti keberkesanan perkhidmatan perpustakaan.

2
0
1
9

Pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan pada hari tersebut antaranya adalah Kaunter Pertanyaan oleh Seksyen Rujukan, Kaunter Zakat, Kaunter Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), kuiz (*Spot your Question*), permainan uji minda, *Photobooth* dan Program *Agency Talk*.



11.0
Pengurusan Infrastruktur dan
Infostruktur ICT



PENGURUSAN INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR ICT

Kempen Kampus Tanpa Tunai

Kempen Kampus Tanpa Tunai menggunakan MyDebit, JomPAY dan FPX di UTeM bermula 27 September 2019 hingga 29 Februari 2020 yang mana sepanjang tempoh kempen berlangsung semua warga pelajar dan staf boleh membuat pembayaran menggunakan kad ATM MyDebit masing-masing atau melalui perbankan internet menerusi JomPAY atau FPX.

Hadiah bernilai RM50,000.00 turut ditawarkan merangkumi 2 buah motosikal Yamaha Y15ZRv2, 2 buah komputer riba, 2 buah telefon pintar serta wang tunai. Kempen ini merupakan program kolaborasi strategik antara UTeM, Payment Networks Malaysia (PayNet) dan Bank Islam. Majlis pelancaran kempen telah diadakan pada 27 September 2019 di Dewan Canselor UTeM.

Kempen ini merupakan satu inisiatif yang baik dan selaras dengan aspirasi universiti ke arah Kampus Pintar sekaligus turut menyokong hasrat Kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan transaksi pembayaran tunai menjelang tahun 2020. Inisiatif ini juga merupakan antara pendekatan universiti dalam berdepan cabaran era masa kini yang makin kompleks khususnya Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Platform perbankan internet melalui transaksi JomPAY dan FPX turut diperluaskan. Warga universiti boleh mengakses melalui gerbang pembayaran UTeM di laman sesawang <https://e-payment.utem.edu.my>



Rajah 15 Hadiah yang ditawarkan bagi pengguna MyDebit

Aplikasi Pintar myUTeM (PELAJAR) – Kod QR Kehadiran Pelajar dan Portal Kuliah


Aplikasi ini dibangunkan untuk merekodkan data kehadiran pelajar dengan lebih cekap, sistematik dan selamat di samping memudahkan proses pengumpulan data dan penjaan laporan. Ianya telah dilaksanakan sepenuhnya di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, manakala pelaksanaan secara berperingkat sedang dilakukan di fakulti-fakulti lain.

Terdiri daripada 3 struktur iaitu:

1. Aplikasi Web (Pensyarah)
2. Aplikasi Pintar myUTeM (Pelajar)
3. Sistem Maklumat Pelajar (SMP)



Rajah 16 Skrin antarmuka Aplikasi Pintar myUTeM untuk pelajar




Rajah 17 Carta Alir merekod kehadiran kuliah menggunakan Aplikasi Pintar myUTeM

e-CV Staf

e-CV merupakan paparan profil maklumat staf terutamanya staf akademik yang mengandungi maklumat peribadi, pengajaran, hasil penerbitan, keahlian profesional dan penyeliaan yang boleh diakses oleh staf mahupun pihak luar.

Ia merupakan satu platform yang digunakan sebagai rujukan kepada pelbagai pihak untuk menyemak profil pengajaran, penyelidikan dan penerbitan seseorang individu atau staf akademik terutamanya, bagi tujuan pengurusan dan pentadbiran, aktiviti pengajaran dan pembelajaran mahupun aktiviti perundingan dan penyelidikan.



Rajah 18 Modul yang terkandung dalam e-CV Staf

ePPTA

Sistem Penilaian Prestasi Tahunan Staf Akademik atau ringkasnya ePPTA merupakan sistem yang membolehkan staf akademik menyemak kemajuan prestasi sepanjang tahun. Data-data daripada sistem maklumat utama telah diproses dan diintegrasikan ke dalam ePPTA dan seterusnya data kemajuan ini akan digunakan bagi penilaian prestasi dan ianya juga memudahkan Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) bagi memantau kemajuan prestasi Pegawai Yang Dinilai (PYD).

Item	PONTES/STAF	PENGUKURAN	PENGUKURAN PROFESIONAL	RESTRUKTURISASI
1. Penyeliaan dan Penyelidikan	1	1	1	1
2. Pengajaran	1	1	1	1
3. Penyelidikan Profesional	1	1	1	1
4. Penyelidikan	1	1	1	1
5. Kualiti dan Perkembangan Inovasi	1	1	1	1

Rajah 19 Skrin Kemajuan Prestasi (Urusetia)



Majlis Konvokesyen

TAHNIAH !!!
CONGRATULATION !!!

Nama : MOHD FAZLIE BIN YAHYA
No. Matrik : B031510001
No. Pengenalan : 850815045607
Fakulti : FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
Program : IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (RANGKAIAN KOMPUTER) DENGAN KEPUJIAN
Penaja :
Sponsor :

Surat Pengesahan Konvokesyen
Convocation Confirmation Letter

Surat yang mengesahkan anda sebagai graduan UTeM untuk konvokesyen pada tahun ini. [Klik disini](#)

A letter confirming you as UTeM graduates for the convocation this year. [click here](#)

Semakan Hutang Pelajar
Student Debt Check

Amoun Perlu Dibayar : 0
Status : SELESAI

Bayaran boleh dibuat melalui kad kredit/kad debit (MasterCard atau Visa) atau perbankan dalam talian (FPX). [Klik sini](#)

Amount Due : 0
Status : DONE

Payment can be made via credit / debit card (MasterCard or Visa) or online banking (FPX). [click here](#)

Kajian Pengesanan Graduan
Graduate Tracer Study

Graduan WAJIB mengisi Kajian Pengesanan Graduan [klik disini](#) dan semaknisi Maklumat Alumni [klik disini](#). Sila cetak dan bawa bersama slip semasa mengambil jubah.

The graduates MUST fill up the Tracer Study [click here](#) and update Alumni information [click here](#). Please print and bring along the slip while taking robes.

Tempahan Jubah Konvokesyen
Reservation Convocation Robes

Tempahan pakaian Konvokesyen hanya boleh dilakukan setelah anda menyelesaikan hutang anda. [Klik disini](#)

Booking a convocation attire is only possible once you have settled your debt. [click here](#)

Rajah 22 Skrin Permohonan Jubah yang membolehkan pelajar mencetak surat pengesahan konvokesyen, semakan dan pembayaran hutang (sekiranya ada), kajian pengesanan graduan serta membuat tempahan jubah konvokesyen.

Sistem Pembelajaran Sepanjang Hayat


Sistem Pembelajaran Sepanjang Hayat (SPSH) adalah sistem yang digunakan bagi mengurus dan merekodkan maklumat pelajar pra siswazah yang mengikuti pembelajaran secara separa masa di UTeM. Melalui sistem ini, pelbagai laporan dan statistik yang diperlukan oleh pihak pengguna dapat dijana dengan lebih cepat dan tepat seterusnya membantu pihak pengurusan dalam membuat keputusan.

Massive Open Online Course (MOOC)

UTeM merupakan universiti awam pertama yang telah melaksanakan Modul *Massive Open Online Course* (MOOC) yang mana pembelajarannya dilaksana sepenuhnya secara atas talian menggunakan pelantar MOOC yang diuruskan oleh pihak Pusat Sumber & Teknologi Pembelajaran (PSTP).

Kursus yang sedang dijalankan secara MOOC adalah kursus Bahasa Mandarin (BLHL1212M) yang dikendalikan oleh pihak PBPI dengan jumlah pelajar seramai 500 orang telah mendaftar kursus ini untuk sesi semester 1-2019/2020 dari pelbagai fakulti dan program. Modul MOOC dibangunkan adalah untuk memudahkan pelajar membuat permohonan Ujian Kompetensi secara *online* selepas pelajar tamat pembelajaran secara MOOC sehingga proses pindah kredit MOOC selesai dan diluluskan oleh dekan fakulti serta disahkan oleh pihak Bahagian Pengurusan Akademik.

Di samping itu ianya turut memudahkan pelajar untuk membuat permohonan Ujian Kompetensi MOOC melalui *online* dan dokumen sijil tamat MOOC manakala dokumen bayaran hanya perlu dimuat naik ke dalam Modul MOOC. Permohonan menduduki Ujian Kompetensi secara *online* membantu pihak PSTP memantau pelajar-pelajar dengan lebih mudah dan efisien melalui portal Sistem Maklumat Pelajar.




Rajah 23 Proses Kerja Sistem MOOC UTeM

Sistem Pelekat Kenderaan

Sistem ini dibangunkan untuk memudahkan Pejabat Keselamatan menguruskan proses penjualan pelekat kenderaan bagi kegunaan pelajar, staf dan juga bukan staf di UTeM. Secara keseluruhannya, sistem ini menguruskan permohonan pelekat kenderaan secara atas talian dan membantu proses penjualan, pembelian dan penyerahan pelekat oleh pihak pengurusan Pejabat Keselamatan secara lebih sistematik.

Dengan pelaksanaan sistem ini telah memberi impak yang signifikan proses kerja menjadi lebih sistematik, data dan rekod disimpan dalam pangkalan data. Pelaporan dan pemantauan kerja juga dapat dilaksanakan dengan lebih efektif. Akses kepada sebarang pelaporan dapat dibuat dengan lebih mudah, cepat dan tepat.





12.0
**Kecemerlangan Mahasiswa &
Pemeriksaan Holistik**



KECEMERLANGAN MAHASISWA & PEMERKASAAN HOLISTIK

TUAH UTeM




UTeM telah memperkenalkan jenama TUAH UTeM pada 8 Mac 2019 yang menjadi tunjang kepada representasi ciri-ciri mahasiswa UTeM agar terus menyerlah jauh berteraskan kepada ciri-ciri “Tangkas, Unggul, Adaptif dan Holistik”. Semangat dan nilai TUAH ini merentasi jantina, bangsa, agama dan latar belakang yang berbeza dan mereka sentiasa meningkatkan keupayaan diri dalam bidang masing-masing samada kejuruteraan dan teknologi, termasuklah kepimpinan, sukan, inovasi, muzik dan seni budaya, sukarelawan, keusahawanan, kerohanian dan lain-lain lagi di samping proses berterusan dalam penerokaan ilmu dunia sejagat serta memanusiakkan teknologi agar dapat diadaptasi ke arah kebaikan lalu mengangkat adab sebagai insan yang berilmu.

Tangkas membawa maksud TUAH UTeM perlu Tangkas dalam menguasai teknologi, kemahiran teknikal, tadbir urus serta menjadi usahawan dan teknokrat yang hebat. Unggul pula merangkumi peribadi, kesetiaan, integriti dan kepimpinan yang berwibawa. Adaptif pula merujuk kepada kesediaan graduan UTeM menyesuaikan diri terhadap persekitaran yang dinamik, baik di peringkat industri, masyarakat dan global. Holistik yang membentuk citra mahasiswa UTeM yang cukup mampan dan bersepadu, seimbang dengan kemahiran teknikal serta sosial dan seterusnya melahirkan insan TUAH yang profesional, beretika, ihsan dan daya juang yang tinggi.

Pemeriksaan Mahasiswa

Melalui konsep pelajar UTeM adalah TUAH, segala program yang dijalankan menerapkan keupayaan dan kebolehan pelajar UTeM sebagai TUAH UTeM yang profesional, beretika, ihsan dan daya juang yang tinggi.

Tahun 2019 menyaksikan penglibatan pelajar secara aktif melalui 678 program atau aktiviti pelajar yang telah dianjurkan daripada pelbagai kelab, persatuan, fakulti, sekretariat, badan beruniform dan anjuran luar. Secara umumnya, program yang dijalankan ini merangkumi 8 Dimensi (Teras) iaitu Akademik dan Kerjaya, Etika dan Rohani, Pengurusan & Kepimpinan, Keusahawanan, Sukan & Rekreasi, Budaya & Identiti Nasional, Sukarelawan dan Teknikal & Inovasi yang telah disusun secara berstruktur dan lestari selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) – PPPM (PT), Dasar Belia Negara dan Nilai Teras UTeM.



Rajah 27 Bilangan Program Pelajar UTeM Sepanjang Tahun 2019

Kecemerlangan TUAH UTeM

Mahasiswa universiti ini yang kini dikenali sebagai TUAH UTeM terus dinamik dan progresif menyerlah di persada nasional dan juga persada global menerusi medan pembangunan holistik menyeluruh. Antara kejayaan TUAH UTeM pada lembaran tahun 2019 dicatatkan seperti di bawah.

Pencapaian TUAH UTeM Peringkat Antarabangsa 2019

Jadual 30 Pencapaian TUAH UTeM di Peringkat Antarabangsa 2019

Bil	Nama	Pencapaian	Program	Fakulti
1.	Chuan Chuan You	Pingat kecemerlangan	<i>World Skills Competition (WSC) 2019 kategori "IT Software Solution for Business"</i>	FTMK
2.	Aiman Iskandar Bin Mohd Zaidi Muhammad Haziq Izzuddin Bin Mohammad Junaidy Ahmad Naufal Bin Mohd Saleh	Johan	<i>National Advanced Robotic Challenge (NARC) 2019</i>	FTMK
3.	Wan Muhammad Fikri Bin Wan Badruzaman Mohamad Firdaus Bin Mohd Jafri Amirah Zafirah Binti Mohd Najib	Naib Johan	<i>National Advanced Robotic Challenge (NARC) 2019</i>	FTMK
4.	Penyelia: Dr. Sazuan Nazrah Binti Mohd. Azam Lee Qui Fang Irfan Nafiz Bin Mazdi Faizal Woo Xiu Juan	Pingat Emas	<i>International Festival of Innovation Green Technology 2019 Category: IDEAS (UMP)</i>	FKE
5.	Penyelia : Dr. Sazuan Nazrah Binti Mohd. Azam Yeap Sheng Yi (FKE) Mohd Akhmal Syafi Bin Md Yazid (FKE) Chuan Chuan You (FTMK)	Pingat Emas	<i>International Festival of Innovation Green Technology 2019 (UMP)</i>	FKE
6.	UTeM Panther	Tempat Keempat	<i>Singapore AUV Challenge (IEEE OES Singapore)</i>	FKM
7.	Aiman Iskandar Bin Mohd Zaidi Muhammad Haziq Izzuddin Bin Mohammad Junaidy	Kedudukan Sepuluh Terbaik	<i>World Robot Olympiad (WRO) 2019 di Gyor, Hungary</i>	FTMK
8.	Ahmad Adi Iman Bin Zuraidi	Pingat Perak Serta Wang Tunai RM2,500	<i>World Skills Malaysia Belia (WSMB'2019) kategori: IT Software Solution for Business</i>	FTMK
9.	Aina Farhanah Binti Zailan	Pingat Gangsa dan Wang Tunai RM1,500	<i>World Skills Malaysia Belia (WSMB'2019) kategori: Web Technologies</i>	FTMK
10	Lim Heng Ka	Pingat Gangsa dan Wang Tunai RM1,500	<i>World Skills Malaysia Belia (WSMB'2019) kategori: IT Software Solution for Business</i>	FTMK
11	Nurul Najwa Binti Zawawi Nur Aliah Binti Mohamad Napiah	Pingat Emas Anugerah Khas - ANS Nation Creative & Innovation Award	<i>International Festival of Innovation on Green Technology (i-FINOG) 2019</i>	FTKEE
12	Aiman Nasiruddin Aminuddin Muhammad Faris Syaqui Ahmad Lokman	Gold Award Grand Award	<i>International Innovation, Creativity and Technology Exhibition (I2CREATE 2019)</i>	FTKEE
13	Aina Musfiran Binti Mohamad Kamil Izzatie Akmal Binti Zulkarnain	Johan Keseluruhan Anugerah Khas, Pingat Emas	<i>International Automation & Control Innovation Competition 2019 (ACEIC 19)</i>	FTKEE
14	Muhammad Azri Bin Md Tahir Muhammad Shafiq Bin Zahurin	Pingat Emas	<i>International Automation & Control Innovation Competition 2019 (ACEIC 19)</i>	FTKEE



Bil	Nama	Pencapaian	Program	Fakulti
15	1) Aja Sofea Anissa Binti Aja Mohammad Rizal Pahlepi 2) Melanie Lye Chuok Xin 3) Mohd Ariff Bin Abd Rashid 4) Nur Nirda Binti Yusuf 5) Ahmad Harish Farhan Faurani 6) Iman Faidhi Bin Azman 7) Tengku Ahmad Salahudin Bin Tengku Mohd Arifin 8) Nasrul Haziq Bin Murad 9) Muhammad Nadzrin Zariq Bin Zakariah	2 Pingat Emas & 1 Anugerah Khas	<i>International Festival Of Innovation On Green Technology 2019 (I-FINOG 2019)</i>	FTKMP
16	1) Michelle Lyo Chouk Fang 2) Nur Farhana Binti Tumijan 3) Mohamed Awis Qirani Bin Mohamed Zoefry 4) Ang Siew Khim 5) Hasoloan Haery Ian Pieter	1 Pingat Emas	<i>30th International Invention & Innovation Exhibition (ITEX) 2019</i>	FTKMP
17.	1. Faizun Haziq Bin Zamani 2. Alexender Beh 3. Mira Mazlina Binti Mahdzir 4. Salbiyah Binti Sumaryanto 5. Ifah Fikriyah Muniffah Binti Masrom 6. Muhammad Zulhazim Bin Ridza Ahmad Nizam 7. Muhamad Ikhwan Bin Yatul Kadar 8. Muhammad Haneez Firdaus Bin Hairul Neezam 9. Wan Mohd Aiman Farhan Bin Wan Ahmet 10. Siti Nursyafiqah Binti Mohamed Talmizi 11. Syahir Syazwan Bin Md Rahim 12. Amirah Arifah Binti Mohd Razi 13. Chan Kah Loh 14. Muhamad Salihin Bin Mohd Isa 15. Irfan Hadi Bin Mohd Zulkafli	2 Pingat Emas, 2 Pingat Perak dan 2 Pingat Gangsa	<i>International Symposium on Research Innovation & Sustainability (ISORIS 2019)</i>	FKP

Jadual 30 Pencapaian TUAH UTeM di Peringkat Antarabangsa 2019

Bil	Nama	Pencapaian	Program	Fakulti
1.	Ammar Jamaludin	<i>Top Leadership Award</i>	<i>University Leadership Development Program (ULDLP) Axiata</i>	FTMK
2.	Muhammad Isa Bin Ishak Muhammad Zikrul 'Azeem Bin Zakaria Mohd Faiq Aiman Bin Ailij Aiman Afeeq Bin Saliman Yurid Nadiyah Izzati Binti Mohd Rafi	Johan	<i>Shell Selamat Sampai Varsity Challenge 2019 - Inter-Varsity Road Safety Innovation Competition</i>	FTKEE
3.	Nurul Najwa Binti Zawawi Nur Aliah Binti Mohamad Napiah	Johan	<i>Unimaker National Competition 2019, Cabaran Inovasi Inklusif 2019 (IIC 2019) Zon Selatan</i>	FTKEE
4.	Amarjeet Singh A/L Gurdip Singh Harirajan Naidu A/L Krishnan Poobalan A/L Velasamy	Johan Keseluruhan	<i>Innovation Development Through Educational Activities (IDEA 19), Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC)</i>	FTKEE
5.	Aina Musfirah Binti Norazizi Izzatie Akmal Binti Zulkarnain	Johan Keseluruhan	<i>Innovation Development Through Educational Activities (IDEA 19), MTDC Sdn Bhd</i>	FTKEE
6.	Saw Chia Yee	<i>1st Prize for SilTerra / CEDEC / Intel Track</i>	<i>Innovate Malaysia 2019 (Keysight Technologies)</i>	FKEKK

Bil	Nama	Pencapaian	Program	Fakulti
7.	Muhammad Amirul Afiq Bin Mohd Ghazali	Tempat Pertama	<i>SolidWorks Skills Competition 2019 (Southern Region), IME Group of Companies</i>	FKM
8.	Muhammad Khairul Ikhwan Bin Haironi Mohd Alif Ashraf Bin Abdul Rasid M. Faiz Bin M. Radzi Muhamad Ariff Hilmi Bin Mokhtar Amat Peter Renang Anak Igai Nasrul Haziq Bin Murad	Tempat Pertama	<i>FYP Project Competition - Infineon Week @ UTeM 2019</i>	FTKMP
9.	Hasoloan Haery Ian Pieter	Anugerah Emas	<i>Defence, Security & Sustainability Exhibition (DSS'19), Universiti Pertahanan Negara Malaysia</i>	FTKMP
10.	Muhammad Syafiq Aiman Bin Amaran Mohd Akmar Bin Ruslan Nurul Hamizan Binti Komaruddin Nurul Mut'ah Binti Astar	Tempat ke-2 keseluruhan	MTUN IDP Cup	FKP
11.	Muhammad Hafizi Bin Mohd Ali Mohamad Nurallik Daniel Mohamad Zukhairin,	Naib Juara bagi kategori SAS Technology Track Award.	<i>Innovate Malaysia Design Competition (IMDC) 2019</i>	FTMK
12.	Iqbal Hakimi Bin Mohammad Feirdaus Amir Hakim Bin Mat Rahim Siti Amesha Binti Amruddin Nurul Khalida Binti Kasim	Pingat Perak	<i>Invention, Innovation & Design Exposition (IIDEX) 2019, (UITM)</i>	FKM
13.	Nurmahirah Binti Agus Salim dan Rawiyani Syazana Binti Roslan	Pingat Perak	<i>Intellectual Research and Innovation Showcase (IRIS), (UNISEL)</i>	FKEKK
14.	Muhammad Aiman Bin Miswan, Nur Amarina Binti Sabal Menanti dan Normi Diana Binti Hai Shah Hair	Pingat Gangsa	<i>Intellectual Research and Innovation Showcase (IRIS), (UNISEL)</i>	FKEKK
15.	Nur Hamizah Binti Hamidi	Pingat Gangsa	<i>Intellectual Research and Innovation Showcase (IRIS), (UNISEL)</i>	FKEKK
16.	Rachel Lee Kei En Justin Chua Chia Yang	<i>2nd Price for Keysight Track</i>	<i>Innovate Malaysia 2019 (Keysight Technologies)</i>	FKEKK
17.	Ng Xue Yin Yeoh Yeuw Hong	<i>3rd Price for Keysight Track</i>	<i>Innovate Malaysia 2019 (Keysight Technologies)</i>	FKEKK
18.	Tan Guan Seng Chang Li Lim Lee Jin Yao Leong Jun Yee	<i>Consolation Prize</i>	<i>Intel University Industry Challenge 2019, (INTEL)</i>	FKEKK

Anugerah Gemilang Universiti

Bagi mengiktiraf pelajar yang bergiat aktif di dalam bidang ko-kurikulum dan berpersatuan serta mengharumkan nama universiti. Anugerah Bakti Siswa dan Sukan Universiti telah ditambahbaik dan dinamakan kepada Anugerah Gemilang Universiti (AGU) untuk mengiktiraf pelajar berketrampilan. Majlis AGU telah berlangsung pada 22 April 2019 bertempat di Dewan Sukan, UTeM.

Anugerah Khas Tuah

Anugerah Khas TUAH diperkenalkan buat pertama kali sempena Majlis Konvokesyen UTeM Ke-15. Anugerah ini merupakan anugerah istimewa yang diwujudkan bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pelajar yang dikenalpasti mempunyai kesemua atribut definisi TUAH (Tangkas, Unggul, Adaptif, Holistik), pencapaian akademik profil yang mantap, mempunyai semangat kesukanan atau sukarelawan yang tinggi serta menonjolkan ciri kepimpinan dan keberanian yang jitu.



Amirul Zarith Zamri graduan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan merupakan penerima sulung Anugerah Khas TUAH UTeM sempena Majlis Konvokesyen ke-15 UTeM yang disempurnakan oleh Tuan Yang Teutama Canselor UTeM Tun Dr Mohd Khalil Yaakob pada 2 Disember 2019 di Dewan Canselor UTeM.

PALAPES UTeM

PALAPES UTeM telah ditubuhkan secara rasmi melalui kelulusan Mesyuarat Majlis eksekutif Bil. 5/2012 dan Arahan Penubuhan PALAPES UTeM oleh Tentera Darat yang berkuatkuasa pada 16 April 2018. Pengambilan kadet pertama adalah pada Sesi 1 2019/2020 seramai 50 orang pelajar yang telah dipilih mengikut beberapa ujian saringan. PALAPES UTeM merupakan badan beruniform yang ketiga ditubuhkan di UTeM selepas Kor SUKSIS UTeM dan Kor SISPA UTeM.

Seramai 15 orang anggota tetap PALAPES UTeM telah ditempatkan bermula pada 10 Oktober 2018 yang diketuai oleh Ketua Jurulatih berpangkat Mejar dan beroperasi secara sementara di Aras 1, Pejabat Hal Ehwal Pelajar.

Food Bank Siswa UTeM

Food Bank Siswa UTeM dijalankan secara berpusat bagi membantu lebih 1,000 orang pelajar dalam kategori B40, golongan asnaf dan mereka yang memerlukan bantuan. Ianya telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Muez Abd Aziz yang turut dihadiri Naib Canselor UTeM Prof Dr Raha Abdul Rahim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof. Madya Dr. Nurulfajar Abd Manap, Pengarah KPDNHEP Melaka Jaiya Abu, Ketua Pegawai Eksekutif Food Bank Malaysia Ab Wahab Long serta pihak yang memberikan sumbangan iaitu Family Store Melaka, Aeon Co. Malaysia serta Golden 88 Mini Mart di Pusat Persatuan Pelajar UTeM pada 3 Julai 2019.

Pesta Konvokesyen UTeM ke-15

Pertama kali Pesta Konvokesyen Ke-15 telah berlangsung selama 4 hari berturut-turut pada 30 November hingga 3 Disember 2019 di Tapak Pesta Konvo UTeM dengan tema "TUAH Berjaya, TUAH Menabur Jasa". Uniknyanya pada kali ini juga turut diadakan jualan cenderahati berkonsepkan TUAH sebagai promosi kepada semua pengunjung terutamanya pelajar dan alumni. Sebanyak 6 jenis cenderahati telah dihasilkan dan dijual iaitu T-Shirt premium, T-Shirt biasa, topi, pelekat label, pelekat kereta dan button badge. Ianya turut dilaksanakan transaksi jualan tanpa tunai sejajar dengan pelaksanaan Kampus Pintar UTeM.

Konvensyen Mahasiswa Anti Rasuah (KOMAWAR) Zon Selatan

UTeM dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menganjurkan Konvensyen Mahasiswa Anti Rasuah (KoMawAr) Zon Selatan pada 21 September 2019 telah dirasmikan oleh Ketua Menteri, Adly Zahari di Dewan Canselor, UTeM. Ianya berkonsepkan pendedahan dan pengisian kepada generasi muda ke arah menjadikan Malaysia bebas daripada jenayah rasuah. Program ini merupakan kerjasama di antara dan UTeM.

Pasar Malam Satria

Penganjuran Pasar Malam Satria telah dilaksanakan pada setiap hari Rabu sepanjang minggu perkuliahan mulai 27 Februari 2019 bertempat di kawasan parkir kenderaan berhadapan Kafeteria Satria dan beroperasi mulai jam 4.00 petang hingga 10.00 malam. Antara objektif utama penganjuran adalah menerapkan nilai keusahawanan dalam pelajar di samping menjana pendapatan bagi semua pelajar yang terlibat di samping inisiatif untuk membantu pelajar kumpulan B-40.

Sukarelawan dan Khidmat Komuniti

Sepanjang tahun 2019 mencatatkan sebanyak 80 program sukarelawan dan khidmat komuniti yang telah dijalankan di peringkat dalam negara dan merentasi sempadan antarabangsa yang telah dijayakan oleh para pelajar UTeM. Di bawah merupakan ringkasan daripada dapatan program yang telah dijalankan dengan jayanya.

Misi Sukarelawan Siswa YSS - MOES Ke Vietnam

Zahari bin Saaid pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik merupakan salah seorang Sukarelawan Malaysia melalui Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) Misi Sukarelawan Siswa YSS – MoES (Kementerian Pendidikan dan Sukan) yang telah berjaya melaksanakan sebanyak 110 buah projek di 4 daerah berhampiran bandar Ho Chi Minh, Vietnam melalui program ‘Green Summer Volunteer Campaign: Mua He Xanh 2019’ yang berlangsung pada 3 Julai hingga 8 Ogos 2019.

YSS-ASEAN Students Volunteer Mission To Sarawak

Dua pelajar UTeM iaitu Fatin Noorazlina binti Ali dan Nurul Fatimah binti Abdullah dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan yang terpilih mengikuti YSS-Asean Students Volunteer Mission to Sarawak. Peluang yang diberikan ini dapat dimanfaatkan sebaiknya untuk menimba pengalaman, ilmu pengetahuan serta berbakti kepada masyarakat dan komuniti yang memerlukan.

Sukarelawan Banjir

Pada tanggal 9 Julai 2019, sukarelawan yang terdiri daripada Pelajar UTeM bersama dengan staf telah menjalankan Misi Bantuan membersihkan kawasan yang terlibat dengan bencana banjir selepas hujan lebat secara berterusan di Kampung Belimbing Dalam, Durian Tunggal.

Charity Hiking Bersama Kanak-Kanak Istimewa

Program Charity Hiking Bersama Kanak-kanak Istimewa anjuran Sekretariat Anak Melaka (SAM), UTeM dengan kerjasama SK Bukit Beruang serta Rejimen 514 Askar Wataniah di Bukit Beruang & Rejimen 514 Kem Askar Wataniah. Program ini memberi peluang kepada 80 pelajar UTeM untuk mendekati dan mengenali 80 anak-anak istimewa dari 9 buah sekolah di sekitar Melaka.

Bakat TUAH UTeM

Meskipun UTeM merupakan Universiti Teknikal namun ramai di kalangan mahasiswa memiliki bakat dalam bidang muzik, tarian dan budaya lalu menjadikan ianya berpakej unik dan istimewa sekaligus mewarnai pertumbuhan holistik dalam kalangan pelajar.

TUAH UTeM Johan Suara Gema Borneo

UTeM telah dinobatkan sebagai johan Suara Gema Borneo dalam program Malam Pentas Seni Budaya UTeM yang dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa/I Sabah Sarawak (PMass UTeM) pada 30 April 2019 di Pusat Sukan UTeM. Program yang berteraskan seni budaya ini merupakan program tahunan PMaSS bagi memelihara dan memartabatkan lagi Kebudayaan, adat dan tradisi Borneo.

Kelab Kebudayaan India Johan Pertandingan Tarian

Kelab Kebudayaan India menyertai pertandingan tarian yang diadakan sempena program Muthamizh Panpaddu Vizha 2019 anjuran Persatuan Mahasiswa Hindu, UTM, Skudai pada 19 Oktober 2019.



Kecemerlangan Atlet TUAH UTeM Sukan dan Rekreasi

Sepanjang tahun 2019 telah merakamkan pelbagai kejayaan cemerlang yang telah dicapai oleh barisan atlet UTeM dengan aksi membanggakan di peringkat nasional dan persada dunia. Ketangkasan dan kemahiran mereka telah berjaya melonjakkan nama UTeM sekaligus meraih pungutan pingat yang memberangsangkan.

Antara kejayaannya adalah menerima 88 pingat kejohanan sukan dengan meraih 25 pingat emas, 31 pingat perak dan 32 pingat gangsa dalam 85 penyertaan kejohanan sukan sepanjang 2019 di samping mencatatkan seramai 489 atlet berprestasi tinggi telah berjaya dilahirkan seterusnya mewakili UTeM.

Di peringkat Kebangsaan, atlet UTeM telah berjaya meraih 28 pingat melalui Kejohanan di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga Majlis Sukan Universiti Awam (MASUM) dan yang lebih manis, 7 pingat di peringkat antarabangsa telah berjaya diraih oleh TUAH UTeM dalam pelbagai acara sepanjang 2019.

UTeM turut mempamerkan aksi kecemerlangan dan meraih kejayaan tersendiri di Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang berlangsung di Universiti Malaysia Pahang pada 24 Julai hingga 3 Ogos 2019 dengan membawa pulang 14 pingat keseluruhannya yang mana 2 pingat emas, 6 pingat perak dan 6 pingat gangsa.



Rajah 28 Antara Pencapaian Atlet UTeM Sepanjang Tahun 2019

Kejohanan Sukan Tahunan Malaysia – Thailand (MasThai) Ke-12

UTeM terus diberikan kepercayaan bagi menganjur dan mengurus penganjuran Kejohanan Sukan Antara Universiti Malaysia-Thailand (MASTHAI) yang merupakan kejohanan utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang diadakan setiap tahun secara bergilir timbal balik antara negara Malaysia dan Thailand. Sebanyak 5 acara telah dipertandingkan iaitu bola tampar (wanita), ping pong campuran, sepak takraw, petanque campuran dan golf.

Higher Education Sports Fest 2019

Higher Education Sports Fest (HESF) merupakan antara kejohanan berprestij yang dianjurkan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang melibatkan penyertaan seluruh IPT di Malaysia. HESF dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama (MASUM) dan UTeM telah terpilih sebagai tuan rumah untuk penganjuran HESF bagi 2 tahun berturut-turut.

HESF 2019 telah berlangsung pada 29 Oktober hingga 2 November 2019 dengan mempertandingkan 5 jenis sukan iaitu renang, ping pong, petanque, bola keranjang dan bola tampar. Seramai 800 orang atlet telah menyertai HESF 2019 yang merupakan satu peningkatan berbanding seramai 580 orang atlet pada HESF 2018.

Varsity Cycling Challenge 2019

UTeM adalah perintis kepada Varsity Cycling Challenge (VCC) yang bermula pada tahun 2015 sehingga tahun 2019. VCC telah diadakan pada 30 hingga 31 Oktober 2019 bertempat di UTeM dengan 5 kategori telah dipertandingkan iaitu acara Lebuhraya Pelajar IPT Lelaki, Lebuhraya Pelajar IPT Wanita, Lebuhraya Staf IPT Lelaki, Lebuhraya Staf Veteran IPT Lelaki dan Lebuhraya VIP dan telah disertai seramai 200 orang peserta.

Kejohanan E-Sport Majlis Sukan Universiti Malaysia

Pasukan UTeM yang telah berjaya menerima anugerah emas dan tempat ketiga bagi kategori PES 2019 dalam MASUM ESports Championship (MES) 2019 yang berlangsung dari 12 hingga 15 Disember di Ancient Galaxy ESports Hub, Melaka.

Jalur Gemilang Berkibar Di Sukan Universiti Dunia 2019

TUAH UTeM Hamdanwahid Rinaldi dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) berjaya mengharumkan nama negara dan mengibarkan Jalur Gemilang di Napoli, Itali setelah berjaya memenangi pingat gangsa yang menjadi pingat pertama bagi kontingen Pasukan Taekwondo Malaysia untuk acara *team sparring*, Sukan Universiti Dunia atau *Summer Universiade 2019* yang berlangsung pada 3 hingga 14 Julai 2019 di Napoli, Itali.

Pasukan Taekwondo UTeM Menang Emas di Kejohanan 9th Tirak Taekwondo International Championship 2019 di Bangkok, Thailand

Pasukan Taekwondo UTeM mencatat kenangan manis di kejohanan 9th Tirak Taekwondo International Championship 2019 di Bangkok, Thailand pada 25 hingga 27 Oktober 2019 dengan kemenangan 3 pingat emas menerusi kategori *poomsae individual*, 18 hingga 30 tahun (*black belt*), kategori *poomsae team*, 18 hingga 30 tahun (*black belt*) dan kategori *kyorugi individu*, *welter weight* 74 hingga 80 kilogram manakala 2 pingat gangsa diraih menerusi kategori *poomsae Individu*.

Johan Untuk Kategori Plate Kejohanan Ragbi Touch Wanita KMM

Pasukan Tuah UTeM Wanita berjaya merangkul gelaran johan untuk kategori *plate* di Kejohanan Ragbi Touch Wanita KMM 2019 dengan membawa pulang 1 pingat emas, 1 pingat perak dan 3 pingat gangsa di Kelab Tasik Putrajaya Presint 8, Putrajaya yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad.

Pingat Emas Kejohanan Sukan Anak Borneo (SUKAB'19) 2019.

Pasukan Persatuan Mahasiswa Sabah Sarawak (PMaSS) berjaya memenangi pingat emas untuk acara futsal dalam kejohanan Sukan Anak Borneo (SUKAB'19) di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dongguan - Guangzhao International Dragon Boat Invitational Tournament 2019

Dua orang pelajar UTeM Muhammad Haziq bin Zainal Abidin dan Abdul Rahman bin Zahrullail dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Pembuatan antara yang mewakili Malaysia sebagai atlet Perahu Naga Persatuan Kanu Malaysia dan telah berjaya memenangi pingat gangsa dalam *Dongguan - Guangzhao International Dragon Boat Invitational Tournament 2019* di Taman Negara *Wetland Lake*, Dongguan City, China pada 21 hingga 24 November 2019.



13th CK Classic International Taekwondo Championship 2019

Pasukan Taekwondo UTeM telah berjaya menggondol pingat emas bagi acara poomsae untuk kedua-dua kategori lelaki dan wanita berpasukan serta pingat perak bagi acara poomsae campuran dan acara poomsae individu di 13th CK Classic International Taekwondo Championship 2019.

Naib Juara Keseluruhan Xpak Kek Sem 1

Pasukan E-Sports UTeM memenangi Naib Juara Keseluruhan dalam XPAK KEK SEM 1 2019 Sunway Pyramid Ice Rink, Sunway City Kuala Lumpur pada 26 hingga 27 April 2019.

Pencapaian Sukan Pelajar UTeM Kejohanan Antarabangsa 2019

Jadual 32 Pencapaian Pelajar UTeM di Peringkat Antarabangsa

Bil.	Nama	Pencapaian	Acara	Kejohanan
1	Hamdanwahid Bin Rinaldi	Pingat Gangsa Mewakili Pasukan Malaysia	Kategori <i>Sparring</i> <i>Welter Weight</i> .	14th Asean Taekwondo Federation Championships Mei 2019 Manila, Philippines
2.	Hamdanwahid Bin Rinaldi	Pingat Gangsa Mewakili Pasukan Malaysia	Kategori <i>Sparring</i>	11th Kasetsart Taekwondo Championships 15 Jun 2019 Bangkok, Thailand
3.	Muhammad Amiruddin Bin Azman	Individu Lelaki <i>Recurve</i> : <i>Rank 60/100</i> Pusingan Olimpik Lelaki <i>Recurve</i> : 1/32	Memanah	Thailand Princess Cup Archery Tournament 2019 27 hingga 30 Jun 2019 Island Hall Shopping Center, Bangkok Thailand
4.	Hamdanwahid Bin Rinaldi	Pingat Gangsa Mewakili Pasukan Malaysia	Kategori <i>Sparring</i>	Kejohanan Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE) 4 hingga 14 Julai 2019 Napoli, Italy
5.	Toriq Abdul Aziz Bin Chozin	Pingat Emas	Kategori <i>Poomsae</i> <i>Individual</i>	Kejohanan 9th Tirak Taekwondo International Championship 2019 25- 27 Oktober 2019 Bangkok, Thailand

Pencapaian Sukan Pelajar Peringkat Kebangsaan

Jadual 33 Pencapaian Pelajar UTeM di Peringkat Kebangsaan

Bil.	Nama	Sukan	Mewakili	Program	Tarikh	Pencapaian
1	Pasukan Hoki UTeM	Hoki	UTeM	Kejohanan Hoki 9 Sebelah 5 Penjur UTeM	12 Januari 2019	Johan
2	Pasukan Ragbi Kroons B : Juara Pasukan Ragbi Kroons A : Tempat Ketiga	Ragbi	UTeM	Kejohanan Ragbi Jemputan Tertutup Daerah Alor Gajah	23 Februari 2019	Johan & Tempat Ketiga
3	Kategori Poomsae Berpasukan Muhammad Faiz Bin Mohd Kamal Muhammad Amer Danish Bin Md Amerruddin Toriq Abdul Aziz Bin Mohd Chozin Perak Kategori Poomsae Individual Toriq Abdul Aziz Bin Mohd Chozin Gangsa Kategori Poomsae Individual Muhammad Amer Danish Bin Md Amerruddin Tempat 5 Kategori Poomsae Individual Muhammad Faiz Bin Mohd Chozin	Taekwondo	UTeM	<i>Nottingham Ultimate Taekwondo Showdown</i>	23 Mac 2019	Emas Kategori <i>Poomsae Berpasukan</i> Perak Kategori <i>Poomsae Individual</i> Gangsa Kategori <i>Poomsae Individual</i>
4	Abdul Rahman Bin Zahrullail Abu Talhah Bin Mohd Amin	Kayak	UTeM	Kejohanan Kayak Sprint Peringkat Kebangsaan 2019	31 Mac 2019	Perak Kategori <i>Men's Doubles 400m Sprint</i>
5	Abdul Rahman Bin Zahrullail (FTKMP) Abu Talhah Bin Mohd Amin (FTMK)	Kayak	UTeM	Penyertaan Kejohanan Kayak Sprint Peringkat Kebangsaan 2019	31 Mac 2019	Perak Kategori <i>Men's Doubles 400m Sprint</i>
6		Olahraga	UTeM	Kejohanan Olahraga Terbuka Johor 2019	5 – 6 April 2019	2 Perak dan 1 Gangsa
7			UTeM	Kejohanan <i>Head Of Muar River Regatta 2019</i>	12 - 14 April 2019	Gangsa Acara <i>Women 8+</i> Tempat Kempat Acara <i>Mens 8+</i>
8	Emas Kategori Poomsae Individu Senior Toriq Abdul Aziz Bin Mohd Chozin Emas Kategori Poomsae Individu Junior Muhammad Al-Faaruuq Bin Mohd Jamaluddin Emas Kategori Poomsae Berpasukan Muhammad Faiz Bin Mohd Kamal Muhammad Amer Danish Bin Md Amerruddin Toriq Abdul Aziz Bin Mohd Chozin	Taekwondo	UTeM	<i>IUMW Taekwondo Poomsae Invitational Championship 2019</i>	20 April 2019	Emas Kategori <i>Poomsae Individu Senior</i> Emas Kategori <i>Poomsae Individu Junior</i> Emas Kategori <i>Poomsae Berpasukan</i> Tempat Ketiga Keseluruhan



Bil.	Nama	Sukan	Mewakili	Program	Tarikh	Pencapaian
9	<p>Kategori Lelaki MTB</p> <p>Tempat Pertama Aiman Zahin Bin Zarani</p> <p>Tempat Ketiga Muhamad Asyraf Bin Anuar</p> <p>Kategori Wanita MTB</p> <p>Tempat Pertama Ain Syuhadah Binti Alim @ Halim</p> <p>Tempat Kedua Nurul Aina Haziera Binti Nazarudin</p>	Basikal	UTeM	Kejohanan Lumba Basikal Tertutup Negeri Melaka 2019 Sempena Piala YAB Ketua Menteri Melaka 2019	27 - 28 April 2019	<p>Tempat Pertama & Ketiga Kategori Lelaki MTB</p> <p>Tempat Pertama & Kedua Kategori Wanita MTB</p>
10	<p>Perak Acara 2000m Relay Women Open Nor Afifah Binti Md Noh Elsa Lee Sook Theng Rachel Lee Kei En Siti Hajar Binti Ibrahim</p> <p>Gangsa Acara 500m Open Women Rachel Lee Kei En</p> <p>Gangsa Acara 2000m Relay Men Open Mohd Faez Noor Bin Suzairah Lukman Arif Bin Mohd Kamal Muhammad Raif Imran Bin Mat Rahim Muhamad Farhan Bin Zi</p>	Indoor Rowing	UTeM	Iskandar Puteri International Dragon Boat Festival 2019 (Indoor Rowing)	4 - 5 Mei 2019	<p>Perak Acara 2000m Relay Women Open</p> <p>Gangsa Acara 500m Open Women</p> <p>Gangsa Acara 2000m Relay Men Open</p>
11	Pasukan Taekwondo UTeM	Taekwondo	UTeM	Penyertaan 6th UTeM Invitation Taekwondo (WT) Championship	28 - 29 Jun 2019	<p>Emas : 5</p> <p>Perak : 5</p> <p>Gangsa : 3</p>
12	Pasukan Bola Sepak UTeM	Bola Sepak	UTeM	Liga Bola Sepak Melaka Div. 2	Julai – September 2019	Tempat Ketiga
13	Muhammad Farhan Bin Ibrahim Nor Razi Shairanie Bin Safe'ei Muhammad Afirullah Bin Razali Wan Muhammad Danish Bin Wan Husain Eddy Jefri Shah Bin Azizan Akaili Asilah Binti M. Azman	E-Sports	UTeM	Kejohanan ACE Musim 2 Mobile Legend Bang Bang	3 Julai 2019	Naib Johan
14	<p>Pingat Perak 400m Lari Berpagar Syed Fazeel Shah Bin Syed Anwar Shah</p> <p>Pingat Gangsa Lontar Peluru Nur Amiera Fazlin Bin Kamarudin</p> <p>Pingat Gangsa 800m Nur Elmiera binti Ismail</p>	Olahraga	UTeM	Penyertaan Kejohanan Olahraga Terbuka Kali Ke 54	6 – 7 Julai 2019	Pingat Perak 2 Pingat Gangsa
15	<p>Pingat Emas Acara Poomsae Lelaki Berpasukan Muhammad Amer Danish Bin Md Ameruddin Toriq Abdul Aziz Bin Mohd Chozin Muhammad Faiz Bin Mohd Kamal</p> <p>Pingat Emas Acara Poomsae Wanita Berpasukan Fakhirah Hazirah Binti Shahrulazhar Aina Farhanah Binti Zailan Nurmala Sary Binti Saidin</p> <p>Pingat Perak Acara Poomsae Campuran Nurmala Sary Binti Saidin Muhammad Faiz Bin Mohd Kamal</p> <p>Pingat Perak Acara Poomsae Individu Toriq Abdul Aziz Bin Mohd Chozin</p>	Taekwondo	UTeM	13 th CK Classic International Taekwondo Open	12 - 14 Julai 2019	<p>Pingat Emas Acara Poomsae Lelaki Berpasukan</p> <p>Pingat Emas Acara Poomsae Wanita Berpasukan</p> <p>Pingat Perak Acara Poomsae Campuran</p> <p>Pingat Perak Acara Poomsae Individu</p>



Bil.	Nama	Sukan	Mewakili	Program	Tarikh	Pencapaian
16	<p>Petanque Wanita Individu Anis Amira Binti Basri</p> <p>Emas Welter Taekwondo Lelaki Hamdanwahid Bin Rinaldi</p> <p>Perak Poomsae Taekwondo Berpasukan Lelaki Toriq Abdul Aziz Bin Mohd Chozin Muhammad Amer Danish Bin Md Amerruddin Muhammad Faiz Bin Mohd Kamal</p> <p>Perak Poomsae Taekwondo Individual Lelaki Toriq Abdul Aziz Bin Mohd Chozin</p> <p>Perak Kyorugi Welter Taekwondo Wanita Norsyasya Amira Binti Abu Bakar</p> <p>Perak Bola Keranjang 3 on 3 Lelaki Wong Chu Hing Lim Pei Jun Iman Faidhi Bin Azman Fong Yee Pin She Siang Shyang</p> <p>Perak Petanque Bergu Campuran Anis Amira Binti Basri Muhammad Syahid Bin Mohammad Tamizi</p> <p>Gangsa Kyorugi Taekwondo Middle Wanita Wan Joe Yee</p> <p>Gangsa Poomsae Taekwondo Campuran Muhammad Faiz Bin Mohd Kamal Nurmala Sary Binti Saidin</p> <p>Gangsa Lompat Tinggi Lelaki Farhan Afif Bin Ali</p> <p>Gangsa Petanque Triple Lelaki Khairulanwar Bin Said Muhamad Nur Abrar Bin Nordin Mohamad Ashraf Bin Hilmi</p> <p>Gangsa Catur Berpasukan Chew Wenda Ng Chi Yuan Muhammad Syafiq Bin Md Safkad Hossain Mohamad Akram Awesi Bin Wahid @ Abdul Wahid</p>	<p>Petanque Taekwondo Bola Keranjang Lompat Tinggi Catur</p>	UTeM	Karnival Sukan MASUM	<p>Fasa 1 : 23 – 30 Julai 2019</p> <p>Fasa 2 : 29 Julai 2019 – 4 Ogos 2019</p>	<p>2 Emas</p> <p>5 Perak</p> <p>5 Gangsa</p>
17	<p>Emas Acara Rowing Women Single Scull Rachel Lee Kei En</p> <p>Perak Acara Rowing Men Double Scull Muhammad Faez Noor Suzairah Ahmad Zulhilmi Osman</p> <p>Perak Acara Rowing Men (4-) Afiq Mustaqim Zulkifli Hafiq Hibatullah Mohd Zaid Muhammad Fikri Zainuddin Muhammad Harith Mohd Sabri</p> <p>Perak Acara Rowing Men (8+)</p>	Sukan Air	UTeM	Sukan Air MASUM Rowing dan Kayak	22 – 25 Ogos 2019	<p>1 Emas</p> <p>5 Perak</p> <p>2 Gangsa</p>



Bil.	Nama	Sukan	Mewakili	Program	Tarikh	Pencapaian
	<p>Afiq Mustaqim Zulkifli Hafiy Hibatullah Mohd Zaid Muhammad Fikri Zainuddin Muhammad Harith Mohd Sabri Muhamad Farhan Zi Lukman Arif Mohd Kamal Muhammad Faez Noor Suzairah Ahmad Zulhlimi Osman Muhammad Syamil Hasan</p> <p>Perak Acara Rowing Women Double Scull Nor Afifah Md Noh Elsa Lee Sook Theng</p> <p>Perak Acara Rowing Women (8+) Nor Afifah Md Noh Elsa Lee Sook Theng Meryl Anyie Tomy Rahmah Askari Noriskha Ishak Rachel Lee Kei En Nur Liana Balqis Mohd Fauzi Siti Hajar Binti Ibrahim Nurshafiqah Binti Azmi</p> <p>Gangsa Acara Rowing Women (4-) Meryl Anyie Tomy Rahmah Binti Askari Noriskha Binti Ishak Siti Hajar Binti Ibrahim</p> <p>Gangsa Acara Rowing Men Single Scull Lukman Arif Binti Mohd Kamal</p>					
18	Pasukan Ragbi UTeM	Ragbi	UTeM	Kejohanan Ragbi Sentuh Sambutan 2 Dekad KKM	21 September 2019	Johan Plate
19	Mohamed Alif Najmi Bin Ikmil Hazri Danial Irfan Bin Abdul Halim Muhamad Haziq Haikal Bin Kamarudin Ariz Bin Mustaffar Wan Ashraf Idham Bin Wan Abdullah	E-Sports	UTeM	Zon Selatan PUBG Mobile Celcom XPAXKEK Semester 2 Zon Selatan	27 – 28 September 2019	Juara
20	<p>Pingat Emas Acara Merejam Lembang Lelaki Syed Abrar Bin Syed Ahmad Zawawi</p> <p>Pingat Perak Acara 1500 meter Lelaki Ahmad Imran Bin Ahmad Zahir</p> <p>Pingat Perak Acara Lontar Peluru Wanita Nur Amiera Fazlin Binti Kamarudin</p>	Olahraga	UTeM	Penyertaan Kejohanan Olahraga Terbuka Perak All Corners (Super) 2019	18 - 20 Oktober 2019	1 Pingat Emas 2 Pingat Perak
21	<p>Individu Lelaki Emas : Abdul Rahman Bin Zahrullail Perak : Abu Talhah Bin Mohd Amin Gangsa : Muhammad Haziq Bin Suhaimi</p> <p>Doubles Lelaki Emas: Abdul Rahman Bin Zahrullail Muhammad Haziq Bin Zainal Abidin Perak: Abu Talhah Bin Mohd Amin Ahmad Razin Bin Azman Gangsa: Muhammad Haziq Bin Suhaimi Muhammad Harith Bin Sabri</p> <p>Individu Wanita Emas: Sofiah Binti Madzlin Perak: Nur Aisyah Binti Norazmi</p> <p>Double Wanita Emas: Farisya Farhana Binti Zulkiflee Nurul Shahida Akila Binti Zainurin Perak: Sofiah Binti Mazlin Nur Aishah Binti Norazmi</p>	Kayak	UTeM	Kejohanan Kayak Sprint Peringkat Negeri Melaka	19 & 20 Oktober 2019	4 Pingat Emas 4 Pingat Perak 2 Pingat Gangsa

Bil.	Nama	Sukan	Mewakili	Program	Tarikh	Pencapaian
22	Pasukan Bola Tampar Wanita UTeM	Bola Tampar	UTeM	Kejohanan Bola Tampar Sempena Minggu Siswa Johor 2019	7 – 10 November 2019	Naib Johan
23	Pasukan Ragbi UTeM	Ragbi	UTeM	Kejohanan Ragbi Hornbill 10 Sebelah Tertutup Melaka 2019	16 November 2019	Juara Kategori Bowl
24	Atlet Terbaik IPT Chew Wen Da	Catur	UTeM	Kejohanan Catur U1900 UPSI FIDE (IPT Series)	24 November 2019	Atlet Terbaik IPT
25	Pasukan E-sports UTeM	E-sports	UTeM	E-sports MASUM 2019	12 hingga 15 Disember 2019	Golden Award bagi mata terbanyak keseluruhan Tempat Kedua kategori PES





13.0
Pengurusan
Bakat



PENGURUSAN BAKAT

Pengenalan

Aspek Pengurusan Bakat di universiti ini lebih memfokuskan kepada program-program pembangunan bersifat holistik. Berdasarkan kepada pendekatan ini maka program pembangunan bakat dirancang dan dilaksanakan bagi mewujudkan jangkaan program yang lebih realistik, membuat staf berasa selesa menghadiri program-program pembangunan staf serta menambah baik kompetensi staf khususnya penekanan terhadap aspek *Attitude* (Sikap), *Skills* (Kemahiran) dan *Knowledge* (Pengetahuan) atau ASK serta boleh mengadaptasi perkembangan teknologi terkini dan melakukan inovasi secara berterusan di era Revolusi Industri 4.0.


Latihan dan Penjanaan

Program latihan yang dirangka adalah berteraskan ASK dan sebanyak 66 latihan dan kursus dalaman yang melibatkan 2836 penyertaan dari staf dan menguruskan penyertaan staf ke latihan yang dianjurkan oleh agensi luar samada kerajaan ataupun swasta seramai 540 orang.

Universiti juga telah bersetuju mulai pada tahun 2019 untuk menghantar staf ke kursus strategik di peringkat antarabangsa. Seramai 4 orang staf telah menyertai kursus tersebut. Unit Latihan dan Penjanaan juga menganjurkan 3 kursus secara atas talian dengan kerjasama Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran (PSTP). Metodologi ini memberikan kemudahan kepada staf untuk menjalani kursus di mana-mana sahaja.


Carta di bawah menerangkan peratusan kursus yang berteraskan *Attitude*, *Skill dan Knowledge* dan Nilai Teras UTeM.

Peratusan Latihan Berteraskan Attitude (A), Skill (S) dan Knowledge (K)



Rajah 29 Pembahagian Peratusan Corak Kursus di UTeM 2019

PERATUSAN LATIHAN BERTERASKAN NILAI TERAS



Rajah 30 Peratusan Berkonsepan Nilai Teras UTeM

UNIT LATIHAN DAN PENJANAAN

99.02 PERATUS STAF TELAH BERJAYA MEMENUHI JAM LATIHAN





Pelan Pembangunan Individu

Pelan Pembangunan Individu atau *Individual Development Plan* (IDP) merupakan kaedah bagi menyuntik perkembangan kerjaya dan kompetensi staf yang mana ia dirangka khusus bagi menepati keperluan kompetensi setiap individu staf berteraskan keperluan semasa organisasi.

Model Kompetensi IDP UTeM yang dibangunkan adalah merujuk kepada dokumen-dokumen rasmi universiti iaitu Pelan Strategik 2012-2020, Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM) 2015-2025, Visi dan Misi serta Nilai- Nilai Teras termasuklah 6 Teras Strategik UTeM.

Program IDP UTeM telah melaksanakan penilaian kepada Pentadbir Gred 41 pada tahun 2017 serta Gred 44 pada tahun 2019. 58 staf daripada Gred 41 dan 25 staf daripada Gred 44 telah memiliki Profil Kompetensi masing-masing.

Melalui program penilaian IDP, peserta diuji melalui beberapa kaedah penilaian yang telah dikenal pasti seperti *role-play*, pembentangan kertas kerja, sistem maklumbalas 360, ujian, temu bual, pemerhatian, tugas *port-folio* dan *coaching and mentoring* merujuk kepada kompetensi-kompetensi yang telah ditetapkan.

Impak IDP

- Pelan pembangunan potensi dan kompetensi staf yang selari dengan keperluan modal insan UTeM sepertimana yang digariskan dalam PSSM UTeM 2015-2025.
- Profil PPI/IDP staf yang sejajar dengan strategik dan nilai organisasi, apa yang diperlukan dan dikehendaki oleh pengurusan kepada individu akan dapat dicapai.
- Pelaksanaan PPI / IDP dapat memaksimumkan produktiviti. Dengan mengenal pasti jurang kompetensi yang berkaitan, PPI / IDP membantu memastikan bahawa latihan dan pembangunan kerjaya dapat dirancang selari dengan keperluan kompetensi staf.
- Usaha universiti ke arah menarik bakat berpotensi, berakhlak dan berkepakaran haruslah mengambil kira kompetensi, bidang kepakaran serta kualiti peribadi. Justeru Program Penilaian PPI / IDP merupakan program yang tepat dan berpadanan dalam membantu pengurusan Universiti menyediakan calon berkeelayakan bagi Program Pelan Penggantian, Kemajuan Kerjaya, Pemilihan Calon ke Kursus-Kursus Strategik, Cuti Belajar, Penglibatan Luar/ Sangkutan dan Mentor.


Staf yang telah memiliki profil IDP telah dikenal pasti jurang kompetensi masing-masing dan seterusnya disediakan pelan pembangunan individu tersebut melalui program pembangunan dan pengekalan bakat yang akan dilaksanakan pada tahun 2020.

Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD)

Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) dilaksanakan untuk mengekal, mengembang dan mempertingkatkan kompetensi dan profesionalisme individu berpusatkan kepada keperluan staf dan hala tuju organisasi bagi menghadapi sebarang perubahan dan cabaran dalam memacu kejayaan.

Pengiraan gandaan 2 mata CPD melibatkan semua aktiviti yang terkandung dalam bahagian-bahagian CPD iaitu Kursus, Perkongsian Ilmu dan Jawatankuasa / Sukan/ Bakat bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbir dan Akademik) dan Kumpulan Pelaksana, Gred 1- 54 dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi – Jawatan Gred Khas (VU dan VK).

Dalam tempoh sepuluh tahun pelaksanaannya, program ini memberi impak yang baik dari aspek untuk menggalakkan dan meningkatkan staf mengikuti aktiviti-aktiviti pembangunan diri. Perbandingan yang dibuat antara tahun 2010 hingga 2019 menunjukkan peningkatan peratusan pencapaian staf yang memenuhi 42 mata CPD yang ditetapkan.



Rajah 31 Pencapaian CPD dari tahun 2010 sehingga 2019

Laluan Kerjaya Akademik Pelbagai (LKAP)

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM 2015-2025 (PT)) dirangka bertujuan untuk mentransformasikan sistem pendidikan tinggi Malaysia untuk menghadapi cabaran bagi mencapai matlamat sebagai sebuah negara maju menjelang 2020. Sehubungan itu, 10 Lonjakan atau misi telah ditetapkan bagi merealisasikan matlamat berkenaan dan salah satu lonjakan tersebut ialah Kecemerlangan Bakat iaitu pada Lonjakan Ke-2.

Sebagai panduan pengukuhan kecemerlangan bakat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menerbitkan *Strengthening Academic Career Pathways And Leadership Development* atau lebih dikenali dengan nama 'Orange Book' yang antara isi kandungannya adalah berkenaan mengenal pasti atribut bakat, laluan kerjaya berdasarkan bakat, cadangan kerangka laluan kerjaya, populasi laluan kerjaya serta peranan pelbagai entiti dalam organisasi bagi menyokong pelaksanaan laluan kerjaya akademik pelbagai.

Secara umumnya Laluan Kerjaya Akademik Pelbagai (LKAP) masih memerlukan staf untuk melaksanakan tugas hakiki seorang pensyarah iaitu meliputi elemen pengajaran, penyeliaan, penyelidikan, penerbitan, jaringan industri dan sumbangan kepada komuniti. Tetapi dengan adanya Laluan Kerjaya Akademik Pelbagai ini staf boleh memilih laluan yang dapat memberi penghasilan yang lebih cemerlang berdasarkan minat dan kepakaran masing-masing.


Laluan kerjaya yang dikenalpasti untuk dibangunkan dan dilaksanakan di universiti ialah Laluan Pendidik, Laluan Penyelidik, Laluan Pengamal Profesional dan Laluan Kepimpinan Institusi. Keseluruhan laluan kerjaya ini dikenali sebagai Laluan Kerjaya Akademik Pelbagai. Sebagai contoh, sekiranya staf lebih cenderung dan banyak penghasilan dalam penyelidikan dan penerbitan, beliau boleh memilih Laluan Kerjaya Penyelidik sebagai laluan kerjaya beliau.

Kertas Kerja Dasar Laluan Kerjaya Akademik Pelbagai dan Garis Panduan Laluan Kerjaya Akademik Pelbagai di UTeM telah diluluskan seperti berikut:

- a) Mesyuarat Senat Bil. 1/2018 bertarikh 17 Januari 2018; dan
- b) Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2018 bertarikh 8 Februari 2018.



PEMILIHAN LKAP TAHUN 2019



Rajah 32 Pemilihan LKAP oleh Staf Akademik UTeM
(Pensyarah Universiti berstatus tetap dengan Gred DS51 dan ke atas)
bagi Tahun 2019


Chancellor's Talk 2019

Pelaksanaan *Chancellor's Talk* pada tahun 2019 telah dianjurkan 2 kali bersama 2 tokoh ilmunan dan korporat negara iaitu YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang dan YBhg. Tan Sri Abdul Wahid bin Omar pada 1 Oktober 2019. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang menyampaikan ucap tawar bertajuk *Ecoshift: A Leadership Framework and Practices*, manakala Tan Sri Abdul Wahid bin Omar pula telah menyempurnakan *Chancellor's Talk* bertajuk *Purposeful Leadership and Sustainability* pada 7 Oktober 2019 .

Kedua-dua program ini telah berlangsung di Dewan Canselor UTeM yang menyaksikan seramai 800 peserta yang hadir termasuk jemputan daripada Ketua Jabatan Negeri / Persekutuan Melaka, wakil daripada UA dan IPTS sekitar negeri Melaka serta pengurusan kanan dan warga UTeM.


Biasiswa Akademik

Pada Tahun 2019 menyaksikan seramai 23 orang staf UTeM telah melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah ke universiti dalam dan luar negara. Rajah di bawah adalah pecahan staf akademik yang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah mengikut fakulti bagi tahun 2019.



Rajah 33 Penghantaran Staf Mengikuti Pengajian Ijazah Doktor Falsafah Dalam dan Luar Negara

Manakala pada tahun 2019, staf yang berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah adalah seramai 32 orang staf. Rajah di bawah menunjukkan staf yang berjaya Ijazah Doktor Falsafah mengikut Fakulti.



Rajah 34 Staf UTeM Berjaya Menamatkan Pengajian PhD Dalam dan Luar Negara

Program *Fast Track To Chartered Engineers (C.Eng.)*

Bagi merealisasikan misi UTeM untuk melahirkan ahli profesional di kalangan staf akademik di samping meningkatkan bilangan staf akademik dengan gelaran Jurutera Profesional atau yang setara dengannya selaras dengan kehendak EAC dan juga MyRA maka program Fast Track to Chartered Engineer (C.Eng.) telah dilaksanakan bermula pada bulan Februari 2017 sehingga 2019. Program ini juga dapat membantu meningkatkan bilangan Jurutera Profesional (Ir.).



Jadual 34 Laporan Fast Track To Chartered Engineer (C.Eng.) Program Sehingga 31 Disember 2019

No.	Fakulti	Dalam Proses Memperoleh C.Eng. (orang)	Telah Memperoleh Pengiktirafan C.Eng. (orang)	Jumlah (orang)
1	FKEKK	9	9	18
2	FKE	2	11	13
3	FKM	10	13	23
4	FKP	0	12	12
5	FTKEE	11	3	14
6	FTKMP	9	11	20
Jumlah Keseluruhan		41	59	100

Seramai 100 orang staf akademik dari FKEKK, FKE, FKM, FKP dan FTK telah mengikuti program ini bagi memperoleh pengiktirafan sebagai C.Eng. Seramai 59% orang staf telah berjaya memperoleh pengiktirafan C.Eng. manakala 41% lagi dalam proses memperoleh C.Eng. untuk tahun 2020.

Jadual 35 Jumlah Staf Yang Memperoleh Pengiktirafan Sebagai Jurutera Profesional (P.Eng./ Ir.) Sehingga 30 Disember 2019

No.	Fakulti	Tahun / Bilangan Staf										Jumlah Staf
		2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	
1	FKE	2		1			1		3	6	3	16
2	FKEKK				1			1	1	1		4
3	FKM	2				1			1			4
4	FKP	2		1			1	3		4	2	13
5	FTKMP							3			1	4
6	FTKEE	1			2		1		1			5
Jumlah Keseluruhan		7	0	2	3	1	3	7	6	11	6	46

Skim Sangkut Industri

Skim Sangkut Industri ini merupakan antara inisiatif UTeM bagi meningkatkan kualiti staf akademik dalam pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan berdasarkan pengalaman serta ilmu yang diperolehi dari industri. Skim ini juga memberi pendedahan kepada staf berkenaan dengan teknologi dan inovasi baru selain dapat memberi pendedahan kepada suasana sebenar melalui konsep experiential-learning selain mengikuti kursus/latihan yang berkaitan dengan bidang kepakaran staf.

Selain membantu universiti meningkatkan kualiti staf akademik dalam pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan berdasarkan pengalaman serta ilmu yang diperolehi dari industri, ianya juga dapat meningkatkan jumlah bilangan staf berstatus Jurutera Profesional kerana latihan industri / sangkut industri ini merupakan pra-syarat untuk memperolehi status Jurutera Profesional.

Jadual 36 Staf Yang diluluskan Mengikuti Skim Sangkut Industri Bagi Tahun 2008 Sehingga 31 Oktober 2019

No.	Fakulti	Tahun / Bilangan Staf												Jumlah Staf
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	
1	FKE	1			5	2	5	3		2	2	3	2	25
2	FKEKK	2		2		3		6		2	2	5		22
3	FKM			1	1			1			2	12	4	21
4	FKP		1	1			1	1	4	2		2		12
5	FTMK	7					2		1	2				12
6	FPTT						1							1
7	FTKMP											2	1	3
8	FTKEE	2		2		1	2			2	2	1	1	13
9	PBPI							1						1
Jumlah Keseluruhan		12	1	6	6	6	11	12	5	10	8	25	8	110

Skim Cuti Sabatikal

Skim Cuti Sabatikal adalah bertujuan meningkatkan nilai tambah kecemerlangan intelek serta produktiviti dalam bidang kepakaran staf masing-masing. Ianya merangkumi aktiviti-aktiviti seperti :

- Pengajaran yang berkaitan dengan bidang kepakaran staf di universiti yang terkemuka di luar negeri bagi tujuan perkongsian dan peningkatan pengetahuan akademik;
- Penyelidikan dalam bidang pengkhususan;
- Penulisan buku karya asal/asli dengan syarat staf hanya menulis satu buku sahaja dalam tempoh sabatikal yang diluluskan. Kebenaran yang diberikan adalah hanya untuk menyudahkan penulisan sahaja dan bukan permulaan penulisan;
- Mengikuti kursus/latihan yang berkaitan dengan bidang kepakaran staf.

**Jadual 37** Staf Yang Diluluskan Mengikuti Skim Cuti Sabatikal Bagi Tahun 2011 Sehingga 31 Disember 2019

No.	Fakulti	Tahun / Bilangan Staf									Jumlah Staf
		2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	
1	FKE	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
2	FKEKK	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1
3	FKM	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
4	FKP	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1
5	FTMK	-	-	-	-	-	2	1	1	-	4
6	FPTT	-	-	-	-	-	-	-	2	-	2
7	FTKMP	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
8	FTKEE	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
9	PBPI	1	-	-	-	-	-	-	-	3	4
Jumlah Keseluruhan		1	-	-	-	-	2	2	4	3	12

Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik (SCuBBA)

Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik (SCuBBA) ialah satu skim yang merupakan insentif dalam bentuk pemberian biasiswa melanjutkan pengajian kepada Staf Pentadbiran yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan universiti dan dapat mencungkil bakat dalam kalangan Staf Pentadbiran. Penawaran kuota skim ini pada tahun 2019 adalah sebanyak 8 kuota dengan pecahan 3 kepada Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) dan 5 kuota kepada Kumpulan Pelaksana.

Permohonan yang diterima setelah tawaran skim ini diiklankan seramai 2 orang daripada Kumpulan P&P dan 5 orang daripada Kumpulan Pelaksana. Setelah menjalani sesi temuduga pada 7 Februari 2019, hanya seorang daripada Kumpulan P&P dan 3 orang daripada Kumpulan Pelaksana yang layak mengikuti pengajian di bawah Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik bagi tahun 2019.

Jadual 38 Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik Sehingga Tahun 2019

Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik (SCUBBA)										
Tahun/ Kategori	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	Jumlah Staf
Pengurusan & Profesional	3	1	1	1	1	0	0	1	1	9
Pelaksana	1	0	1	0	0	0	3	0	3	8
Jumlah Keseluruhan :										17



14.0
**Prestasi dan
Laporan Keuangan**




LAPORAN KEWANGAN

KESELURUHAN

Pendapatan UTeM bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 berjumlah RM383.25 juta berbanding dengan RM391.88 juta bagi tahun 2018, iaitu menurun sebanyak RM8.63 juta (2.2%). Perbelanjaan UTeM bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM354.70 juta berbanding dengan RM371.73 juta bagi tahun 2018, iaitu menurun sebanyak RM17.03 juta (4.6%).

Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan UTeM adalah seperti jadual di bawah.

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN 2018 - 2019




KUMPULAN WANG MENGURUS

Pendapatan mengurus UTeM bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 berjumlah RM264.05 juta berbanding dengan RM256.49 juta bagi tahun 2018, iaitu meningkat sebanyak 2.9%. Daripada jumlah ini, RM239.81 juta atau 90.8% adalah pemberian Kerajaan dan bakinya RM24.24 juta (9.2%) adalah daripada sumber lain seperti yuran pengajian.


Perbelanjaan mengurus tahun 2019 berjumlah RM232.67 juta berbanding dengan RM227.80 juta bagi tahun 2018, iaitu meningkat sebanyak 2.1%.

PERBANDINGAN PENDAPATAN MENGURUS TAHUN 2018 DAN 2019





PERBANDINGAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2018 DAN 2019




KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN


Peruntukan pembangunan tahun 2019 UTeM daripada Kerajaan ialah sebanyak RM63.82 juta berbanding dengan RM47.33 juta dalam tahun 2018, iaitu meningkat sebanyak 34.9%.

Perbelanjaan pembangunan UTeM bagi tahun 2019 pula berjumlah RM81.18 juta berbanding dengan RM86.51 juta bagi tahun 2018, iaitu menurun sebanyak 6.2%.

PERBANDINGAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018 DAN 2019



PERBANDINGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018 DAN 2019






KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN


Kumpulan Wang Penyelidikan UTeM terdiri daripada projek-projek penyelidikan yang mendapat pembiayaan daripada Kerajaan dan pihak swasta. Peruntukan penyelidikan daripada Kerajaan bagi tahun 2019 berjumlah RM1.77 juta berbanding dengan RM8.69 juta bagi tahun 2018, iaitu menurun sebanyak 79.6%.

Perbelanjaan penyelidikan tahun 2019 berjumlah RM4.85 juta berbanding dengan RM7.42 juta bagi tahun 2018, iaitu menurun sebanyak 34.7%.

PERBANDINGAN PERUNTUKAN PENYELIDIKAN TAHUN 2018 DAN 2019



PERBANDINGAN PERBELANJAAN PENYELIDIKAN TAHUN 2018 DAN 2019



LAPORAN RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI TAHUN 2019
(TELAH DIAUDIT)

PERANGKAIAN KEWANGAN YANG PENTING		2019 (RM)	2018 (RM)	PERBEZAAN (%)
i.	Pendapatan Mengurus			
	- Pemberian Kerajaan	233,309,000	229,136,000	1.8
	- Sumber Dalaman	24,238,683	20,757,178	16.8
	- Tambahan Geran	6,498,959	6,599,600	(1.5)
		<u>264,046,642</u>	<u>256,492,778</u>	2.9
	Pendapatan Pembangunan			
	- Pemberian Kerajaan	63,823,500	47,328,364	34.9
ii.	Perbelanjaan			
	a) Mengurus	(232,670,748)	(227,804,807)	2.1
	b) Pembangunan	(81,181,400)	(86,512,782)	(6.2)
		<u>(313,852,148)</u>	<u>(314,317,589)</u>	(0.1)
iii.	Lebihan/(Kurangan)			
	a) Mengurus	31,375,894	28,687,971	9.4
	b) Pembangunan	(11,815,404)	-	-
		<u>19,560,490</u>	<u>28,687,971</u>	(31.8)
iv.	Lebihan Terkumpul			
	a) Mengurus	84,147,925	63,469,431	32.6
	b) Pembangunan	(42,870,025)	-	-
		<u>41,277,900</u>	<u>63,469,431</u>	(35.0)
v.	Aset Bukan Semasa	634,968,078	659,578,590	(3.7)
vi.	Aset Semasa	297,614,967	256,992,472	15.8
vii.	Tanggungan Semasa	23,438,943	26,461,572	(11.4)
viii.	Tanggungan Jangka Panjang	774,295,645	744,975,578	3.9
ix.	Aset Bersih	909,144,102	890,109,490	2.1
x.	Modal Digunakan	134,848,457	145,133,912	(7.1)
xi.	Penglibatan Modal	39,882,244	74,076,336	(46.2)
xii.	Rizab Tunai			
	- Simpanan Tetap	270,135,817	229,574,693	17.7
	- Wang di Tangan dan di Bank	10,925,788	13,587,787	(19.6)
		<u>281,061,605</u>	<u>243,162,480</u>	15.6
xiii.	Nisbah Kewangan			
	a) Aset Semasa/Tanggungan Semasa	12.70 : 1	9.71 : 1	
	b) Aset Mudah Cair/Tanggungan Semasa	11.99 : 1	9.19 : 1	
	c) Jumlah Hutang/Jumlah Aset	0.86 : 1	0.84 : 1	
	d) Modal Digunakan/Jumlah Tanggungan	0.17 : 1	0.19 : 1	
	e) Modal Digunakan/Aset Tetap	0.21 : 1	0.22 : 1	



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 28 telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Emphasis of Matter

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara seperti di Nota 15 kepada Penyata Kewangan yang menerangkan berkenaan baki negatif Kumpulan Wang Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) di Modal dan Rizab berjumlah RM42,870,025.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 6 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATIN SITI ZALEHA BINTI BAKAR)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA


10 SEPTEMBER 2020

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


PENYATA Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, ACADEMICIAN TAN SRI DR. IR. AHMAD TAJUDDIN ALI, FASc. dan PROFESOR DATUK WIRA DR. RAHA BINTI ABDUL RAHIM, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



ACADEMICIAN TAN SRI DR. IR. AHMAD TAJUDDIN ALI, FASc.
Pengerusi Lembaga Pengarah



PROFESOR DATUK WIRA DR. RAHA BINTI ABDUL RAHIM
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh : 25 FEB 2020
Melaka



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, KHAIRUL BIN TAIB, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas,
KHAIRUL BIN TAIB, di negeri Melaka
pada 24 FEB 2020

)
)
)
)


KHAIRUL BIN TAIB
NO. K/P : 630321-01-6027

Di hadapan saya,


PESURUHJAYA SUMPAAH
NO: A-M 059
ZUNAIRAH BINTI JANUDIN
MAHKAMAH NEGERI MELAKA
1/9/2018 hingga 30/6/2021
PESURUHJAYA SUMPAAH
MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2019

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2019 RM	2018 RM Dinyatakan semula	2019 RM	2018 RM Dinyatakan semula	
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	549,835,460	595,560,334	538,346,201	587,572,136
Pembinaan Dalam Kemajuan	4	83,823,037	54,043,744	83,823,037	54,043,744
Aset Tak Ketara	5	1,722,776	2,636,643	1,722,776	2,636,643
Pelaburan dalam Anak Syarikat	6	-	-	500,000	500,000
Hartanah Pelaburan	7	180,000,000	180,000,000	-	-
Pelaburan Jangka Panjang	8	-	5,037,845	-	5,037,845
Penghutang	9	10,576,064	9,788,222	10,576,064	9,788,222
Jumlah Aset Bukan Semasa		<u>825,957,337</u>	<u>847,066,788</u>	<u>634,968,078</u>	<u>659,578,590</u>
ASET SEMASA					
Penghutang	9	4,013,861	10,025,730	3,603,441	3,740,293
Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	10	2,579,244	9,464,565	8,778,595	9,219,739
Pendapatan Terakru		4,171,326	869,960	4,171,326	869,960
Tunai dan Kesetaraan Tunai	11	291,774,206	256,906,489	281,061,605	243,162,480
Jumlah Aset Semasa		<u>302,538,637</u>	<u>277,266,744</u>	<u>297,614,967</u>	<u>256,992,472</u>
JUMLAH ASET		<u>1,128,495,974</u>	<u>1,124,333,532</u>	<u>932,583,045</u>	<u>916,571,062</u>
MODAL DAN RIZAB					
Kumpulan Wang Mengurus	12	84,147,925	63,469,431	84,147,925	63,469,431
Kumpulan Wang Pembangunan	13	-	-	-	-
Kumpulan Wang Penyelidikan	14	3,475,071	5,485,748	3,475,071	5,485,748
Kumpulan Wang Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)	15	(42,870,025)	-	(42,870,025)	-
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	16	8,000,000	5,000,000	8,000,000	5,000,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	17	600,000	600,000	600,000	600,000
Kumpulan Wang Pendapatan	18	47,588,285	50,619,199	47,808,285	50,619,199
Kumpulan Wang Amanah	19	33,687,201	19,959,534	33,687,201	19,959,534
Kumpulan Wang Peruntukan Khas	20	-	-	-	-
Keuntungan Terkumpul Anak Syarikat	21	156,266,595	143,867,084	-	-
JUMLAH EKUITI		<u>290,895,052</u>	<u>289,000,996</u>	<u>134,848,457</u>	<u>145,133,912</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Manfaat Pekerja	22	11,032,545	8,391,274	11,032,545	8,391,274
Pajakan Kewangan	23	151,738,919	154,656,820	151,738,919	154,656,820
Pinjaman Berjangka	24	25,329,491	41,112,540	-	-
Pendapatan Tertunda	25	611,524,181	581,927,484	611,524,181	581,927,484
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		<u>799,625,136</u>	<u>786,088,118</u>	<u>774,295,645</u>	<u>744,975,578</u>
LIABILITI SEMASA					
Manfaat Pekerja	22	1,244,650	659,009	1,244,650	659,009
Pemiutang dan Akruan	26	21,982,209	34,162,377	19,276,374	23,210,539
Pajakan Kewangan	23	2,917,919	2,592,024	2,917,919	2,592,024
Pinjaman Berjangka	24	11,780,089	11,780,089	-	-
Peruntukan Cukai		50,919	50,919	-	-
Jumlah Liabiliti Semasa		<u>37,975,786</u>	<u>49,244,418</u>	<u>23,438,943</u>	<u>26,461,572</u>
JUMLAH LIABILITI		<u>837,600,922</u>	<u>835,332,536</u>	<u>797,734,588</u>	<u>771,437,150</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>1,128,495,974</u>	<u>1,124,333,532</u>	<u>932,583,045</u>	<u>916,571,062</u>

Nota-nota di muka surat 6 hingga 28 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2019 RM	2018 RM Dinyatakan semula	2019 RM	2018 RM Dinyatakan semula	
PENDAPATAN					
Pemberian Kerajaan	27	316,572,625	337,443,026	316,572,625	337,443,026
Pendapatan-pendapatan Lain		20,120,607	11,622,114	19,969,988	11,568,665
Yuran dan Hasil Pelajar		27,309,101	27,062,985	27,309,101	27,087,498
Sewaan, Jualan dan Pelbagai Hasil		10,665,278	9,402,155	9,333,023	5,785,711
Faedah dan Keuntungan		9,816,189	9,950,211	10,036,189	9,956,664
Hasil Perkhidmatan Akademik		2,474,748	3,804,691	30,066	42,484
		386,958,548	399,285,182	383,250,992	391,884,048
PERBELANJAAN					
Emolumen		165,948,330	160,691,279	165,097,526	159,905,972
Perkhidmatan dan Bekalan		112,443,308	134,847,057	123,757,276	140,241,193
Pemberian dan Bayaran Tetap		9,862,733	9,984,630	9,873,733	9,984,630
Perbelanjaan Lain		38,645	113,878	38,645	113,878
Susut Nilai	3	54,071,456	60,024,470	52,091,378	58,504,012
Belanja Pelunasan		2,204,252	2,971,646	2,204,252	2,971,646
Belanja Hutang Ragu		1,637,709	4,000	1,637,709	4,000
		346,206,433	368,636,960	354,700,519	371,725,331
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN KOMPREHENSIF SEBELUM CUKAI					
		40,752,115	30,648,222	28,550,473	20,158,717
PERBELANJAAN CUKAI					
	28	22,131	69,480	-	-
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN KOMPREHENSIF SELEPAS CUKAI					
		40,729,984	30,578,742	28,550,473	20,158,717
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF DIAGIHKAN KEPADA :					
UNIVERSITI		40,729,984	30,578,742	28,550,473	20,158,717
KEPENTINGAN MINORITI		-	-	-	-
		40,729,984	30,578,742	28,550,473	20,158,717

Nota-nota di muka surat 6 hingga 28 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

KUMPULAN	Kumpulan Wang Mengurus		Kumpulan Wang Pembangunan		Kumpulan Wang Penyelidikan		Kumpulan Wang Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)		Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan		Kumpulan Wang Pinjaman Komputer		Kumpulan Wang Pendapatan		Kumpulan Wang Amanah		Kumpulan Wang Peruntukan Khas		Keuntungan Terkumpul Anak Syarikat		Jumlah		
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
2019																							
Baki pada 1 Januari 2019	63,469,431	-	5,485,748	-	5,000,000	600,000	600,000	50,619,199	19,959,534	-	143,867,084	-	289,000,996										
Geran Kerajaan	239,807,959	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	239,807,959										
Geran yang Dilunaskan	-	35,652,496	2,919,667	-	-	-	-	-	1,787,521	1,668,242	-	76,764,666											
Pendapatan Lain	24,238,683	-	-	-	-	-	-	21,147,426	21,072,258	-	-	85,059,401											
(-) Perbelanjaan	327,516,073	(35,652,496)	(4,846,437)	(46,552,144)	(5,000,000)	(600,000)	(71,766,625)	(24,178,340)	(9,132,112)	(1,668,242)	(6,179,392)	690,633,022											
	94,845,325	-	3,568,978	(11,815,404)	5,000,000	600,000	47,588,285	33,687,201	-	156,288,726	-	329,753,111											
Cukai	-	-	-	(31,054,621)	-	-	-	-	-	-	-	(22,131)											
Pelarasan	-	-	(83,907)	-	-	-	-	-	-	-	-	(31,054,621)											
Pindahan antara Kumpulan Wang	(10,697,400)	-	-	-	3,000,000	-	-	-	-	-	-	(7,781,307)											
Baki pada 31 Disember 2019	84,147,925	-	3,475,071	(42,870,025)	8,000,000	600,000	47,588,285	33,687,201	-	156,266,595	-	290,895,052											
2018																							
Baki pada 1 Januari 2018	36,781,460	-	6,668,815	-	5,000,000	600,000	63,535,493	12,389,427	-	133,447,059	-	258,422,254											
Geran Kerajaan	235,735,600	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	235,735,600											
Geran yang Dilunaskan	-	39,670,387	4,234,319	51,318,943	-	-	-	3,322,472	3,161,305	-	-	101,707,426											
Pendapatan Lain	20,757,178	-	-	-	-	-	19,035,786	14,648,058	-	16,519,908	-	70,960,930											
(-) Perbelanjaan	293,274,238	(39,670,387)	(7,417,386)	(51,318,943)	(5,000,000)	(600,000)	(82,571,279)	(10,400,423)	(3,161,305)	(6,030,403)	(377,755,734)												
	65,469,431	-	3,485,748	-	5,000,000	600,000	50,619,199	19,959,534	-	143,936,564	-	289,070,476											
Cukai	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(69,480)											
Pindahan antara Kumpulan Wang	(2,000,000)	-	2,000,000	-	-	-	-	-	-	-	-	(69,480)											
Baki pada 31 Disember 2018	63,469,431	-	5,485,748	-	5,000,000	600,000	50,619,199	19,959,534	-	143,867,084	-	289,000,996											

Nota-nota di muka surat 6 hingga 28 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.





UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

UNIVERSITI	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Penyelidikan	Kumpulan Wang Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	Kumpulan Wang Pendapatan	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Peruntukan Khas	Keuntungan Terkumpul Anak Syarikat	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2019											
Baki pada 1 Januari 2019	63,469,431	-	5,485,748	-	5,000,000	600,000	50,619,199	19,959,534	-	-	145,133,912
Geran Kerajaan	239,807,959	-	-	-	-	-	-	-	-	-	239,807,959
Geran yang Dilunaskan	-	35,652,496	2,919,667	34,736,740	-	-	-	1,787,521	1,668,242	-	76,764,666
Pendapatan Lain	24,238,683	-	-	-	-	-	21,367,426	21,072,258	-	-	66,678,367
	327,516,073	35,652,496	8,405,415	34,736,740	5,000,000	600,000	71,986,625	42,819,313	1,668,242	-	528,384,904
(-) Perbelanjaan	(232,670,748)	(35,652,496)	(4,846,437)	(46,552,144)	-	-	(24,178,340)	(9,132,112)	(1,668,242)	-	(354,700,519)
Pelarasan	94,845,325	-	3,558,978	(11,815,404)	5,000,000	600,000	47,808,285	33,687,201	-	-	173,684,385
Pindahan antara Kumpulan Wang	(10,697,400)	-	(83,907)	(31,054,621)	-	-	-	-	-	-	(31,054,621)
Baki pada 31 Disember 2019	84,147,925	-	3,475,071	(42,870,025)	8,000,000	600,000	47,808,285	33,687,201	-	-	134,848,457
2018											
Baki pada 1 Januari 2018	36,781,460	-	6,668,815	-	5,000,000	600,000	63,535,493	12,389,427	-	-	124,975,195
Geran Kerajaan	235,735,600	-	-	-	-	-	-	-	-	-	235,735,600
Geran yang Dilunaskan	-	39,670,387	4,234,319	51,318,943	-	-	-	3,322,472	3,161,305	-	101,707,426
Pendapatan Lain	20,757,178	-	-	-	-	-	19,035,786	14,648,058	-	-	54,441,022
	293,274,238	39,670,387	10,903,134	51,318,943	5,000,000	600,000	82,571,279	30,359,957	3,161,305	-	516,859,243
(-) Perbelanjaan	(227,804,807)	(39,670,387)	(7,417,386)	(51,318,943)	-	-	(31,952,080)	(10,400,423)	(3,161,305)	-	(371,725,331)
Pindahan antara Kumpulan Wang	65,469,431	-	3,485,748	-	5,000,000	600,000	50,619,199	19,959,534	-	-	145,133,912
(2,000,000)	-	-	2,000,000	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2018	63,469,431	-	5,485,748	-	5,000,000	600,000	50,619,199	19,959,534	-	-	145,133,912

Nota-nota di muka surat 6 hingga 28 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2019 RM	2018 RM Dinyatakan semula	2019 RM	2018 RM Dinyatakan semula
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Lebih Pendapatan Komprehensif	40,752,115	30,648,222	28,550,473	20,158,717
Pelarasan untuk :				
Pelunasan Geran	(76,764,666)	(101,707,426)	(76,764,666)	(101,707,426)
Faedah dan Keuntungan Diterima	(9,708,798)	(9,926,054)	(9,928,798)	(9,932,507)
Manfaat Pekerja	4,113,294	1,473,285	4,113,294	1,473,285
Susut Nilai	54,071,456	60,024,470	52,091,378	58,504,012
Belanja Pelunasan	2,204,252	2,971,646	2,204,252	2,971,646
Belanja Hutang Ragu	1,637,709	4,000	1,637,709	4,000
Faedah Pajakan	22,287,619	22,552,801	22,287,619	22,552,801
Pelarasan antara Kumpulan Wang	(7,781,307)	-	(7,781,307)	-
Pelarasan Hartanah, Loji dan Peralatan	190,237	(3,128,400)	190,237	(3,128,400)
Keuntungan atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	(107,391)	(24,158)	(107,391)	(24,158)
Kerugian atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	14,175	3,185	14,175	3,185
Lebih operasi sebelum perubahan modal kerja	30,908,695	2,891,571	16,506,975	(9,124,845)
Pengurangan dalam Penghutang	5,961,536	2,990,418	86,519	448,793
Pengurangan/(Pertambahan) dalam Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	5,431,668	737,799	(1,012,509)	1,154,482
Pertambahan dalam Pendapatan Terakru	(3,301,366)	(869,960)	(3,301,366)	(869,960)
Pertambahan/(Pengurangan) dalam Pemiutang dan Akruan Tunai daripada Aktiviti Operasi	(12,180,168)	14,034,298	(3,934,165)	10,211,434
Manfaat Pekerja Dibayar	(886,382)	(1,194,943)	(886,382)	(1,194,943)
Cukai Dibayar	(22,131)	(78,664)	-	-
Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi	25,911,852	18,510,519	7,459,072	624,961
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Faedah dan Keuntungan Diterima	9,296,046	9,886,516	9,296,046	9,892,969
Dividen Diterima	-	-	220,000	-
Pelaburan Jangka Panjang	5,450,597	(4,998,307)	5,450,597	(4,998,307)
Penerimaan Pinjaman Kenderaan/Komputer	1,273,135	1,584,041	1,273,135	1,584,041
Bayaran Pinjaman Kenderaan/Komputer	(2,194,700)	(2,923,000)	(2,194,700)	(2,923,000)
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(8,848,720)	(11,033,949)	(3,367,581)	(10,852,177)
Pembelian Aset Tak Ketara	(770,551)	(1,565,068)	(770,551)	(1,565,068)
Terimaan Hasil Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	107,592	24,623	107,592	24,623
Pembayaran Pembinaan dalam Kemajuan	(30,001,603)	(33,965,352)	(30,001,603)	(33,965,352)
Tunai Bersih untuk Aktiviti Pelaburan	(25,688,204)	(42,990,496)	(19,987,065)	(42,802,271)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Pembayaran Pajakan Kewangan	(24,879,624)	(30,475,075)	(24,879,624)	(30,475,075)
Pembayaran Pinjaman Berjangka	(15,783,049)	(11,470,876)	-	-
Penerimaan Pelbagai Geran Khusus	75,306,742	62,311,861	75,306,742	62,311,861
Tunai Bersih daripada Aktiviti Pembiayaan	34,644,069	20,365,910	50,427,118	31,836,786
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai	34,867,717	(4,114,067)	37,899,125	(10,340,524)
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	256,906,489	261,020,556	243,162,480	253,503,004
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	291,774,206	256,906,489	281,061,605	243,162,480
Tunai dan Kesetaraan Tunai termasuk :				
Simpanan Tetap	274,819,465	234,814,775	270,135,817	229,574,693
Tunai di Tangan dan di Bank	16,954,741	22,091,714	10,925,788	13,587,787
	291,774,206	256,906,489	281,061,605	243,162,480

Nota-nota di muka surat 6 hingga 28 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

1. MAKLUMAT AM

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

Aktiviti utama UTeM ialah mengadakan, memajukan dan mengembangkan pelajaran tinggi dalam bidang sains dan teknologi dan bidang pengajian lain yang perlu, serta mengadakan penyelidikan, pengumpulan dan pemajuan pengetahuan dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian.

Penyata Kewangan UTeM yang berakhir 31 Disember 2019 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 25 Februari 2020.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan disatukan merangkumi penyata kewangan Universiti dan anak syarikat Universiti.

Mulai tahun kewangan 2016, Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti telah disediakan mengikut piawaian *Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)* yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dengan pengubahsuaian berdasarkan peruntukan di bawah akta dan undang-undang Kerajaan yang berkaitan.

Sebelum ini penyata kewangan Kumpulan dan Universiti telah menggunakan *Private Entity Reporting Standards (PERS)* mulai Penyata Kewangan tahun 2007.

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan jika dinyatakan sebaliknya dalam dasar-dasar perakaunan penting yang dinyatakan di bawah.

Penyata kewangan ini disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia ("RM").

2.2 Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan merangkumi penyata kewangan Universiti dan anak syarikat iaitu entiti yang dikawal oleh Universiti. Kawalan wujud apabila Universiti mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperoleh manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Pelaburan dalam anak syarikat diambil kira dalam penyata kewangan berasingan Universiti pada kos ditolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Keuntungan dan perbelanjaan anak syarikat disertakan dalam penyata kewangan disatukan bermula dari tarikh pengambilalihan sehingga tarikh di mana Universiti berhenti mengawal anak syarikat. Apabila Universiti berhenti mengawal anak syarikat, sebarang perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan anak syarikat dan nilai dibawa pada tarikh kawalan hilang, adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif disatukan sebagai keuntungan atau kerugian pada pelupusan anak syarikat.

Penyata kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi urus niaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama.

Semua baki, urus niaga di antara Kumpulan, termasuk pendapatan dan perbelanjaan dihapuskan sepenuhnya.

2.3 Penggabungan Perniagaan

Penggabungan perniagaan diambil kira dengan menggunakan kaedah pembelian. Kos penggabungan perniagaan adalah diukur pada agregat nilai saksama, pada tarikh pengambilalihan, aset diberikan, liabiliti yang ditanggung atau diandaikan, dan ekuiti diterbitkan oleh Kumpulan, sebagai pertukaran kawalan syarikat yang diambil alih, menambah sebarang kos boleh diagihkan secara langsung kepada penggabungan perniagaan.

Pada tarikh pengambilalihan, Kumpulan memperuntukkan kos penggabungan perniagaan dengan mengiktiraf aset boleh dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka pada nilai saksama, kecuali aset atau liabiliti cukai tertunda yang timbul daripada aset yang diperolehi dan liabiliti yang ditanggung dalam penggabungan perniagaan dan sesuatu liabiliti atau aset, jika ada, yang berkaitan dengan pengaturan faedah pekerja pemerolehi. Sebarang lebih daripada kos penggabungan perniagaan di atas kepentingan pemerolehi dalam nilai saksama bersih aset boleh dikenal pasti, liabiliti, liabiliti luar jangka adalah direkodkan sebagai muhibah. Sebarang kepentingan bukan kawalan dalam pengambilalihan adalah diukur pada bahagian kepentingan bukan kawalan ke atas amaun yang diiktiraf ke atas aset bersih boleh dikenal pasti yang diperolehi.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Jika, selepas penilaian semula, kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset boleh dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang diiktiraf melebihi kos penggabungan perniagaan, lebihan itu diiktiraf serta-merta dalam keuntungan atau kerugian.

Dalam penyata kewangan yang disatukan, kepentingan bukan kawalan dalam aset bersih anak syarikat adalah dimasukkan dalam ekuiti. Kumpulan menganggap perubahan dalam kepentingan kawalan Universiti dalam anak syarikat yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan sebagai urus niaga dengan pemegang ekuiti dalam kedudukan mereka sebagai pemegang ekuiti. Justeru, amaun dibawa kepentingan bukan kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan Universiti dalam aset bersih anak syarikat tersebut. Sebarang perbezaan di antara amaun yang mana kepentingan bukan kawalan diselaraskan demikian dan nilai saksama pertimbangan dibayar atau diterima, jika ada, diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan diagihkan kepada Universiti. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan ini dan perubahan dalam amaun dibawa aset (termasuk muhibah) atau liabiliti akibat daripada urus niaga tersebut tidak diiktiraf.

2.4 Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Kos sesuatu item bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa Kumpulan dan Universiti mendapat manfaat ekonomi masa hadapan dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada, kecuali tanah pegangan bebas dan bangunan. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan.

Sesuatu item hartanah, loji dan peralatan yang dibeli dengan nilai kurang daripada RM3,000 diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

Universiti telah mengguna pakai polisi Kerajaan bagi mengambil kira perabot sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif sejak tahun 2008. Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, item perabot yang dibeli dengan nilai kurang daripada RM3,000 diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

Apabila bahagian penting loji dan peralatan perlu diganti secara berkala, kos penggantian tersebut akan dipermodalkan dan disusut nilai berdasarkan jangka hayat kegunaan khususnya. Amaun dibawa bersih bahagian yang diganti akan dinyah iktiraf apabila penggantian berlaku. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan bilamana kos ditanggung.

Amaun dibawa bagi hartanah, loji dan peralatan dinyah iktiraf pada masa ia dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangkakan daripada penggunaannya atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas penyahiktirafan hartanah, loji dan peralatan ini dinyatakan sebagai keuntungan atau kerugian dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

Susut nilai diperuntukkan berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos setiap aset meliputi anggaran jangka hayat kegunaannya.

Tanah milik bebas tidak dilunaskan. Tanah pegangan pajakan dilunaskan sama rata sepanjang tempoh pajakan.

Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut :

Tanah Pajakan	98 Tahun
Bangunan	2%
Infrastruktur	20%
Kenderaan	25%
Peralatan Pejabat	25%
Peralatan Komputer	25%
Peralatan Makmal	25%

Nilai sisa, hayat guna dan kaedah susut nilai disemak semula pada akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

2.5 Pembinaan dalam Kemajuan

Pembinaan dalam kemajuan meliputi projek pembinaan bangunan dan infrastruktur yang belum selesai dan aset yang belum disempurnakan. Jumlah yang diambil kira adalah kos yang terlibat berdasarkan sijil bayaran kemajuan. Tiada susut nilai yang diperuntukkan.

Kos pembinaan dipindahkan ke hartanah, loji dan peralatan yang berkenaan apabila sekurang-kurangnya Sijil Perakuan Tamat Kerja dikeluarkan. Sebarang bayaran tambahan akan dicaj terus kepada hartanah, loji dan peralatan berkenaan dalam tahun berkenaan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

2.6 Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan terdiri daripada hartanah yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya, tetapi bukan untuk dijual dalam urus niaga yang biasa, digunakan untuk pembuatan atau pembekalan barangan atau perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran.

Nilai saksama hartanah pelaburan diukur dengan merujuk kepada perbandingan harga pasaran dalam urus niaga hartanah yang serupa. Tiada andaian yang signifikan dalam pengukuran yang digunakan. Anak syarikat tidak mendapatkan penilaian daripada penilai bebas kerana melibatkan kos.

Apabila hartanah dilupuskan atau ia tidak digunakan langsung dan dijangka tiada pulangan masa hadapan daripada pelupusan tersebut, ia akan disingkirkan daripada Penyata Kedudukan Kewangan. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa akan diiktiraf di Penyata Pendapatan Komprehensif Universiti dalam tempoh ia dilupuskan.

2.7 Pelaburan Lain

Pelaburan lain adalah pelaburan jangka panjang dalam produk Gold-i dan dinyatakan pada kos.

Pada tarikh pelaporan, pelaburan dinyatakan pada nilai pasaran. Sebarang perubahan nilai pasaran yang wujud daripada pelaburan dalam kategori ini diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian.

2.8 Aset Tak Ketara - Perisian Komputer

Perisian komputer diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 4 tahun.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset. Perbelanjaan pelunasan ke atas perisian komputer diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Universiti.

2.9 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi salah satu pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen kewangan tersebut.

a. Pengkelasan dan Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, yang terlibat secara langsung dalam mengisru aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada kategori aset kewangan iaitu dalam aset kewangan yang diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual, bergantung kepada bentuk dan tujuan aset kewangan dan ditentukan semasa pengiktirafan awal.

Kumpulan dan Universiti mengkategorikan aset kewangannya seperti berikut:

Pinjaman dan Belum Terima

Aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif dikelaskan sebagai pinjaman dan belum terima.

Belum terima pada mulanya diiktiraf berdasarkan nilai saksama. Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum terima diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Hasil dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pinjaman dan belum terima dinyah iktiraf atau mengalami rosot nilai, dan melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan belum terima diklasifikasikan sebagai aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tempoh matang selepas 12 bulan dari tarikh pelaporan yang diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

Aset kewangan sedia untuk dijual merangkumi pelaburan dalam ekuiti dan instrumen sekuriti hutang yang tidak dipegang untuk dagangan dan tidak termasuk dalam kategori aset kewangan lain.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan sedia untuk dijual dinilai pada nilai saksama. Sebarang hasil atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama aset kewangan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain kecuali kerugian rosot nilai, keuntungan dan kerugian tukaran wang asing bagi instrumen monetari dan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif, diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf sebelumnya dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada untung rugi sebagai pelarasan pengkelasan semula apabila aset kewangan tersebut dinyah iktiraf. Pendapatan faedah dikira menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen bagi instrumen ekuiti sedia untuk dijual diiktiraf dalam untung atau rugi apabila hak Universiti untuk menerima bayaran ditetapkan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti dinilai pada kos tolak kerugian rosot nilai.

b. Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Universiti akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam,
- pembayaran tertunggak;
- kemungkinan bahawa peminjam akan mufis; atau
- data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa hadapan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai akan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

Peruntukan rosot nilai dibuat berdasarkan semakan akhir tahun ke atas hutang yang ditentukan mengikut sifat, status dan pengumuran hutang tersebut. Setiap jenis penghutang, kecuali penghutang skim pinjaman kenderaan dan komputer Universiti, yang mana tempoh pengumuran penghutang melebihi 1 tahun akan diperuntukkan rosot nilai sepenuhnya (100%). Hutang lapuk dilupuskan dalam tahun ia dikenal pasti dan diluluskan.

c. Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyah iktiraf apabila hak berkontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat atau ia memindahkan aset kewangan tanpa mengekalkan kawalan atau hampir kesemua risiko dan manfaat pemilikan aset kewangan itu kepada pihak lain. Apabila aset kewangan dinyah iktiraf secara keseluruhannya, perbezaan antara amaun dibawa dan jumlah manfaat diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

2.10 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai adalah merangkumi tunai di tangan dan di bank, deposit jangka pendek dan berkecairan tinggi yang mempunyai tempoh matang selama dua belas bulan atau kurang yang tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan setelah ditolak overdraf bank, jika ada.

2.11 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dikelaskan mengikut kontrak perjanjian yang telah dimeterai dan takrifan liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi salah satu pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen kewangan tersebut.

a. Pengkelasan dan Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, yang terlibat secara langsung dalam mengisu liabiliti kewangan.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, dan pinjaman dan belum bayar.

Bagi liabiliti kewangan lain, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila liabiliti kewangan dinyah iktiraf dan melalui proses pelunasan.

Kumpulan dan Universiti mengkategorikan liabiliti kewangannya seperti berikut:

Pinjaman dan Belum Bayar

Liabiliti kewangan pada mulanya diiktiraf berdasarkan nilai saksama dengan amaun cukai yang dikenakan oleh Kerajaan ditambah termasuklah kos urus niaga secara langsung.

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pinjaman dan belum bayar dinyah iktiraf atau dirosot nilai.

Kadar faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa hadapan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

b. Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyah iktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat. Sebarang perbezaan antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dinyah iktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pengiktirafan.

2.12 Peruntukan

Sesuai peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai obligasi pada tarikh pelaporan akibat daripada peristiwa yang lalu, ia terdapat kemungkinan bahawa pemindahan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang munasabah boleh dibuat daripada amaun obligasi tersebut.

Risiko dan ketidaktentuan yang diambil kira dalam pengiraan dalam mencapai anggaran peruntukan yang terbaik. Apabila kesan nilai masa wang adalah ketara, amaun yang diiktiraf dalam peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

2.13 Pajakan - sebagai Pemajak

a. Pajakan Kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Kumpulan dan Universiti.

Kumpulan dan Universiti pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukkan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susut nilai bagi aset pajakan yang boleh disusut nilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusut nilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan dan Universiti akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusut nilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat kegunaannya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan Universiti menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosot nilai.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

b. Pajakan Operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.14 Pengiktirafan Hasil

Hasil diukur pada nilai saksama atas pertimbangan yang diterima atau akan diterima, selepas ditolak sebarang diskaun perdagangan, diskaun penyelesaian segera, jumlah rebat dan cukai tidak langsung yang terpakai kepada hasil. Hasil diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian berdasarkan berikut:

- Hasil daripada yuran pengajian pelajar adalah diiktiraf keseluruhannya apabila pendaftaran dibuka dalam tahun
- Keuntungan atas Simpanan Tetap diiktiraf hasilnya berdasarkan asas akruan. Keuntungan bagi Simpanan Tetap yang matang pada tahun berikutnya diiktiraf secara pro rata mengikut tempoh simpanan.
- Hasil dari bayaran balik pecah kontrak perjanjian staf cuti belajar dan *fellowship* diiktiraf apabila hak penerimaan dapat dipastikan dengan munasabah.
- Hasil sewa diiktiraf apabila hasil itu diperoleh mengikut syarat perjanjian penyewaan.
- Hasil-hasil lain diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.
- Hasil Dividen diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif pada tarikh hak penerimaan dividen diisytihar.

Hasil yang diterima bagi tujuan yang khusus dan sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

2.15 Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu seperti geran mengurus diukur pada nilai saksama aset yang diterima atau akan diterima dan diiktiraf dalam pendapatan apabila geran akan diterima.

Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu diiktiraf pada nilai saksama dalam pendapatan hanya apabila syarat-syarat prestasi telah dipenuhi.

Geran Kerajaan diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

2.16 Cukai Pendapatan

Universiti telah diberi pengecualian daripada cukai pendapatan di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967. Dividen yang diterima di bawah kategori *Single Tier Dividend* adalah dikecualikan daripada cukai.

Cukai dalam penyata kewangan anak syarikat terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jangkaan cukai yang perlu dibayar terhadap pendapatan boleh cukai pada tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang diterima pakai atau sebahagian besarnya diterima pakai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, dan apa-apa pelarasan ke atas cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diperuntukkan di bawah kaedah liabiliti untuk semua perbezaan sementara yang timbul akibat perbezaan asas cukai dengan nilai dibawa sesuatu aset dan liabiliti di dalam penyata kewangan.

Cukai tertunda aset diiktiraf apabila ia berkemungkinan pada masa hadapan terdapat keuntungan boleh cukai yang memanfaatkan perbezaan sementara tersebut.

2.17 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

Nilai aset yang dibawa disemak semula pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda bahawa aset mungkin mengalami rosot nilai. Sekiranya terdapat tanda-tanda sedemikian, atau apabila penilaian rosot nilai tahunan bagi sesuatu aset diperlukan, amaun boleh pulih bagi aset berkenaan akan dianggarkan. Amaun boleh pulih aset adalah nilai yang lebih tinggi antara nilai saksama suatu aset ditolak kos untuk dijual dan nilai penggunaannya. Untuk menaksir rosot nilai, aset dikumpulkan pada nilai tahap terendah yang mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penjana tunai, CGU).



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Dalam menaksir nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset, didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus kepada aset. Bila mana amaun dibawa aset melebihi amaun boleh pulih, aset diturunkan nilai kepada amaun boleh pulih.

Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Penaksiran dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk mengesan sama ada terdapat petanda bahawa kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya mungkin tidak wujud lagi atau mungkin telah berkurang. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset sejak kerugian rosot nilai sebelumnya itu diiktiraf. Jika demikian, amaun dibawa aset dinaikkan kepada amaun boleh pulih. Sekiranya kerugian rosot nilai tidak diiktiraf sebelumnya, peningkatan ini tidak boleh melebihi amaun dibawa yang mungkin telah ditentukan, bersih daripada susut nilai. Pembalikan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian melainkan jika aset tersebut diukur pada amaun yang dinilai semula, yang mana pembalikan dianggap sebagai peningkatan penilaian semula.

2.18 Manfaat Pekerja

a. Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Universiti telah mengaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya serta bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat pekerja jangka pendek.

b. Pelan Caruman Tetap

Universiti membuat caruman kepada KWSP bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi pekerja yang telah diletakkan di dalam skim pencen dan sumbangan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

c. Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Universiti telah menerima pakai MASB 29 - Manfaat Pekerja mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 yang mana bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan sebagai perbelanjaan tahun semasa dalam Penyata Pendapatan dan sebagai liabiliti di dalam Lembaran Imbangan.

